

001-475

AZAH AZIZ

*Kartika
di Langit Seni*

NASKHAT CONTOH



fotografi & reka bentuk kulit :
Soraya Yusof Talismail

AZAH AZIZ

*Kartika
di Langit Seni*

Zaharah Nawawi

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Cetakan Pertama 2001
© Zaharah Nawawi 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Zaharah Nawawi, 1940—

Azah Aziz : kartika di langit seni / Zaharah Nawawi.

ISBN 983-62-6167-2

1. Azah Aziz, 1928-. 2. Journalists--Malaysia--Biography.

3. Authors, Malay--Malaysia--Biography. I. Judul.

920.5595

1019923
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
23 JUL 1999

920.5595

AZA.Z

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

Kandungan

1. Akar Umbi	1
2. Bintang Kecil	11
3. Pentas Kehidupan	19
4. Dalam Api Peperangan	22
5. Kehilangan Abang	31
6. Renjis-renjis Dipilis	33
7. Suami dan Anak	38
8. Bekerja di Berita Harian	53
9. Perjuangan Wanita	64
10. Bekerja di Utusan	76
11. Sastera Kanak-kanak	83
12. Budayawan	89
13. Menjadi Pelukis	102

KANDUNGAN	—
14. Puisi dan Lagu	105
15. Anak Patung	112
16. Persatuan	118
17. Masak-memasak	125
18. Perjalanan	134
<i>Biodata Pengarang</i>	145

Akar Umbi

*Kalau ada kain berkampuh,
 Apalah guna kain selerang;
 Kalau ada angin merempuh,
 Takkalih bunga tak mahu kembang.*

AZAH AZIZ, peminat alam semula jadi, peminat keindahan, peminat kesenian. Penglibatannya dalam bidang kebudayaan, terutama tentang pakaian tradisional dan kraftangan membuatkan namanya terkenal.

Pantun seloka dan gurindam pusaka yang indah menjadi bertambah indah dan masyhur apabila secara langsung diketengahkan. Dalam tulisan-tulisannya mahupun dalam pameran atau pertunjukan pakaian tradisional, dia tidak pernah lupa menyelitkan pantun seloka. Gabungan pantun seloka dan pertunjukan pakaian bagaikan menjadi identitinya. Begitulah yang berlaku pada Busanancka pada tahun 1979 dan diadakan sekali lagi pada tahun 1990 di Universiti Malaya.

Ayahnya, keturunan Arab daripada keluarga Alsagoff, dari Singapura. Ibunya pula berasal daripada sebuah keluarga yang besar dan terkenal di Johor. Daripada pertemuan dua orang manusia daripada dua buah negeri yang dipisahkan oleh Selat Teberau itu, hari yang bertuah 21 Ogos 1928 menyaksikan kelahiran sebutir bintang indah yang menguasai banyak bidang seni, lalu dinamakan Sharifah Amal. Tidak lama kemudian ayahnya menukar nama itu kepada Sharifah Azah.

Kehendak Allah tiada siapa yang dapat menahan. Ketika berusia dua tahun, Azah kehilangan ayah yang dikasihi. Setelah ketidaaan ayah tempat

bergantung, ibunya, seorang wanita gigih dan berpengetahuan luas, membawa Sharifah Azah bersama-sama abangnya Syed Omar yang setahun lebih tua daripadanya tinggal di sebuah rumah sewa di Katong, Singapura.

Bègitu pun, kerana ramai keluarga dari Johor yang tinggal di Singapura, maka Azah sama sekali tidak berasa terpencil, terutama apabila berdampingan dengan ayah saudaranya, Ahmad. Azah serta rakan-rakan yang sebayanya begitu mesra dengan Pak Cik Ahmad kerana dia kelakar orangnya dan sangat pandai menghiburkan mereka. Pak Cik Ahmad dipanggil Ayah Cik oleh Azah dan rakan-rakannya. Ayah Cik membuat Amal, yang kemudiannya dikenali sebagai Azah terhibur dan tidak berasa jauh daripada sanak saudara.

Hari-hari yang dilalui akhirnya memberikan suatu hasrat baru di hati Ibu Azizah Ja'afar, ibunda kepada Azah. Sesuai dengan peribahasa Melayu yang berbunyi setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya pulang ke belakang kerbau juga; ataupun berapa jauh seluang melaut akhirnya balik ke tepi juga; Ibu Azizah membuat keputusan untuk membawa kedua-dua orang anaknya, Syed Omar dan Sharifah Azah kembali ke Johor (bagi orang Johor yang dimaksudkan dengan Johor ialah Johor Bahru). Tinggallah bumi perantauan. Pulanglah ibu gigih itu ke tempat tumpah darahnya. Rianglah anak-anak kesayangan apabila berada di tengah-tengah sebuah keluarga besar dan ternama. Pada waktu itu berpeluanglah Azah mengenal lebih dekat keluarga di sebelah ibunya dan dia sering mendengar kisah tentang datuknya, iaitu Dato' Ja'afar bin Mohamad, Menteri Besar Johor yang pertama dan tentang neneknya seorang wanita Turki bernama Rogayah Hanim, yang telah meninggal dunia sebelum Azah lahir ke dunia. Yang dapat diwarisinya daripada wanita bertuah itu tidak lain daripada darah campuran yang mengalir pekat dalam tubuhnya dan terpapar pada wajahnya. Ibunya juga selalu bercerita tentang Bukit Senyum, rumah cantik dan besar, tempat tinggal Dato' Ja'afar dan keluarganya.

Sebagai anak perempuan bongsu Dato' Ja'afar, Ibu Azizah memang bolch bergantung hidup pada adik-beradiknya yang ramai. Ibunya mempunyai peluang keemasan untuk hidup tanpa bersusah payah bekerja. Namun begitu, Azah mengagumi ibunya kerana tidak mahu menumpang dan tinggal bersama-sama kaum keluarga. Beliau tidak mahu menjadi beban, sebaliknya ingin berdikari. Pada zaman itu, kebanyakan wanita yang menjadi balu serta mempunyai anak kecil, akan hidup di bawah perlindungan saudara-mara. Mereka tidak digalakkan duduk sendiri sebagai seorang balu ataupun keluar bekerja.

Akan tetapi jiwa merdeka yang ada dalam diri Ibu Azizah, iaitu tidak

mahu menyusahkan orang lain, dan tidak mahu terikat atau bergantung sangat pada kaum keluarga benar-benar menjadi suatu contoh abadi kepada kehidupan anak perempuannya yang terus-menerus bekerja biarpun mempunyai suami selaku naib canselor dan mempunyai anak cuma seorang.

Selaku kakitangan kerajaan, Ibu Azizah diberi rumah kerajaan. Di rumah Nombor 548 Jalan Datuk Menteri yang terletak tidak jauh dari Jalan Gertak Merah itulah Azah dan abangnya Omar dibesarkan dan dididik.

Usianya yang muda bukan menjadi penghalang bagi Azah menginsafi keadaan ibunya yang bergaji kecil dan terpaksa menyara dua orang anak. Begitu kehendak takdir. Semangat berdikari yang sentiasa berkobar dalam dirinya menjadi punca utama Ibu Azizah mengambil keputusan untuk bekerja, di samping rasa kebebasan yang agung kerana telah diberi cukup pendidikan di Bukit Senyum oleh ayahnya.

Dato' Ja'afar yang berfahaman luas mahu anak perempuannya mendapat pelajaran. Dipanggilnya seorang perempuan berbangsa Inggeris dari Singapura untuk mengajar bahasa Inggeris kepada anak-anak perempuannya di rumah. Dia memanggil pula seorang lelaki Arab yang digelar mualim – tentunya seorang alim dan warak untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak perempuan dan juga anak lelakinya.

Dengan pengetahuan bahasa Inggeris yang diperolehnya, Ibu Azizah dapat membaca bagi menambahluaskan ilmu pengetahuannya. Dia begitu rajin membaca. Selain buku-buku pengetahuan, tanpa disedari siapa pendorongnya, Ibu Azizah juga gemar sekali membaca hikayat lama yang bertulis tangan dalam tulisan jawi. Dia menggemari apa sahaja jenis buku.

Suasana yang dipenuhi dengan tebaran ilmu dan minat membaca ini pasti sekali mempengaruhi anak perempuan yang sungguh ayu dan jelita itu, Azah atau nama penuhnya Sharifah Azah binti Mohamad Alsagoff.

Azah berkahwin dengan Ungku Aziz ketika usianya $17\frac{1}{2}$ tahun dan usia Ungku Aziz ialah 24 tahun. Azah dan Ungku Aziz adalah bersepulu senenek. Ayah Ungku Aziz (Abdul Hamid) ialah adik-beradik dengan Ibu Azizah tetapi berlainan ayah. Datuk Azah bernama Dato' Ja'afar sementara datuk Ungku Aziz bernama Ungku Abdul Majid.

Ungku Abdul Majid ialah adik kepada Almarhum Sultan Abu Bakar (Sultan Johor).

Sewaktu kedua-dua beradik ini melawat ke Turki, mereka telah membuat keputusan untuk berkahwin dengan wanita Turki.

Almarhum Sultan Abu Bakar mempunyai seorang sultana yang berasal

dari Turki bernama Sultanah Khadijah, sementara Ungku Abdul Majid berkahwin dengan Rogayah Hanim. Hasil perkahwinan dengan wanita Turki itu Ungku Abdul Majid mendapat dua orang anak lelaki iaitu Ungku Abdul Azis dan Ungku Abdul Hamid. Ungku Abdul Hamid ialah ayah kepada Ungku Aziz iaitu suami Azah.

Sayangnya, Ungku Abdul Majid tidak panjang usianya. Selepas Ungku Abdul Majid meninggal, Rogayah Hanim berkahwin dengan Syed Abdullah al-Attas. Namun begitu, perkahwinan tersebut tidak kekal, kerana suaminya pulang ke Indonesia. Dato' Ja'afar mengadakan majlis perpisahan di Bukit Senyum.

Dalam majlis yang bersuasana sedih itulah Syed Abdullah mengambil selendang Arab yang sering dipakainya di leher, lalu mengalungkannya ke leher Dato' Ja'afar, seolah-olah memberitahu yang pemergiannya tidak akan kembali.

Syed Abdullah menceraikan isterinya Rogayah setelah dia berpindah ke Indonesia. Selepas itu, Rogayah Hanim berkahwin dengan Dato' Ja'afar, suaminya yang ketiga. Dengan Syed Abdullah al-Attas, Rogayah dianugerahkan seorang anak lelaki yang bernama Syed Ali al-Attas. Syed Ali ini pula ialah ayah kepada Syed Hussein dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Dengan pertalian darah yang begitu rupa menjadikan Azah bersepupu dengan Hussein dan Naquib, sedangkan dengan Tun Hussein Onn ialah sepupu betul, kerana Dato' Onn (ayah Tun Hussein) adik-beradik seibu seberapa dengan Ibu Azizah (ibu Azah).

Ketiga-tiga orang anak lelaki Rogayah Hanim, Ungku Azis, Ungku Hamid dan Syed Ali al-Attas telah dibesarkan oleh Dato' Ja'afar di Bukit Senyum, bersama-sama anak-anaknya yang lain dengan Rogayah Hanim.

Ibu Azizah boleh dianggap seorang intelek wanita yang tiada tandingan pada zaman itu. Abang-abangnya menyayangi beliau dan suka berbual serta bertukar fikiran dengannya. Mereka sering mengunjungi Ibu Azizah, termasuk Ungku Abdul Hamid dan abangnya Ungku Abdul Azis.

Ungku Abdul Hamid (ayah Ungku Aziz) meninggal dunia sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, sementara abangnya Ungku Abdul Azis menjadi Menteri Besar Johor semasa pendudukan Jepun di Malaya. Ungku Abdul Azis inilah yang sering datang berziarah ke rumah Ibu Azizah hingga menjadi semacam suatu kebiasaan, petang-petang selepas habis waktu bertugas beliau yang membahasakan dirinya Abang Ajis akan singgah di rumah Ibu Azizah.

Setelah menjelajahi arus kehidupan, perasaan semacam iri hati timbul di hati Azah apabila menyaksikan yang ibunya begitu kaya dengan kaum keluarga,

adik-beradik sebu lain bapa, adik-beradik lain ibu, sementelah perhubungan mereka demikian mesra dan dia kagum melihat ibunya begitu disayangi oleh kaum keluarganya sedangkan dia hanya sendirian – tunggal – selepas abangnya meninggal dunia.

Azah yang lahir dan dibesarkan di kalangan keluarga ternama, namun beliau ialah seorang yang amat sederhana dan merendah diri. Beliau tidak gemar pada nama yang panjang. Sewaktu bersekolah, beliau hanya menulis namanya sebagai Azah Alsagoff. Sejak kecil nama Sharifah jarang digunakannya. Demikian juga dengan sepupu-sepupunya seperti Ungku Abrizah binti Ungku Abdul Rahman, di sekolah hanya menggunakan nama Abrizah Abdul Rahman.

Demikianlah juga sepupu-sepupunya yang lain, yang berketurunan Wan dari Kelantan umpamanya, Wan Jamilah, Wan Aloyah, Wan Hamid, Wan Habibah, apabila di sekolahnya menggunakan nama Jamilah, Aloyah, Hamid dan Habibah sahaja.

Dalam keluarga ini panggilan kakak antara adik-beradik atau sepupu yang lebih usianya tidak digunakan. Sebaliknya semuanya dipanggil nama sahaja ataupun dipanggil abang, tidak kira lelaki atau perempuan. Misalnya Ibu Azizah memanggil kakaknya yang tertua sebagai Abang Tik; adik Ibu Azizah pula memanggilnya Abang Azizah. Ini merupakan pengaruh Bugis yang menggunakan istilah abang untuk lelaki dan perempuan.

Namun begitu, bagi panggilan ibu atau ayah saudara, rasa hormat tidak dilupakan. Misalnya, Mak Bukit ialah panggilan untuk kakak Ibu Azizah yang tua yang bernama Aishah. Kakak kedua, Kamariah, kerana bangun tubuhnya tinggi lampai, maka beliau dipanggil Anjang. Mohammad dipanggil Ayah Besar dan Dato' Onn pula dipanggil Ayah Uda ataupun Ayah sahaja oleh semua anak saudaranya.


Ibu Azizah pula, dipanggil Bah oleh semua anak saudaranya, menurut cara Bugis, sementara adik kepada Ibu Azizah yang bernama Ahmad dipanggil Ayah Cik dan adik lelakinya yang bongsu sekali bernama Yahya dipanggil Ayah Su. Demikianlah gelaran biasa dalam masyarakat Melayu zaman itu yang membawa rasa mesra di kalangan keluarga.

Riwayat keluarga Azah masih belum berakhir. Ibu Azizah mempunyai seorang lagi saudara yang berlainan ibu. Selepas kematian Rogayah Hanim, Dato' Ja'afar berkahwin sekali lagi dengan Selamah Ambek yang berasal dari Riau.

Selamah merupakan tuk perempuan tiri bagi Azah dan sepupu-sepupunya, lalu beliau pun dipanggil Tuk, sedangkan anak perempuan Datin

Selamah hasil perkongsian hidupnya dengan Dato' Ja'afar bernama Rogayah dipanggil Long oleh anak-anak saudaranya.

*Rumah kecil tiang scribu,
Rumah besar tiang sebatang;
Kecil-kecil ditimang ibu,
Sudah besar ditimang gelombang.*



Rajah 1: Salasilah Keluarga Azah Aziz





1.1

Syed Mohammad bin Omar Alsagoff, ayahanda Azah.

1.2

Azah bersama-sama Ibu Azizah dan abangnya Omar semasa kecil.

1.3

Dato' Ja'afar bin Mohamad, datuk Azah.



1.3



1.4

1.4

Datin Rogayah Hanim, nenek Azah.

Bintang Kecil

*Ada kolam ada masjid,
Tempat orang sembahyang raya;
Tengah malam bulan terbit,
Bintang sebiji membawa cahaya.*

ZAMAN kecil Azah tidak kurang indahnya, biarpun diselangi oleh perang yang meletus yang menghumban seluruh manusia ke dalam kawah penderitaan tanpa mengira usia dan kedudukan.

Di sekolah berpengantar bahasa Inggeris yang kebanyakan gurunya terdiri daripada *nun* atau rahib berkulit putih, Azah dimasukkan belajar bersama-sama dengan anak-anak orang ternama yang lain.

“Ramai orang Johor cuba menghantar anak perempuan ke sekolah itu yang terkenal kerana taraf pengajiannya yang baik,” kata Azah penuh nostalgia dengan matanya bersinar menjerlip scolah-olah menayangkan semula zaman anak-anak yang amat manis dilalui.

Azah memang suka bersekolah. Di sekolah, dia bukan setakat terkenal kerana kejelitaan yang menyerlah bagaikan bintang terang di langit tinggi, tetapi di sekolah yang taraf pengajiannya begitu baik, dia menjadi contoh kerana kecerdikannya.

Dua kali dia melompat darjah. Kali pertama dari darjah dua ke darjah empat. Kali kedua dari darjah empat ke darjah enam.

“Sistem pelajaran zaman dahulu berbeza dengan sekarang,” kata Azah. “Persekolahan bermula dari darjah satu hingga darjah lapan. Lepas itu baru Senior Cambridge atau darjah sembilan,” sambungnya.

Sewaktu belajar di darjah enam itu, umur Azah 13 tahun. Tidak lama kemudian Perang Dunia Kedua pun meletus. Persekolahan Azah turut terhenti setakat darjah enam. Kehilangan peluang meneruskan pelajaran di sekolah Inggeris berganti dengan peluang belajar bahasa Jepun.

Sekolah Jepun tempat Azah belajar itu dikendalikan sendiri oleh ibunya, Ibu Azizah. Sebaik sahaja Jepun menawan Johor, Ibu Azizah yang memang terkenal gigih itu pergi menemui pegawai Jepun yang terkenal ganas dan bengis.

Ibu Azizah berusaha meminta pihak Jepun mengizinkannya membuka sekolah. Apabila Jepun bersetuju, Ibu Azizah pun memulakan pentadbiran sekolahnya dengan membuka pejabat dan memanggil sebilangan kakitangannya yang lalu kembali bekerja.

Kemudian Ibu Azizah mendesak pula pihak Jepun agar memberikannya sebuah bangunan untuk dijadikan sekolah. Di sekolah tersebut turut diajar bahasa Jepun. Permintaannya ini pun dipenuhi oleh pihak Jepun. Ibu Azizah berjaya mendapatkan sebuah rumah besar, bekas rumah dan pejabat jurubina orang putih sewaktu mereka memerintah dahulu. Di sekolah yang ditadbirkan oleh ibunya, Azah serta rakan-rakannya yang lain belajar bahasa Jepun.

Oleh sebab ibunya seorang yang sentiasa dahagakan ilmu, baik untuk diri sendiri mahupun untuk anak-anaknya yang berdua itu, maka Azah disuruhnya belajar bermain piano. Pada awalnya dia belajar bermain piano di sekolah Convent kerana di sekolah tersebut memang terdapat guru muzik. Bagi mereka yang ingin belajar di luar waktu sekolah, mereka boleh datang belajar hari-hari. Azah pergi bermain piano pada waktu petang.

Bagaimanapun, ibunya tidak membiarkan anaknya berterusan keluar untuk berlatih piano pada setiap petang. Berdikit-dikit duit dikumpul. Akhirnya apabila jumlahnya sudah mencukupi, sebuah piano segera dibeli untuk kemudahan anaknya berlatih di rumah.

Pengetua sekolah Convent itu memang serius. Beliau bergelar *madam*, seorang rahib. Pakaiannya berwarna hitam, labuh. Tudung kepalanya berbentuk tajam, muncung, menutupi seluruh kepalanya. Lengan bajunya sentiasa panjang hingga ke paras pergelangan tangan.

Orangnya kelihatan garang. Seluruh pelajar sudah pasti sahaja berasa takut akannya. Namun begitu, pandangan *sister* atau *madam* berkenaan terhadap pelajarnya yang bernama Azah Alsagoff itu berbeza sekali. Mungkin kerana pelajarnya yang seorang ini mempunyai otak yang cerdas, rajin bekerja dan belajar di sekolah serta sering mendapat markah yang tinggi dalam

peperiksaan, maka dia disayangi oleh pengetua yang digeruni oleh pelajar lain itu.

Oleh sebab sayangnya kepada pelajar yang cantik rupa, cantik minda itu, *madam* sering memberinya galakan, "Kalau kau sanggup belajar rajin-rajin kau boleh dinaikkan darjah secara melompat tidak payah menanti setiap tahun untuk naik ke satu darjah. Boleh naik dua darjah sekali."

"Memang saya patuh dengan segala perintah di sekolah itu serta ajaran yang diberikan. Saya sungguh senang dengan sekolah tersebut. Tambahan pula suasana dan galakan daripada ibu sendiri yang begitu yakin; manusia mesti diberi pelajaran dan mesti mempunyai ilmu untuk bolch hidup dengan sempurna, itulah yang merangsang saya untuk belajar bersungguh-sungguh," kata Azah dalam wawancara.

Abangnya, Omar juga merupakan seorang pelajar yang baik. Begitu juga dengan sepupunya yang bernama Ungku Aziz, seorang pelajar yang rajin membaca. Suasana yang menyelubungi kehidupan keluarga Azah mencanainya menjadi seorang pelajar yang pandai dan berwibawa.

Azah kurang meminati sukan. Dia tidak giat dalam bidang sukan di luar waktu belajar. Sebaliknya dia melakukan tugas-tugas amal. Sejak di bangku sekolah sudah terserlah minatnya ke arah kerja-kerja amal. Untuk memupuk bakat dan minatnya dalam bidang amal ini beliau memasuki pasukan Pandu Puteri yang pada zamannya disebut *Girl Guide*.

Ramai anak Melayu yang belajar di sekolah Convent itu memasuki pasukan Pandu Puteri termasuk Adibah Amin. Kecemerlangan Azah dalam bidang pelajaran ditambah dengan kesungguhan dan ketelitian dalam setiap tugas yang dilakukan membawa Azah ke pangkat *patrol leader*.

Sebagaimana lazimnya, Pasukan Pandu Puteri mengadakan perhimpunan seminggu sekali. Pelajaran yang paling diminatinya ialah latihan cara-cara mengikat tali, pertolongan cemas, kemudian pergi *camping*, membuat unggun api serta memasak di luar. Kegiatan begini amat menyeronokkan anak-anak dalam peringkat usia remaja awal seperti beliau.

Ketika zaman remaja awalnya, Azah mempunyai banyak kegemaran.

Sebagai orang yang sering merendah diri, Azah mengembalikan segala kejayaannya itu kepada ibunya. "Segalanya kerana ibu, dia lah yang mengajar saya macam-macam," katanya sambil menancapkan pandangan ke luar menerusi dinding kaca rumahnya, ke arah rimbulan pohon-pohon hijau yang menyegarkan.

Ibu mengajarnya menjahit dan sulam-menyalam dengan menggunakan

bingkai untuk membuat hiasan.

Ibu Azizah juga mengajar anak perempuan tunggalnya itu membuat *knitting* atau mengait jarum dua dan krusye atau mengait jarum satu. Tidak ketinggalan diajar anak perempuannya itu masak-memasak kerana Ibu Azizah seorang guru Sains Rumah Tangga. Semua pelajaran yang diturunkan kepada anaknya itu ialah pelajaran yang diajarkan di sekolahnya.

Tanpa minat, sesuatu pelajaran tidak sebegitu mudah dihayati. Tokoh remaja yang serba pandai ini, amat meminati semua ilmu yang diturunkan oleh ibunya. "Saya memang suka pula di bawah pimpinannya hingga saya menjadi pandai mengait," ujar Azah pula.

Kepandaiannya mengait menggunakan jarum dua membolehkannya membuat *sweater* yang siap dengan lengannya. Baju-baju tebal suami serta cucu, apatah lagi bajunya sendiri semuanya hasil tangannya. Begitu juga dengan menjahit. Azah menangani sebilangan pakaianya, daripada menjahit kain hingga kepada menjahit baju kurung yang dipelajari semasa usia remajanya bersama-sama sepupu-sepupunya di rumah Ayah Wan.

Di rumah Ayah Wan ada pula seorang anak angkatnya, bernama Kalsom atau dipanggil Som yang begitu pandai menjahit. Bahkan dia bolch dikatakan sebagai tukang jahit. Apabila menjahit baju kurung, jahitannya sangat halus dan tikaman leher baju kurung dengan jahitan tulang belut, begitu cantik.

Oleh sebab minatnya yang mendalam, Azah sering duduk di samping Som, memerhatikan dia menjahit sehingga menimbulkan keasyikan. Kalau Som mengelim pesak dan kekek baju kurung, lebar kelimannya sehalus lidi daun kelapa.

Tiap satu jahitan yang disauknya, semuanya sama rapat sama panjang, tiada berkecah seperti yang biasa dilakukan oleh orang yang kurang mahir dalam bidang jahitan.

Begitulah. Azah dibesarkan dalam suasana dikelilingi oleh orang-orang berbakat, berkebolehan dan berkemahiran dalam berbagai-bagai bidang. Tidak hairanlah kiranya remaja jelita ini bagi bintang kecil yang mengerlap indah menerangi kehidupan keluarga dan masyarakat sekitarnya, yang akhirnya ke seluruh negara.

Yang amat membanggakan, walaupun begitu banyak kegiatan luar sekolah dan pelajaran di luar bilik darjah, namun kecemerlangan pelajarannya tidak pernah terjejas. Dia sentiasa mendapat nombor satu. Paling rendah pun dia pernah mendapat nombor dua dalam peperiksaan.

Perang tidak pernah menguntungkan sesiapa. Dalam peperangan, yang

menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu. Perang Dunia Kedua meletus ketika Azah baru selesai belajar di darjah enam. Dalam kedaungan untuk terus menyambung pelajaran ketika usia baru menjangkau 13 tahun cita-cita untuk menjadi doktor, peguam dan sebagainya seperti kebanyakan kanak-kanak zaman kini belum tumbuh dalam ingatannya.

Yang diinginnya benar-benar ialah hendak menjadi seorang yang berilmu. Namun demikian, selepas perang tamat, pendidikan secara formal Azah turut terencat seperti terencatnya dunia yang musnah akibat perang yang zalim dan gila itu. Bagaimanapun, kehidupan remaja yang sedang mengembang mekar dan segar itu diteruskan dengan perkahwinan ketika usianya $17\frac{1}{2}$ tahun.

Perkahwinan dengan Ungku Aziz sepupu senenek, tidak pula mengakhiri minatnya untuk terus belajar biarpun tidak lagi di sekolah Convent. Azah belajar menaip dan trengkas di rumah yang diajar oleh seorang guru yang datang ke rumah, tiga kali seminggu.

Selepas kepentasannya menulis trengkas mencapai tahap 100 perkataan seminit, beliau pun mengambil peperiksaan di Johor Bahru. Menaip yang juga dipelajari di rumah dapat digarapnya sehingga 30 perkataan seminit. Peperiksaan yang diambil mengakui kebolehannya apabila beliau mendapat kelulusan dalam kedua-dua mata pelajaran berkenaan.

Tujuannya belajar trengkas dan menaip ialah agar beliau boleh bertugas sebagai setiausaha, suatu tugas yang menarik.

Berikutnya beliau pindah ke Singapura mengikut Ungku Aziz yang pernah menjadi pensyarah di Universiti Malaya di Singapura. Seorang ahli bahasa yang terkemuka, Pendeta Za'ba dilantik menjadi Pengetua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya di Singapura tempat suaminya bertugas.

Pak Za'ba memerlukan seorang setiausaha yang boleh menaip dan menulis trengkas. Oleh sebab Azah lulus dan boleh menguasai trengkas dalam dua bahasa – Melayu dan Inggeris – maka permohonannya untuk menjadi setiausaha kepada Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya Singapura itu diterima.

Pendedahannya terhadap pelajaran yang disampaikan kepada mahasiswa terutama dalam bidang sastera telah memikat minat beliau untuk berjinak-jinak dalam bidang yang indah menawan itu. Azah meminta izin untuk mengikuti kuliah bersama-sama siswa lain pada sebelah petang dan kebenaran diberikan. Maka duduklah seorang isteri muda jelita lagi cerdik yang berusia 20-an di tengah-tengah siswa lainnya di bilik kuliah untuk mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh Pak Za'ba sendiri. Dalam tahun-tahun itulah Azah

dapat memperluas pengetahuannya mengenai sastera Melayu klasik dan juga sastera Melayu moden di bawah pimpinan Pendeta Za'ba.

Pengejaran Azah untuk mengisi dada dengan ilmu pengetahuan masih belum berakhir. Apabila diadakan kursus bahasa Belanda di universiti yang sama, beliau sekali lagi meminta izin Pak Za'ba supaya membenarkannya mengikuti kelas bahasa Belanda yang diadakan pada sebelah petang. Dan sekali lagi keizinan diberikan. Lalu duduklah isteri muda, canggih dan anggun itu di tengah deretan siswa lain di bilik kuliah bahasa Belanda yang disertai oleh seorang lagi siswa yang datang dari daerahnya Johor Bahru, yang kemudiannya menjadi penulis terkemuka iaitu Adibah Amin. Azah dan Adibah belajar di kelas yang sama; kelas bahasa Belanda. Dan, menurut Adibah, Azah merupakan seorang pelajar yang pandai dan bijaksana biarpun kehadirannya di situ tidak dengan pasport sijil tertinggi untuk melayakkannya menjalani kursus di wadah ilmu yang bernama universiti.

*Pokok kerukup di tepi pongsu,
Sayang buahnya lebat di dahau;
Sudah cukup menghadap guru,
Barulah boleh masuk di medan.*





2.2

2.1

Azah bersama-sama abangnya Omar ketika belasan tahun.

2.2

Azah (kiri) bersama-sama rakan-rakan Pandu Puteri di Johor ketika belasan tahun.

Pentas Kehidupan

*Budak-budak bermain kolek
 Kolek didayung bertiga-tiga;
 Kita bermain adik-beradik,
 Kalau salah jangan dikira.*

BIARPUN Azah scorang yang pintar dan bercita-cita tinggi, namun dalam kecilnya ialah alam kanak-kanak biasa. Jika kanak-kanak lain mengisi dunia khayalan yang indah dan mempesonakan dengan bermain pondok-pondok, maka begitulah juga Azah.

Oleh sebab tiada adik-beradik perempuan, beliau mengisi zaman kanak-kanaknya dengan bermain bersama-sama sepupu-sepupu perempuannya sebaya, yang ramai dalam keluarganya.

Apabila bermain pondok-pondok, mesti main masak-masak, apatah lagi beliau sering melihat ibunya memasak, tentu sahaja beliau kepingin menirunya.

Bersungguh-sungguh dia memotong daun-daun atau bunga buat hidangan nasi. Apabila hidangan siap disajikan, dia pun menjemput kawan-kawan datang ke rumahnya untuk menikmati masakannya.

Bakat disemai pada usia yang begitu mentah. Ibu Azizah memang tidak mlarang anaknya bermain pondok-pondok, malah beliau membelikan segala keperluan permainan itu, seperti set cawan teh berserta tekonya sekali. Alangkah gembiranya anak kecil itu menuang teh ke dalam cawan yang disediakan oleh ibu untuk dia dan sepupu-sepupunya minum teh di dalam pondoknya yang ideal baginya itu.

Ibunya bukan sahaja tidak membunuh daya kreatif anaknya, malah turut menghayati dan membantunya dengan berbuat apa yang baik dan termampu, demi memupuk jiwa seni anak yang sedang merecup tumbuh dan bertunas.

Bukan setakat memberikan piring, cawan dan teko untuk anaknya bermain pondok-pondok, bahkan Ibu Azizah memberikan anak kesayangannya itu sebuah rumah kecil yang bumbungnya bolch dibuka dan alat perabot bolch diatur dan dialih untuk diubahsuai kedudukannya.

Memberikan anak-anak mainan seperti ini bukan boleh dilakukan oleh orang kaya sahaja. Seorang guru yang bergaji kecil tetapi berjiwa besar untuk mengembangkan daya kreativiti si anak tidak akan berkira sangat untuk membekalkannya barang-barang mainan seperti itu.

Pertambahan usia tentulah tidak mengizinkan Azah bermain anak patung hingga besar. Minat bermain berubah mengikut perubahan usia. Setelah meningkat remaja Azah mengisi pula masa lapangnya dengan belajar bermain congak dan seremban bersama-sama sepupu-sepupunnya.

Selepas pandai bermain congak dan seremban, beliau beralih pula kepada permainan dam, dengan menggunakan papan dam. Dia juga tidak ketinggalan turut belajar bermain catur. Antara permainan ini, congaklah menjadi pilihan utamanya.

Namun demikian, permainan yang lazim digemari oleh kanak-kanak lain yang memerlukan pergerakan tangkas dan pengeluaran tenaga yang banyak, turut disertainya.

Orang berlari, beliau berlari. Sepupu-sepupunya bermain kejar-kejaran, Azah turut bermain kejar-kejaran. Kawan-kawan bermain cina buta, Azah pun bermain cina buta. Sebagai kanak-kanak yang normal, alam keriangan memang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manis alam kecil serta indah itu. Sebut apa sahaja permainan yang biasa dimainkan oleh kanak-kanak lain seperti enjit-enjit semut, senebang-senebu, sapu-sapu ringin dan lain-lain, Azah akan turut serta.

Penyertaannya bukan hanya kerana kemahuannya semata-mata, tetapi mendapat rangsangan daripada ibu yang mengerti betapa mustahaknya otot-otot anaknya digerakkan dengan cergas, kerana cogan kata menyebutkan badan sihat otak cergas.

Tidak cukup dengan permainan itu, beliau turut belajar menunggang basikal. Azah cepat pandai. Guru yang mengajarnya menunggang basikal itu ialah sepupunya Ungku Aziz.

Sayangnya kegembiraan di alam kanak-kanak tidak lama dapat dinikmati. Perang meletus dan mleburkan segala-galanya.

*Bongkar sauh ke Tanjung Pinang,
Orang Sarawak menjual kain;
Tempat jatuh lagi dikenang,
Kononlah pula tempat bermain.*

Dalam Api Peperangan

*Anak kecil di tengah padang,
Riang bermain seorang diri;
Langit hangus bumi terpanggang,
Awan menangis tak padam api.*

PERANG, perkataan yang amat ditakuti oleh manusia sejagat. Bagaimana jika tiba-tiba sahaja api peperangan meletus pada zaman kehidupan manis bersakar dalam diri kita? Inilah yang dialami oleh Azah semasa remajanya.

Perang pun berlaku. Orang-orang yang belum pernah mengalami suasana peperangan sebelumnya tidak dapat meramalkan apa yang akan terjadi. Hatinya cuma diselubungi dengan tebal oleh perasaan bimbang, takut dan cemas. Segala perasaan yang tidak enak ini timbul kerana dia pernah membaca buku atau menonton filem yang menceritakan betapa dahsyatnya perang dan akibat perang.

Kini daripada buku dan filem sudah bertukar menjadi kenyataan yang terpaksa dihadapi biar bagaimana dibenci sekalipun. Jepun mulai mara dari utara turun ke Johor. Rasa takut semakin menebal bersarang dalam diri Azah dan keluarganya, lebih-lebih lagi apabila khabar-khabar angin begitu banyak dan kuat bertiup, membawakan cerita yang ngeri dan dahsyat tentang orang kena pancung, kena seksa kerana melawan Jepun dan berbagai-bagai lagi gambaran yang sungguh dahsyat dan mencemaskan.

Pertama kali melihat wajah tentera Jepun memang menakutkan kerana rupanya bengis dan berkepala botak.

Yang pertama mereka lakukan terhadap Azah serta keluarganya adalah mengusir mereka keluar dari rumah. Mereka diarahkan berlindung di hutan Kempas, kerana British mulai mengebom bandar Johor Bahru.

Pada waktu itu, perasaan takut dan gelisah semakin keras menyerang diri. Berbagai-bagai kebimbangan bermain di kepala. Biarpun begitu, nama melawan perintah askar tersebut tidak sekali, kerana tidak mahu menempah bala.

Azah, ibu, abang, sepupu-sepupu dan saudara-maranya, serta seluruh penduduk Johor Bahru dengan rasa gementar diri membawa sedikit pakaian dan barang-barang berharga serta makanan, berdedai berjalan menuju ke hutan yang diarahkan. Banyak khazanah bernilai yang dikumpul sekian lama seperti barang-barang perak dan tembaga, kain songket dan sebagainya terpaksa ditinggalkan sahaja di rumah kerana tiada kudrat untuk mengangkutnya.

Ada antara saudara-mara sempat menanam khazanah berharga mereka sebelum masuk ke hutan Kempas. Barang-barang perak dan tembaga, barang hiasan dan sebagainya dimasukkan ke dalam sebuah periuk besar, ditutup dan ditimbul dengan tanah dan ditanami dengan rumput atau diserakkan sampah sarap di atasnya supaya sukar dikesan oleh tentera Jepun.

Malangnya, Azah dan ibunya tidak sempat berbuat demikian. Banyak barang hiasan yang hilang dan kain songket yang bermutu dan bernilai menjadi rosak. Apabila dua tiga orang askar Jepun datang ke rumah berkata "hora! hora!" menyuruh Azah dan keluarganya keluar, mereka hanya sempat membawa barang-barang mustahak yang mudah diangkat dan diangkut termasuk sebilah pedang pusaka.

Banyak penderitaan dalam peperangan. Tinggal di hutan merupakan suatu yang mengazabkan. Makanan tiada. Tiada air minuman bersih yang memungkinkan penyakit. Ubat pula sukar diperoleh. Peperangan tidak pernah menjanjikan kemudahan, tidak melambakkkan kesenangan.

Namun demikian, bagi golongan remaja, pengalaman ini tidak kurang menakjubkan – satu pengalaman yang tidak disangka-sangka. "Duduk di hutan bukanlah menyeksa benar," katanya. "Ada kalanya rasa seronok pula. Masak pakai kawah, ramai-ramai macam hendak kenduri. Saudara-mara semua ada, kawan-kawan pun banyak," ceritanya tenang, seolah-olah waktu itu beliau kembali ke zaman usianya 14 tahun yang belum punya apa-apa tanggungjawab untuk membawanya berasa susah, risau dan runsing.

Kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan cuma pada suatu ketika beliau berasa haus lalu meminta air untuk minum. Seorang sepupunya yang turut

bersama dalam kumpulan pelarian ke hutan Kempas itu mencedokkan beliau air dari sebatang anak sungai. Waktu itu hari sudah gelap. Beliau tidak melihat warna air yang diminumnya itu. Yang jelas air yang dihulurkan itu bukan sahaja dapat menghilangkan kering tekaknya setelah berjalan kaki sebegitu jauh masuk ke hutan, malah terasa enak dan dingin sekali.

Besoknya, di celah-celah dentuman bom yang gugur di kejauhan, beliau pergi ke anak sungai yang telah menghilangkan dahaganya malam tadi. Aduhai, ngerinya memandang warna air tersebut yang keruh seperti teh susu. Kalaulah warna itu terpamer di matanya yang jernih malam tadi, tentu sahaja air itu tidak akan mengalir lembut membasahi tekaknya yang dahaga.

Tentera British menyerah kalah. Kemenangan di pihak Jepun. Penduduk Johor Bahru yang diarahkan lari, masuk berlindung di hutan Kempas diarahkan kembali ke rumah.

Lazimnya apabila perantau pulang, suasana pasti sekali menggembirakan. Namun bagi Azah dan keluarganya kehilangan sebilangan barang perak dan tembaga hiasan rumah dan berharga serta beberapa helai kain songket lama mengalirkan rasa sedih dan duka yang tidak mampu diucapkan.

Selain itu, kembalinya ke rumah kali ini menawarkan suatu cara hidup baru yang terpaksa dilalui. Azah dapat merasakan begitu cepat sekali Jepun memulakan pentadbirannya.

"Kehidupan," kata Azah. "Berjalan seperti biasa, cuma makanan tidak cukup, beras tidak cukup."

Pada masa itu, beras yang dibekalkan ialah beras berwarna kuning sekali, kerana dibubuh pengawet.

Apabila dimasak beras yang kelihatan seperti pulut kuning itu, rasanya tidak begitu enak. Namun begitu tiada rotan akar pun berguna, tiada beras putih bersih, beras kuning pun dimakan juga.

Seperti penduduk lain, tanpa mengira tempat di desa atau di kota, perang mengagihkan keseksian, mengagihkan penderitaan, melenyapkan makanan, menghapuskan nilai dan kegunaan mata wang yang selama ini menjadi alat untuk mendapatkan apa sahaja barang yang dikhendaki bagi keperluan hidup. Maka satu-satunya cara untuk mengatasi kesemua kekurangan adalah bercucuk tanam bagi mendapatkan sumber makanan.

Jangankan tanah berekar, yang sekangkang kera juga dapat dimanfaatkan. Itulah yang dialami oleh Azah dan keluarganya. Dengan memakai topi besar berikat reben merah serta berseluar hitam, dia turut memegang hulu cangkul menjak rumput-rampai, menggemburkan tanah kota yang agak keras kerana

tidak biasa ditanami pepohonan atau sayuran.

Beliau bertanam ubi keledek, lada, kacang panjang, bendi, terung iaitu sayuran popular di kalangan masyarakat Melayu yang mudah pula hidup, bercambah dan berbuah asalkan ada sedikit tanah dan air untuknya.

Menanam ubi kayu memang menjadi keutamaan kerana pada waktu perang, ubi kayu menjadi makanan utama pengganti nasi. Bagi Azah menanam ubi kayulah yang paling disukainya kerana pakai cacak begitu sahaja tanpa perlu disiram air dan dijaga rapi.

Awalnya tugas bercucuk tanam itu dilakukan semacam terpaksa kerana tidak cukup makan biarpun wang ada, namun makanan yang hendak dibeli tiada. Tetapi tidak berapa lama kemudian tugas itu menjadi suatu kesukaan pula. Setiap pagi gadis sunti bertopi besar berikat reben di kelilingnya itu turun ke tanah, memerhatikan perkembangan hasil tanamannya sudah merecupkah belum, sudah bertunaskah belum?

Setiap hari, pagi mahupun petang, ketika matahari redup dan lembut, beliau memeriksa setiap pohon sayurannya, menyiram air, membuang rumput-rampai yang mulai menjalar mencuri baja dan kesenangan hidup pohon tanamannya. Jika terdapat sifit musuh utama anak-anak sayur, akan dikutip dan dimusnahkan.

Memerhatikan perkembangan hidup sayur-sayur yang tumbuh dan membesar hasil daripada titik peluh sendiri, ialah suatu tugas yang mengasyikkan. Tidak cukup tanah di sekitar rumah dan di halaman ditanami dengan segala macam pohon yang bolch dinikmati hasilnya, beliau memanfaatkan pula tanah tidak bertuan di pinggiran jalan di hadapan rumahnya.

Apabila sudah bernama perang, maka ia tetap perang. Kedamaian dan keasyikan bertanam dan memeriksa pertumbuhan sayuran sering terganggu oleh bunyi siren yang menandakan bahaya sedang mendatang.

Demi keselamatan, Azah dan keluarganya membuat kubu perlindungan di bawah tanah.

Biarpun dia hanya seorang gadis sunti yang baru bersekolah darjah enam, namun pengalaman perang akhirnya mengajarnya banyak erti kesusahan. Jari-jemarinya yang halus lembut itu mulai berkematu kerana turut memegang cangkul, parang dan penyodok untuk sama-sama menggali tanah membuat kubu.

"Kami buat *air-raid shelter* di bawah tanah. Kami gali tanah yang naik sedikit dekat sebelah rumah. Kami korek buat lubang besar. Lepas itu kami buatkan bumbung lalu ditampal lagi dengan tanah banyak-banyak. Lepas

ditampal dengan tanah banyak-banyak, kami tampal pula dengan rumput. Di dalamnya, kami buatkan bangku untuk jadi tempat duduk. Kubu itu luas dan dalam tanah itu dingin sebenarnya," cerita Azah bersungguh-sungguh.

Apabila kedengaran sahaja bunyi siren, setiap anggota keluarga akan berlarian pantas meninggalkan rumah dan kebun sayuran untuk masuk ke dalam kubu tersebut. Dalam sehari kadang-kadang dua tiga kali siren amaran berbunyi dan dua tiga kali pun mereka berlarian masuk ke kubu.

"Bunyi siren itu seperti bunyi siren dalam perang Iraq yang kita dengar di televisyen. Apabila mendengar bunyi siren di televisyen itu, saya berasa scaram." Azah mengangkat bahunya dan menyapu lengannya seolah-olah pada waktu itu seluruh bulu romanya sedang tegak berdiri. "Setiap kali dibunyikan siren pada waktu malam, semua lampu mesti dipadamkan. Duduklah dalam gelap-gelita." Dia menambah.

Dalam kubu bawah tanah besar yang digali beramai-ramai itu – tidak ingat berapa ramai – sesiapa sahaja yang ada di dalam rumah di Jalan Datuk Menteri Johor Bahru itu akan berebut-rebut masuk termasuk pembantu rumah; berceratukan cemas menanti bahaya yang bila-bila masa sahaja mungkin tiba.

Dahsyatnya peperangan bukan mainan. Cuma orang gila – sekurang-kurangnya gila perang – yang bersedia melakukannya, mengorbankan orang lain demi kepuasan hatinya sendiri.

Sewaktu duduk di bangku kayu di dalam kubu bawah tanah yang gelita dan sesak dengan keluarga dan saudara-mara itu, sementara menanti bunyi siren keselamatan berlagu panjang dan halus, kenangan Azah kerap pula kembali ke hutan Kempas, kerana di situ lah bermulanya suatu pengalaman yang tidak boleh dilupakan. Tidur baring di hutan dengan hiburan bunyi cengkerik dan unggas yang terkejut oleh kedatangan jiran-jiran yang tidak diundang itu, bukan suatu perkara yang menyeronokkan.

Sambil membilang bintang yang terlindung di sebalik daun-daun tebal, hati sering sahaja dibanjiri rasa bimbang kerana makanan tidak cukup dan takutkan ular yang sentiasa menyusur mencari mangsa yang alpa.

Kekurangan makanan, ketiadaan air minuman bersih, keimbangan tentang ular yang banyak berkeliaran di hutan memang sukar dihakis daripada ingatan, selain berbagai-bagai penderitaan yang tidak terucapkan. Namun scgala masalah dan keimbangan itu dilupakan sahaja, kerana yang lebih penting ketika itu ialah keinginan untuk terus hidup, samalah tujuannya ketika duduk di dalam gua bawah tanah itu.

Dari hutan yang menawarkan perlindungan itu, dapat didengar bunyi dentuman bom.

Ingatan yang paling indah bermain di benaknya tidak lain daripada mendengar bunyi tangisan bayi yang hadir menambahkan bilangan di dalam hutan ketika dentuman peluru menguasai suasana.

Bayi itu lelaki, anak kepada sepupunya Saleha, anak Dato' Onn. Bayi bertuah diberi nama timangan Atan. Suatu nostalgia seumur hidup sebagai anak lelaki yang lahir di hutan. Namun demikian peristiwa yang terpaku kuat dalam ingatannya tidak lain daripada peristiwa beliau diserahkan tugas membawa sebilah pedang Arab kepunyaan arwah ayahnya sewaktu berjalan kaki masuk ke hutan Kempas.

Pedang antik yang bertulis ayat Qur'an pada matanya itu dibalut oleh ibunya dengan sehelai kain sarung. Namun demikian bentuk pedang tersebut masih begitu jelas, lebih-lebih lagi panjangnya lebih kurang semeter.

Dengan penuh rasa sayang juga rasa tanggungjawab terhadap harta pusaka peninggalan ayah yang telah tiada, Azah meletakkan pedang tersebut di atas bahu. Tangannya yang sebelah lagi membimbhit barang-barang lain.

Sewaktu tiba di Air Molek, datang dua orang askar Jepun yang bertugas mengawal perjalanan penduduk tempatan masuk ke hutan. Ketika terpandangkan barang yang dipikul oleh gadis sunti, askar Jepun tersebut lantas menghampirnya lalu bertanya apakah bendanya yang berbalut panjang itu.

Semua yang lain diam. Azah sendiri berasa begitu takut mengingati askar Jepun yang terkenal kejam. Apabila askar itu meminta untuk melihatnya, Azah pun membuka balutannya. Apabila kedua-duanya melihat pedang itu, mereka mencabut pedang tersebut dari sarungnya lalu membelek mata pedang yang cantik berukir dan berkerawang itu.

Setelah melihatnya, segera askar Jepun tersebut menyarungkan semula pedang bernilai ke dalam sarung. Sambil berkata dia hendakkan pedang tersebut, askar Jepun itu lantas sahaja mengambilnya dan berjalan membawanya pergi meninggalkan tuan punyanya ternganga kehampaan. Dan dengan itu lenyaplah satu harta pusaka keluarga dirampas Jepun. "Itu yang saya kesalkan," ujar Azah dengan rupa kecewa.

Kekecewaan dan kekesalannya itu bukan setakat terbawa-bawa ke dalam kubu di bawah tanah sewaktu berlindung daripada serangan bom, malah merupakan peristiwa pahit yang begitu sukar dilupakan. Kekesalannya abadi lebih-lebih lagi beliau yang diberi tanggungjawab membawa pedang itu. Sehingga dewasanya, apabila beliau bertemu kawan-kawan dari negara

Matahari Terbit itu, Azah pernah menceritakan tentang peristiwa dalam perjalanan di Kempas itu.

Sebagai bangsa yang kuat dengan adat dan budaya, pasti sekali orang Jepun itu berasa begitu malu serta bersalah. Mereka segera memberi simpati dengan mengatakan, "Saya hendak balik ke Jepun hendak menulis hal ini dalam akhbar-akhbar di sana dan meminta supaya sesiapa yang menyimpan pedang tersebut memulangkannya balik kepada tuannya."

Kerana kawan-kawan Jepunnya menunjukkan kesungguhan mahu berbudi, maka Azah segera membalaunya, "Tak payahlah susah-susah sampai begitu sekali. Mungkin askar berkenaan telah pun meninggal dunia dalam masa perang." Kata-kata itu dilafazkan kerana guru bahasa Jepunnya yang kemudian dihantar bertugas di Filipina, diberitakan meninggal di medan perang di negara berkenaan.

Duduk di dalam kubu di bawah tanah tidak sentiasa menakutkan. Sesekali ada juga lelucon yang menjadi penawar. Terutama sekali apabila terkenangkan kisah scorang daripada anggota dalam kumpulannya yang berasa dahaga ketika duduk di hutan Kempas tempoh hari. Ketika perang, memang tidak dibenarkan memasang lampu di dalam hutan sebab khuatir dapat dikesan musuh. Keadaan gelap-gelita. Walaupun ketakutan dan sengsara, perasaan lapar dahaga masih juga menggigit usus. Scorang anggota dalam kumpulan keluarga Azah berasa dahaga lalu meraba barang di sekitar. Apabila bertemu sebiji botol, dia pun menggoncangnya. Isi botol tersebut berkocak seperti air apabila digoncang. Apa lagi, dia pun segera minum. Tetapi ternyata dia terminum air kolon (*eau de cologne*) yang harum baunya.

Setiap peristiwa yang sukar memang pahit semasa dilalui tetapi menjadi manis apabila dikenang.

"Kita semua rasa kehilangan daratan, serba tak kena. Mendengar bom digugurkan takut pun ada. Pendeknya bermacam-macam peristiwa yang tidak pernah dilalui sebelumnya, dilalui satu per satu. Peristiwa yang tidak pernah disangka berlaku telah berlaku menimpa kita," ujarnya sambil mengerutkan kening.

"Tetapi nasib baik juga kerana dalam keluarga kami tiada siapa yang jatuh sakit teruk atau mengalami peristiwa-peristiwa yang dahsyat." Dia kembali bersyukur dengan wajah tenang lalu menyambung semula kisahnya sekeluarga duduk di dalam kubu bawah tanah yang turut digalinya.

Keadaan hidup sedikit lega apabila keluar dari hutan. Jepun yang memerintah Tanah Melayu punya cara tersendiri mentadbir negara ini. Biarpun

perang masih berlaku, Jepun telah membuka semula semua pejabat dan sekolah.

Setiap sekolah diperintahkan supaya mengajar bahasa Jepun dan semua orang mesti mempelajarinya. Begitu juga di pejabat. Semua pekerja didera supaya belajar bahasanya. Mereka disuruh menyanyi lagu kebangsaan, lagu "Kimigayo".

Setiap pagi ketika matahari memancar cerah, bendera dinaikkan. Kemudian dipancarkan muzik menerusi radio untuk semua orang yang berkenaan – kakitangan pejabat, guru-guru dan murid-murid sekolah – membuat senaman radio-*taiso*.

Sebagai seorang pelajar Azah tidak ketinggalan turut belajar menyanyi lagu Jepun.

Kisah penyeksaan yang dilakukan oleh askar-askar Jepun terhadap orang awam bukan satu kisah asing. Di mana-mana kedengaran berita yang menakutkan itu. Namun demikian, Azah dan keluarganya bernasib baik kerana tidak merasai penyeksaan oleh tentera Jepun.

Ayah saudaranya Onn Ja'afar memberitahu ketua askar Jepun di situ tentang keluarganya. Tentang adiknya Ibu Azizah Ja'afar yang sudah menjadi balu dan memelihara dua orang anak.

Sebagai seorang pembesar Johor, kata-katanya amat dihormati dan ditaati. Oleh itu, ketua askar Jepun di negeri Johor memberikan sekeping papan yang bertulis dengan tulisan Jepun. Papan tersebut digantung di dinding.

Tulisan di papan tersebut menyatakan yang keluarga Azah ialah orang baik-baik, jangan diganggu, sebaliknya kalau boleh berilah segala pertolongan.

Apabila askar Jepun yang masuk ke rumah Azah terpandangkan papan kenyataan yang amat bernilai itu, mereka lantas mengangkat tabik dan berlalu dari situ.

"Askar Jepun memang selalu berkeliaran dan singgah di mana-mana rumah yang disukainya," jelas Azah. "Tentang rumah kami memang mereka tidak mengganggu apa-apa malah bertanya tidak, apa pun tidak."

Papan kenyataan – lebih tepat jika dianggap papan arahan – itu menjadi semacam penyelamat bagi keluarga Azah.

Asam Jawa pokok di butan,

Dibawa orang tanam di desa;

Ada nyawa ada harapan,

Tidaklah mahu berputus asa.



4.1

4.1

Ibu Azizah Ja'afar bersama-sama abangnya
Dato' Onn Ja' afar.

Kehilangan Abang

*Naik ke bukit bermain angin,
 Pandan berbauh akan permata;
 Sungguh sakit bercerai main,
 Makan berkuah air mata.*

BAGI Azah dan keluarganya, perang bukan setakat memberikan pengalaman pahit terminum air sungai yang berwarna teh susu atau kehilangan barang-barang berharga termasuk pedang pusaka peninggalan arwah ayahnya, tetapi turut merampas abang kesayangan dari sisisnya.

Secara tidak langsung, peranglah yang menjadi penyebab meragut nyawa abangnya, biarpun dengan izin Allah. Kisah bermula apabila perang mulai reda, Jepun mula bertapak dan menjalankan pentadbiran dengan disiplin dan caranya sendiri. Tidak lama kemudian datang Tokogawa iaitu shogun zaman dahulu yang keluarganya masih wujud di Jepun hingga sekarang.

Kedatangan Tokogawa antaranya adalah untuk mencari anak muda Melayu daripada keluarga yang baik-baik, untuk dihantar ke Jepun belajar menjadi pemimpin masa depan dalam rancangan Jepun menakluki kawasan rantau ini.

Dalam pencariannya Tokogawa berjaya menemui beberapa orang termasuk sepupunya Ungku Aziz, Wan Hamid (anak Mak Bukit) dan Ungku Muhsin (seorang kerabat diraja Johor). Dua orang calon lagi terdiri daripada kaum wanita iaitu Rosnah Gaus dan Che Ah Yahya (anak Dato' Yahya di Johor).

Kelima-lima pelajar pilihan ini dihantar belajar ke Jepun dan tinggal dalam

pekarangan rumah Tokogawa sendiri.

Abang Azah begitu sayangkan sepupunya Ungku Aziz. Apabila Ungku Aziz pergi ke Jepun, Syed Omar tinggal keseorangan. Dia berasa kesepian seperti kehilangan seorang abang.

Di sekolah, Syed Omar termasuk antara pelajar yang baik otaknya. Kerana itu, apabila pemerintah Jepun memilih kumpulan para pelajar muda untuk dihantar ke Jepun, Syed Omar yang masih remaja turut dihantar bersama-sama beberapa orang rakan sebayanya mengikut jejak langkah kumpulan pertama.

Pemergian Omar ke negara Matahari Terbit itu bagaikan pucuk dicita ulam mendatang, kerana di sana dia dapat bertemu semula dengan Ungku Aziz.

Ungku Aziz belajar di Universiti Waseda, sementara Syed Omar yang meminati bidang pendidikan telah dihantar memasuki sebuah maktab perguruan di Hiroshima.

Ketika tentera Bersekutu menggugurkan bom atom di Hiroshima, Syed Omar tidak berada di tempat bom digugurkan, tetapi jauh sedikit dari situ. Syed Omar tidak meninggal akibat terkena bom itu, sebaliknya dia meninggal kemudian kerana terkena radiasi.

Pada waktu itu orang ramai belum tahu wujudnya radiasi bom atom itu. Dalam usahanya membantu mangsa bom yang lain di kawasan itu Syed Omar terhadu radiasi. Imbangan darahnya rosak. Dia jatuh sakit. Keadaannya semakin hari semakin lemah dan akhirnya dia menghembuskan nafasnya yang terakhir di Jepun.

Syed Omar dikebumikan di Kyoto oleh seorang ulama Turki yang kebetulan berada di situ. Dan dengan itu tinggallah Azah seorang sahaja dalam keluarganya di samping ibunya Azizah Ja'afar.

Selepas pengeboman Hiroshima dan Nagasaki, Jepun terpaksa menyerah kalah. Mereka berundur meninggalkan bumi yang diduduki setelah harta benda musnah, kota menjadi padang jarak padang tekukur dan banyak nyawa menjadi korban.

Upacara menyerah kalah dibuat di Singapura. Selepas itu Jepun pun balik, dengan meninggalkan debu-debu kehancuran yang amat sukar untuk dilupakan.

*Anak sawa sebesar lengan,
Meniti-niti di batas padi;
Hendak tertawa tiada berteman,
Senyum sedikit di dalam batu.*

Renjis-renjis Dipilis

*Renjis-renjis dipilis,
Ditepungilah tawar;
Hai beras kunyit ditabur,
Disiram si air mawar.*

AYAH Ungku Aziz yang agak uzur meninggal dunia sewaktu Ungku Aziz berusia awal dua puluhan. Beliau dipelihara oleh neneknya. Kerana keseorangan dan perlukan kasih keluarga, kasih sahabat, menariknya menjadi rapat kepada keluarga ibu saudaranya, Ibu Azizah.

Sementelahan pula Ibu Azizah memang menjadi kesayangan abang-abangnya iaitu Ungku Azis dan Ungku Hamid (ayah Ungku Aziz). Kemudiannya Ungku Aziz pula menjadi suami Azah.

Seminggu sekali Ibu Azizah menziarahi abangnya Ungku Abdul Hamid. Kunjungan beliau pasti sahaja disertai oleh Azah dan anak lelakinya Syed Omar.

Daripada kunjungan kasih sayang kekeluargaan itulah Azah sering berpeluang melihat kehidupan Ungku Aziz. Beliau melihat keistimewaan yang ada pada teruna tampan itu.

Dengan matanya yang galak, jernih dan berkaca itu, Azah menyaksikan yang Ungku Aziz mempunyai sebuah bilik sendiri dan beliau scorang yang mempunyai cukup banyak hobi.

Hobi utamanya membaca. Di mana-mana pun Ungku Aziz berada dia boleh membaca. Minatnya yang lain adalah dalam bidang fotografi. Selain mengambil gambar, dia mempunyai bilik gelapnya sendiri. Di dalam bilik

gelap itulah Ungku Aziz mencuci sendiri gambar-gambar yang diambilnya. Setelah gambar pilihan siap dicuci mengikut saiz yang dikehendakinya, dia tidak pergi ke kedai untuk membuat bingkai gambar berkenaan, tetapi bertukang sendiri membuat bingkai gambar tersebut, sebelum digantung di dinding.

Ungku Aziz gemar bertukang. Beliau mempunyai jentera membuat bingkai gambar dan lain-lain kerja pertukangan yang boleh memotong, menebuk kayu dan sebagainya.

Pendeknya apa sahaja yang Ungku Aziz suka, ayahnya akan cuba membelikannya. Seperti remaja lainnya, Ungku Aziz gemar menunggang basikal.

Dalam pada itu, biarpun Ungku Aziz anak tunggal, sikapnya agak berbeza daripada Azah yang juga merupakan anak perempuan tunggal dalam keluarga Ibu Azizah. Kalau Azah rapat dengan ramai sepupu-sepupu perempuannya, terutama anak-anak Ayah Wan, Ungku Aziz pula sebaliknya. Ungku Aziz ada juga berkawan dengan beberapa sepupu lelaki tetapi pada umumnya dia hanya duduk sendirian di rumah sambil mengerjakan hobi-hobinya yang mengasyikkan, yang begitu banyak dan pelbagai. Tambahan pula beliau menganggap buku-buku yang banyak di sekelilingnya itu sebagai sahabat-sahabatnya.

Daripada pemerhatian yang tajam, Azah mulai tertarik dengan perangai sepupunya yang istimewa dan mempesonakan itu. Terlalu banyak yang menarik pada diri Ungku Aziz sehingga sukar baginya menafikan bahawa putik cinta sudah berkembangan indah di hatinya.

Biarpun pada masa perang, kedua-dua teruna dara ini yang terpisah oleh beberapa laut dan lautan dan beberapa negeri dan negara, namun mereka tetap memupuk kesegaran persaudaraan dan percintaan menerusi surat-surat yang dilayangkan dari Jepun dan sebaliknya. Perang rupanya bukan penghalang bagi dua kekasih menyemai cinta biarpun banyak perkara lain yang lebih utama dalam kehidupan terputus kerana ledakan perang yang tidak mengenal erti kemanusiaan itu.

Bagaimanapun Ungku Aziz tidak sempat menamatkan pelajarannya di Jepun kerana bom atom dan perang berakhir. Ungku Aziz kembali menyambung pelajarannya setelah perang tamat di Raffles College (yang kemudian menjadi Universiti Malaya di Singapura dan sekarang Universiti Nasional Singapura) sehingga mendapat ijazah.

Sewaktu Ungku Aziz menuntut di Raffles College itu, Ibu Azizah

seminggu sekali membawa anak gadisnya ke Singapura. Setiap kali turun ke pulau kecil yang terkenal sebagai tempat berhibur penduduk Johor itu, Ibu Azizah akan singgah di Raffles College. Kesempatan Azah bertemu Ungku Aziz tidak disekat. Walau hanya sebentar, kedua-duanya tetap bergembira menikmati pertemuan yang amat berharga itu sebagai kesinambungan daripada pertemuan yang sering berlaku di Johor Bahru sebelum Ungku Aziz duduk semula di asrama.

Kenangan manis sebagai kawan dan keluarga yang mengalirkan hubungan mereka yang begitu rapat, memang suatu nostalgia yang tidak mungkin sirna dihakim waktu.

Kedua-dua teruna dara itu dilambung oleh alam percintaan yang manis, namun dalam suasana yang terkawal dan menurut adat susila ketimuran. Nasib yang diharungi dalam arus kehidupan seolah-olah mendekatkan mereka – Ungku Aziz kehilangan ibu semasa kecilnya, sedangkan Azah kehilangan ayah semasa kecilnya. Masing-masing mencari tempat menumpang kasih sayang.

Walaupun rasa cinta terhadap Ungku Aziz tidak dapat dibendungnya, namun Azah juga tidak dapat menolak hakikat dia masih ingin meneruskan pelajaran, yang sudah terbengkalai selama empat tahun akibat perperangan. Beliau ingin mengisi ilmu di dadanya sepadat-padatnya. Belajar ialah sesuatu yang menarik dan menyeronokkan baginya.

“Aku ingin belajar semula,” katanya perlahan-lahan sambil meletakkan bajunya yang sedang dijahit itu, ke samping pada suatu petang. Hasrat murninya itu segera disampaikan kepada ibunya. Ibunya pasti sekali tidak menentang cita-cita tinggi anak perempuannya itu. Ibu Azizah bukan setakat mendorong puterinya itu sendiri untuk terus belajar tetapi juga setiap anak bangsanya. Ibu Azizah yakin, hanya ilmu yang mampu merubah nasib sesuatu bangsa dan negara.

Ketika perbincangan antara dua beranak itu selesai, Ungku Aziz anak tunggal dalam keluarga Ungku Abdul Hamid tiba. “Hendak menyambung sekolah?” Ungku Aziz merenung mata kedua-dua beranak yang duduk sopan di hadapannya. “Ah, tak usahlah balik bersekolah. Kahwin sajalah dengan saya,” katanya tegas dan lembut. Hasrat hatinya yang telah lama terpendam dan “berbalas” itu diluahkannya dengan tenang. Dia percaya kedua-dua beranak itu tidak akan menolaknya.

Ibu Azizah tergamam buat seketika. Dia tahu, teruna kacak yang juga anak saudaranya itu memang disenangi seluruh keluarga. Tetapi apakah dia harus memilih mengahwinkan anaknya atau meneruskan pelajarannya yang

terbengkalai selama empat tahun itu?

Ketika benaknya sibuk berfikir, tiba-tiba suara Ungku Aziz muncul di gegendang telinganya. "Berkahwin dengan saya sama seperti menuntut pelajaran tinggi di sebuah universiti!" sambung anak saudaranya yang berdarah campuran Melayu - Turki itu. Usianya 24 tahun, enam tahun lebih tua daripada usia Azah.

Ibu yang arif amat kenal mana jalan yang lebih baik untuk dilalui oleh anak perempuannya itu. Beliau bersetuju dengan permintaan Ungku Aziz.

Majlis pernikahan pada 5 Mei 1946 itu dibuat secara paling sederhana sekali di rumah kakak Ibu Azizah yang bersuamikan Dato' Mohd. Salleh yang berasal dari Kelantan. Azah lebih mesra memanggilnya Ayah Wan. Tiada majlis persandingan untuk mereka.

Dengan perkahwinan tersebut berakhirlah zaman percintaan yang amat manis dan terkawal yang dipagari adat susila ketimuran yang unggul dan bersopan.

Selepas berkahwin, pasangan yang ideal ini berbulan madu di Singapura. Singapura menjadi pilihan kerana waktu itu zaman lepas perang. Zaman susah. Hari-hari yang manis dinikmati selama seminggu. Azah bersama-sama suaminya Ungku Aziz tinggal di sebuah hotel yang sudah dilupakan namanya dan kini sudah tidak wujud lagi di muka pulau yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa itu.

*Pagi-pagi awan berlari,
Bintang sebiji membelah bukit;
Kalau dapat bagai di hati,
Dunia dipandang tinggal sedikit.*



6.1

6.1

Azah ketika berusia dua puluhan.

Suami dan Anak

*Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat;
Sudah lama saya mencari,
Baru sekarang saya mendapat.*

SELEPAS enam bulan berkahwin, Azah mengandung. Pada 26 Ogos 1948 lahirlah seorang puteri. Puteri bertuah itu dinamakan Zeti Akhtar, kini Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia.

Beberapa bulan selepas Zeti dilahirkan, pada tahun 1949 Azah bekerja di Jabatan Kebajikan Am Johor Bahru. Bekerja di jabatan tersebut membuat beliau bertugas tidak tentu masa dan tempat, lebih-lebih lagi tugas Azah tidak duduk di pejabat sahaja. Namun demikian, mempunyai anak dan suami bukanlah penghalang bagi Azah meneruskan kerjanya yang banyak memberikan perhatian dan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan. Beliau tidak mengabaikan keluarganya malah membahagikan masa dengan baik untuk kebahagiaan keluarganya.

Sebagai pegawai luar, tugas Azah adalah menjadi penyiasat. Lebih khusus dinamakan Penyiasat Bahagian Melayu. Di bahagian tersebut terdapat tiga orang penyiasat yang diasaskan daripada tiga kaum yang tinggal di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India. Bahagian berkenaan diketuai oleh seorang wanita Inggeris bernama Enid Fernandes. Orangnya sungguh hebat, biarpun sudah agak berumur. Dia begitu gigih – bekerja tidak mengira siang malam untuk menjaga kebajikan orang lain.

Caranya bertugas merangsang orang bawahannya bekerja segigih

ketuanya. Azah tidak terkecuali. Dia pergi ke kampung-kampung meninggalkan anak kecil di rumah semata-mata untuk mencari orang susah.

Sekiranya ada orang yang meminta bantuan dan mengaku dirinya susah, mereka akan siasat untuk memastikan dakwaannya benar. Setelah selesai siasatan dibuat, Azah pulang ke pejabat serta membuat laporan untuk diserahkan kepada pegawai atasannya.

Laporan tersebut akan dipertimbangkan, sama ada orang berkenaan layak atau tidak diberi bantuan.

Bukan setakat itu sahaja yang dilakukannya sebagai pegawai kebajikan masyarakat. Malah dia turut terlibat membawa orang buta pergi berjumpa doktor untuk menjalani pemeriksaan. Selesai pemeriksaan, mereka dibawa balik ataupun dihantar ke rumah kebajikan atau ke sekolah buta.

Kenangan yang tidak mudah dilupakan oleh Azah ialah sewaktu bertugas di Kuala Sedili, pada musim banjir.

Hujan turun tidak berhenti selama tiga hari tiga malam. Air laut pasang, menolak air di sungai untuk turut naik. Air yang pasang penuh ditambah pula air hujan yang turun merebas siang malam tanpa henti biar sesaat pun. Bumi dilimpahi air tanpa dapat dibendung oleh sebarang tebat ataupun empangan, mengakibatkan banjir. Seluruh permukaan tanah hingga segalanya tidak kelihatan lagi kecuali rumah, pohon-pohon yang tinggi serta bukit, dikelilingi lautan air yang berwarna kuning kecoklatan dan dikotori oleh sampah sarap yang berapungan.

Akibatnya orang kampung yang bergantung hidup pada hasil pertanian kehilangan sumber rezeki. Mereka menjadi penganggur, malahan ada antaranya menghadapi bencana yang lebih menyedihkan. Ada yang kehilangan rumah, kain baju, emas intan, bahkan ada kehilangan nyawa.

Salah satu tugas Azah ketika itu adalah turun mengharungi air dengan membawa bantuan makanan, pakaian, selimut dan keperluan harian mangsa banjir.

Dengan menaiki bot, dia bersama-sama rakan-rakan menyusuri sungai yang sudah tidak bertepi itu lalu singgah dari rumah ke rumah. Kebanyakan penduduk di Kuala Sedili tinggal di tebing sungai dan apabila berlaku banjir barang-barang mereka dihanyutkan dengan mudah.

Ketika menjalankan tugasnya, Azah tidak mengenal erti takut dan bimbang. Berhari-hari dia dan anggota rombongan penghantar barang bantuan itu menaiki bot sepanjang sungai yang deras dan ada bahagiannya kelihatan berolak airnya.

Kadangkala sehari suntuk dia bertugas dan pulang setelah larut malam, meninggalkan anak kecil di rumah. Namun, apabila tidak bertugas jauh, Azah akan balik ke rumah pada waktu makan tengah hari semata-mata untuk menyusukan anak tunggalnya yang mewarisi kejelitaan ibunya dan kecerdikan kedua-dua orang tuanya. Sekiranya tidak dapat balik tengah hari, dia akan menyusukan anaknya pada sebelah petang dan malam.

Sepanjang ketiadaannya di rumah, ibunya, Ibu Azizah akan menolong memelihara cucu tunggalnya itu.

Bertugas di Jabatan Kebajikan Am bukan sekadar memperoleh pengalaman melihat betapa kehidupan orang susah, tetapi juga membuat Azah berasa bersyukur kerana dapat membantu mereka.

Pada masa itu belum didengar kisah mendera anak isteri seperti yang terdapat pada hari ini. Jadi tugasnya berkisar sekitar orang-orang miskin dan sakit serta banyak menolong orang buta sahaja.

Tugas Azah di Jabatan Kebajikan Am berakhir pada tahun 1951.

Dia menamatkan perkhidmatannya di Jabatan Kebajikan Am itu kerana berpindah ke Singapura mengikut suaminya yang bertugas di Universiti Melaya.

Kata peribahasa Melayu, kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau, jatuh ke tanah menjadi gunung, maka inilah yang berlaku kepada ibu muda ini.

Tahun 1951 itu mencatatkan sejarah yang tidak kurang hebatnya bagi Azah. Tahun itu dia bertugas sebagai setiausaha di Jabatan Sains Sosial di Universiti Melaya, Singapura.

Apabila Za'ba (Pendeta) dilantik menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Melaya di Singapura, pada tahun 1953, Za'ba memerlukan seorang setiausaha yang boleh menaip dan menulis trengkas. Mendengar akan berita tersebut, Azah segera memohon.

Kebolehan yang sukar dinafikan dengan kemampuannya menjalankan tugas kesetiausahaan lebih daripada memuaskan, menjadi visa utama bagi beliau memasuki pasaran kerjaya yang banyak saingannya itu. Bermula dari tarikh tersebut Azah bertugas sebagai setiausaha di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Melaya, Singapura.

Beruntungnya nasib badan, itulah yang telah beliau nikmati dalam tugas barunya yang menarik itu. Azah cuma bekerja setengah hari di kampus Universiti Melaya itu; dari pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Kesempatan menjadi setiausaha di Jabatan Pengajian Melayu itu bukan

sekadar memberikannya suatu bidang pekerjaan baru yang sesuai dengan kebolehannya, malah memberikan Azah peluang seluas-luasnya bagi menambahkan ilmu pengetahuan.

Bagaimanapun sebagai seorang isteri dan juga ibu, biarpun Azah bekerja, namun tugas di luar dan dalam rumah bukan sesuatu yang membebankan, tambahan pula ada tenaga pembantu rumah menolongnya. Ini membuatkan beliau mempunyai waktu yang cukup untuk anak dan suami.

Oleh sebab anak cuma seorang, dapatlah beliau menumpukan perhatian dan kasih sayang yang bulat dan jitu kepadanya.

Apabila anak tunggalnya mulai bersekolah, Azah sendiri memandu kereta mengantar dan menjemputnya setiap hari. Jikalau Zeti sekolah pagi, tengah hari beliau akan menjemputnya di sekolah. Beliau mengawasi segala kerja rumah yang diberikan oleh guru. Azah juga memperuntukkan masa bagi menolong anaknya jika dia menghadapi sebarang masalah sekolah dan sebagainya.

Sebagai seorang yang gemar dan mahir menjahit, Azah sering pula menjahit pakaian anaknya, terutama jikalau beliau mempunyai waktu lapang.

Suatu perkara yang boleh dianggap istimewa bagi keluarga yang semuanya tunggal ini, anak mereka sejak usia kecil sudah biasa bergaul dengan orang dewasa.

Sewaktu tinggal di Singapura, Zeti juga berkawan dengan anak jiran-jiran di Eng Neo Avenue di Bukit Timah. Oleh sebab pada zaman itu kebanyakannya kakitangan akademik universiti tersebut terdiri daripada orang asing, kebanyakannya jiran Azah juga ialah rakyat asing; Amerika, Australia, Pakistan dan Cina Malaysia. Oleh itu Zeti terdedah dengan pergaulan yang luas dan pelbagai bangsa sejak kecil lagi.

Jiran sepakat membawa berkat. Ini dapat dibuktikan oleh Azah dan jiran-jirannya. Mereka mengatur jadual giliran mingguan bagi setiap orang mengantar dan mengambil anak-anak mereka dari sekolah.

Sebagai kanak-kanak, Zeti tidak terkecuali daripada berperangai nakal. Apabila ini berlaku, Azah tidak teragak-agak memarahi anak tunggalnya itu. Namun begitu Azah bukanlah seorang yang panas baran.

Pada pendapatnya, memukul anak dengan garang bukan cara yang betul mengajar mereka. Beliau lebih cenderung berbincang dan berunding dengan anak tunggalnya itu. Demikian juga yang sering dilakukan oleh Ungku Aziz. Mereka menyelesaikan sesuatu masalah melalui perbincangan. Makanya, dari kecil lagi Zeti sudah dididik supaya bersikap begitu.

Azah yang kaya dengan pengetahuan pelbagai jenis seni, tidak pernah memandang rendah terhadap tugas di dapur. Malah, beliau bukan sekadar gemar, tetapi pandai memasak. Tidak syak lagi bakat dan kebolehannya dalam bidang masak-memasak ialah hasil rangsangan ibunya, Ibu Azizah Ja'afar.

Suami beliau yang mendapat didikan di Universiti Waseda, Jepun, sering bercakap tentang masakan Jepun yang digemarinya. Seperti kata pepatah Inggeris, hendak memikat suami melalui perutnya, maka sebab itulah Azah mempelajari masakan Jepun daripada rakan-rakan dari negara Matahari Terbit yang datang ke negara ini.

Begitu juga apabila beliau pergi ke negara Sakura itu, beliau tidak akan melepaskan kesempatan mempelajari masakan Jepun, dari dahulu hingga sekarang. Masakan Jepun yang amat digemari oleh Azah dan Ungku Aziz ialah *sukiyaki*.

Bagi memenuhi minat suaminya, Azah bukan sekadar tahu memasak masakan Jepun sejenis dua sahaja. Beliau juga boleh memasak *tempura*, iaitu masakan yang mengandungi sayur, ikan, udang, sotong yang dicelup dalam tepung dan kemudian digoreng. *Tempura* dimakan dengan sos campuran lobak yang diparut halus dan dibancuh dengan kicap cair.

Selaku scorang yang gemar memasak dan gemar pula makan, Azah yang sering berkunjung ke negara-negara lain di serata dunia, tidak ketinggalan mempelajari setiap masakan yang memikat hatinya, melalui buku-buku masakan yang dibelinya.

Oleh sebab suaminya kurang meminati makanan laut, Azah lebih banyak menyediakan makanan daripada sayur-sayuran, kacang soya, ayam ataupun daging secara bergilir untuk hidangan harian keluarganya.

Biarpun Ungku Aziz tidak menggemari makanan laut, namun Azah tetap menikmatinya, terutama apabila suaminya menghadiri jamuan di luar.

Selera Azah berbeza sekali daripada suaminya. Beliau boleh makan apa sahaja, suka makan apa sahaja dan tiada pula pantang larang asalkan halal. Sebaliknya Ungku Aziz gemarkan sayur-sayuran dan buah-buahan.

Setiap hari Ungku Aziz mesti makan buah. Malah sarapan mesti ada buah-buahan.

"Pagi-pagi dia bangun buat teh sendiri. Selepas minum dia pergi berjoging kecuali jika hujan atau ada mesyuarat waktu pagi, barulah dia tidak pergi jogging," jelas Azah.

Sebaik pulang berjoging, beliau akan bersarapan. Sarapannya setiap pagi ialah pelbagai jenis buah-buahan tempatan.

Tengah hari Ungku Aziz cuma menikmati sup ayam atau bijirin dan kacang-kacang dengan sayuran yang disediakan sendiri oleh Azah. Ungku Aziz makan agar berat badan tidak naik dan bagi mengelakkan terlalu banyak lemak dalam badan.

Sebagai pelopor perjuangan yang menyambung perjuangan ibunya menyeru rakyat makan makanan berkhasiat, Azah sentiasa memikirkan soal khasiat dalam hidangan untuk suami dan anaknya, bukan sekadar untuk menikmati keenakan ataupun hanya untuk kenyang sahaja.

Hidangan makan malam agak banyak sedikit jenisnya. Bagaimanapun makanan yang dihidangkan ialah makanan cara Melayu biasa. Kadang-kadang, Azah memasak kari, gulai, masak lemak labu atau sayuran lain.

Azah akan ke pasar tani untuk mencari sayur-sayuran seperti daun turi untuk dimasak lemak dengan keledek, membeli timun dan nanas untuk dibuat rojak iaitu makanan kegemaran Azah. Sekali-sekala apabila ada tetamu berkunjung ke rumah beliau, barulah disediakan hidangan istimewa seperti nasi minyak atau laksa Johor. Kadang-kadang Azah menghidangkan juga masakan cara India yang dibumbui dengan pelbagai jenis rempah ratus yang sangat wangi.

Ungku Aziz yang gemar berulam itu, suka sekali berulam daun-daun hijau. Dia juga suka meratah bawang besar mentah kerana bawang itu sangat banyak khasiatnya.

Anak tunggalnya Zeti pula selain daripada gemar makan tempe dan tauhu, akan memakan apa sahaja hidangan yang disajikan untuk keluarga. Makanan kegemaran ayah dan ibunya ialah makanan kegemarannya juga. Keluarga ini jarang sekali makan di luar.

"Kami jarang makan di luar, bukan tidak suka. Kalau ada orang ajak, kami pergi. Nama kami sendiri hendak pergi makan di luar memang jarang sekali," ujar Azah, jujur.

Bagi sesetengah orang, kiranya bosan duduk di rumah atau malas hendak memasak, mereka akan mengajak keluarga makan di luar, tetapi ini tidak berlaku kepada Azah dan keluarganya.

Ungku Aziz sering berkata, "Makanan yang baik dan lazat itu sepatutnya ada di rumah." Dan Azah sendiri bersetuju dengan pendapat suaminya itu. Tambahan pula beliau amat malas hendak menukar pakaian, bersiap-siap kemudian naik kereta, berpusing-pusing pula mencari tempat meletak kereta, masuk ke dalam restoran, makan setelah terpaksa menunggu entah berapa lama pula.

Selesai makan, kena menanti lagi untuk membayar bil dan sekali lagi menaiki kereta untuk pulang ke rumah. Bagi Azah proses pergi makan di luar menggunakan terlalu banyak waktu dan kerentak, sedangkan masa itu boleh digunakan untuk pelbagai perkara yang lebih bermanfaat.

Bagaimanapun, ini tidak bererti yang beliau menolak langsung untuk makan di luar rumah. Sama ada diajak oleh rakan-rakan atau mengajak rakan-rakan sekali-sekala makan di restoran, Azah tidak pula keberatan.

Tabiatnya yang gemar memasak itu merupakan satu daripada sebab beliau jarang benar mengajak tetamu atau rakan-rakan makan di luar, sebaliknya beliau lebih gembira meraikan mereka menikmati masakannya sendiri, di rumah.

Selain itu Azah sering berasa tidak puas hati dengan hidangan yang dipesannya dan beliau rasakan jika beliau sendiri memasaknya tentu lebih enak berbanding sajian yang mahal itu.

"Kenapa saya mesti makan di restoran dan membayar harga yang mahal, sedangkan saya boleh membuatnya lebih baik lagi di rumah dan dapat menikmatinya dalam keadaan lebih selesa tidak payah berjalan keluar?" Azah menekankan sebab-musabab beliau menjauhi restoran daripada gelanggang kehidupannya.

Antara Azah dan suaminya Ungku Aziz, persefahaman sentiasa terjalin indah dalam kehidupan mereka. Tiada perkara yang tidak menyenangkan. Ungku Aziz pada pandangan isterinya ialah orang yang paling bertimbang rasa. Beliau tidak mengganggu suaminya dan begitu pula sebaliknya.

Ungku Aziz membaca sepanjang hari, Azah tidak pernah marah. Biasanya isteri sering memarahi suami yang sepanjang hari asyik dengan hobinya sehingga tiada waktu untuk berbual mesra.

Namun Azah tidak bersikap begitu. Beliau sendiri juga mempunyai tugas dan hobi yang mengasyikkannya, yang menjadikan hidup beliau sepanjang hari penuh warna dan tidak membosankan. Kalau Ungku Aziz hendak membaca sepanjang hari dari pagi hingga ke petang, Azah akan membiarkannya.

Azah akan mendengar muzik atau menjahit di bilik bacaannya. Beliau juga mempunyai sebuah bilik bacaan sendiri yang cukup lengkap dengan pelbagai jenis buku tersusun sendat di dinding, siap pula dengan radio, televisyen dan mesin taip serta peralatan menjahit.

Ungku Aziz tidak akan mengganggu isterinya. Isterinya boleh melakukan hobinya dengan senang hati. Sekiranya Azah terpaksa keluar rumah beberapa

hari, beliau tidak keberatan mengizinkannya dan tidak memaksa isterinya mesti berada di rumah untuk menjaga makan minumnya.

Sebagai isteri yang bertuah mendapat suami yang begitu baik hati, Azah tidak pula lupa daratan. Biasanya sebelum meninggalkan rumah, beliau akan memastikan yang makanan suaminya mesti ada. Misalnya buah-buah yang cukup masak, biarpun kadang-kadang menimbulkan kesulitan mencarinya. Sekiranya di kedai berhampiran tiada, beliau akan mencarinya hingga dapat. Beliau akan menyediakan untuk simpanan dua tiga hari atau selama beliau tiada di rumah.

Namun begitu, sekiranya semua itu tidak dapat disediakan, Ungku Aziz tidak keberatan mencarinya di kedai selama isterinya tiada di rumah.

Ketika Azah mengikut suaminya Ungku Aziz berpindah ke Kuala Lumpur untuk bertugas di Universiti Malaya, Zeti dimasukkan ke Sekolah Rendah Assunta. Kemudian apabila tiba masanya menduduki peperiksaan Higher School Certificate (HSC), beliau belajar di Sekolah St. John yang terletak di tengah bandar.

Sebagai tanda sayang Azah kepada anaknya, dari kecil hingga remaja, beliau menjalankan tugas harian menghantar dan menjemput anaknya dari sekolah.

"Kedudukan Sekolah St. John dalam bandar. Pada zaman itu pun sudah cukup hebat kesesakan jalan, apalagi tengah hari, dalam panas kereta kecil saya turut beratur dalam kesesakan jalan, berengsot-engsot naik bukit. Tetapi semua itu saya lakukan untuk Zeti," ujarnya dengan penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang seorang ibu.

Beliau lakukan semua tugas tersebut kerana Ungku Aziz sibuk benar dengan tugasnya. Pada ketika Azah sudah bekerja di akhbar, namun soal kerja tidak dijadikan alasan untuk mengetepikan tanggungjawabnya.

Bagi Azah, inilah sumbangan yang dapat beliau berikan untuk anaknya, selain melayaninya di rumah seperti kebanyakan ibu lain.

Apabila beliau hendak ke luar negeri, Ibu Azizahlah yang menjaga Zeti di rumah – sama ada beliau datang dan duduk bersama-sama cucunya di rumah Azah, ataupun Zeti dihantar ke rumah Ibu Azizah.

Seperti kebanyakan ibu lain, Azah menunggu anaknya menelaah, terutama apabila tiba waktu untuk menghadapi peperiksaan.

Azah juga membantu Zeti dalam pengajiannya; mana-mana yang tidak dapat dilakukan oleh anaknya, Azah akan menolongnya dengan menyemak kerja-kerja yang dibuat oleh Zeti dan sebagaimana.

Kadang-kadang Zeti meminta ibunya membaca dan Zeti mencatat. Sewaktu menghadapi peperiksaan, kiranya Zeti tidak pulang ke rumah tengah hari, Azah akan menghantarkannya makanan.

Sebagai seorang ayah pula, biarpun Ungku Aziz begitu sibuk dengan tugasnya di universiti, namun beliau tidak pula menyisihkan anaknya. Sekiranya Azah menggalakkan anaknya supaya belajar dan berjaya dalam peperiksaan, Ungku Aziz tentu lebih lagi.

Sebagai seorang pensyarah di universiti, beliau sering memberi perangsang serta menggalakkan Zeti supaya suka membaca.

Pada zaman remajanya dahulu, Ungku Aziz gemar sekali menghadiahkan buku kepada bakal isterinya, maka itulah pula yang dilakukannya kepada Zeti, anak tunggalnya. Beliau selalu menghadiahkan buku kepada Zeti. Beliau tidak pernah berasa lokek untuk membeli buku.

Memang Ungku Aziz rajin membeli buku. Ke mana sahaja pergi, beliau akan singgah di kedai untuk membeli buku. Pergi mengikut isteri membeli-belah amat jarang sekali kerana Ungku Aziz berasa tugas tersebut amat membosankan dan menyeksa dirinya. Azah tidak pernah mendesak suaminya mengikut beliau membeli-belah. Beliau akan pergi sendirian mencari keperluan rumah. Dan kalau pergi bersama-sama pun, mereka akan berpisah dan berjanji untuk bertemu semula pada waktu dan tempat yang ditentukan.

Azah tahu, suaminya akan mencari kedai buku, sementara menanti masa yang dijanjikan itu sampai. Kedai buku menawarkan keasyikan yang indah bagi Ungku Aziz. Beliau sanggup berjam-jam membelek buku yang dipamerkan di atas rak. Azah memilih dan membeli barang-barang keperluan rumah tangga sepuas-puas hati sebelum mencari suaminya di celah-celah rak di kedai buku. Itulah antara sebab buku di rumah beliau begitu banyak, hingga boleh dijadikan dinding sebuah banglo dua tingkat.

Pengaruh daripada sikap suami yang gemar membeli dan membaca buku itu berjangkit juga kepada Azah. Apabila beliau bekerja, beliau pun rajin membeli buku.

Bagaimanapun, mempunyai buku begitu banyak tidaklah semudah memandangnya. Banyak musuh menanti untuk merosakkannya, terutama lipas dan gegat selain anai-anai. Bagi mengelakkan berlakunya kerosakan, buku-buku berharga itu perlukan penjagaan rapi pula.

Tentang anaknya Zeti, walaupun tunggal, tidak pernah diberi manja berlebihan. Ayah dan ibunya tidak pernah melonggokkan wang kepadanya.

Zeti hanya diberi eluan yang kecil sebagai wang saku untuknya berbelanja.

Lain-lain keperluan dan perbelanjaan semuanya sudah disediakan. Wang saku tersebut hanya untuk Zeti membeli barang-barang peribadinya sendiri.

Zeti juga tidak mendesak meminta wang yang lebih. Serba-serbi sudah disediakan di rumah, termasuk pakaian, buku dan alat-alat persekolahan.

*Bintang tujuh sinar berseri,
Bulan purnama datang menerpa;
Ajaran guru hendaklah cari,
Manfaat yang dapat jangan dilupa.*



7.1

Azah bersama-sama Ungku Aziz dan Zeti.

7.2

Azah bersama-sama Zeti di Singapura.





7.3

Azah ketika berusia awal tiga puluhan.

7.4

Zeti Akhtar semasa remaja.





7.5

Azah bersama-sama Zeti.

7.6

Zeti bersama-sama Azah selepas menerima ijazah di Universiti Malaya, 1970.





7.7

7.7

Azah bersama-sama Zeti di Plaza Universiti
Pennsylvania, Amerika Syarikat.



7.8

7.8

Zeti turut memperagakan baju kurung cekak musang baldu merah pulasan de songket bertabur, pada satu pertunjukan pakaian tradisional sempena Kebudayaan Kebangsaan, 1971. Azah membentangkan kertas kerja "Pakaian Ke sebagai Satu Unsur Memupuk Identiti Kebangsaan Malaysia" dalam kongres iti

Bekerja di Berita Harian

*Pokok nanas di Kuala Daik,
 Mari dipetik anak Melayu;
 Tuan umpama teras yang baik,
 Kalau ditunu makin berbau.*

PADA tahun 1957, sekali lagi tuah datang bergolek di hadapan Azah. Dia ditawarkan bekerja dalam bidang baru yang agak asing tetapi amat menarik minatnya. Beliau telah dipelawa bertugas di akhbar *Berita Harian* yang waktu itu baru tiga bulan diterbitkan oleh The Straits Times Press di Singapura.

Akhbar baru ini diterbitkan dalam tulisan rumi. Sebelum itu semua akhbar berbahasa Melayu diterbitkan dalam tulisan jawi. Sidang editor *Berita Harian*, yang dimulakan penerbitannya pada tahun 1957 kebanyakannya sebagai penterjemah. Bahan-bahan dalam bahasa Inggeris diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk disiarkan dalam akhbar *Berita Harian*.

"Saya diajak bekerja dengan *Berita Harian* di Straits Times. Pada masa itu mereka perlukan seorang setiausaha yang boleh menulis, dan menaip untuk menjawab surat-surat yang diterima oleh *Berita Harian*. Mereka berharap sangat supaya saya sudi menerima pelawaan tersebut," jelas Azah sambil matanya tertancap lembut pada daun-daun hijau yang berulik apabila disentuh angin lalu di luar dinding kaca hadapan rumahnya. Beliau seolah-olah sedang menonton semula rakaman peristiwa manis yang pernah dilaluinya suatu ketika dahulu.

Pelawaan bertugas di *Berita Harian* itu berkait rapat dengan penterjemahan berita dan rencana daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu yang dilakukan oleh sidang editor *Berita Harian* waktu itu.

Pembaca tidak berpuas hati dengan akhbar *Berita Harian* yang mereka baca kerana ada kalanya tugas penterjemahan dibuat secara tergesa-gesa. Segala berita, dan rencana harus disiapkan mengikut *dateline*. Segalanya mesti dibuat dengan cepat. Kesannya kadang-kadang, pembaca menulis surat sama ada menegur ataupun mengecam akhbar tersebut kerana bahasanya yang kurang elok dan terlalu banyak bahan yang diterjemahkan daripada akhbar *The Straits Times*.

Bagi orang yang membaca akhbar Inggeris, mereka tidak mahu membaca *Berita Harian*, kerana berita asal yang disiarkan oleh *The Straits Times* lebih bagus, lebih tepat, lebih lengkap dan tentunya lebih memuaskan.

Ketua editor akhbar *The Straits Times* ketika itu menerima banyak surat daripada orang ramai meluahkan suara hati mereka terhadap akhbar *Berita Harian*. Tetapi ketua editor berketurunan Serani itu tidak tahu apa yang hendak dibuat dengan surat-surat berkenaan.

Menerusi orang ketiga, Azah didatangi dengan lamaran untuk bekerja di *Straits Times* sebagai setiausaha yang menjaga bahagian *Berita Harian*.

Pelawaan yang bersunting harapan yang tinggi itu begitu mengagumkan Azah. Beliau berfikir panjang. Telah empat tahun lamanya bekerja dengan Pak Za'ba, beliau fikir menarik juga kiranya dapat bertugas dalam bidang baru yang lebih mencabar dan berbeza. Lebih-lebih lagi semenjak bertugas di Universiti Malaya, gaji sejumlah RM250 tidak pernah dinaikkan dan tawaran di *Berita Harian* pula sejumlah RM450.

Biarpun perpindahan kerja beliau itu bukan semata-mata kerana gaji, namun tawaran yang menarik tentu sahaja lebih menyenangkan perasaan untuk menerimanya kerana gaji sebanyak itu dianggap lumayan pada zaman tersebut.

Tarikh 1 September 1957, sehari selepas merdeka, ialah tarikh keramat yang sukar dilupakan. Pada hari itulah Azah mulai berjinak-jinak dengan dunia penulisan dan persuratkhabaran yang agak asing jika dibandingkan dengan kerjanya yang terdahulu.

Pada awalnya Azah ditugaskan sebagai setiausaha kepada editor yang tidak pandai berbahasa Melayu itu. Lebih bebas dan menyeronokkan lagi apabila Azah sendiri yang menulis surat. Ketua editor cuma memberitahunya apa yang hendak ditulis. Kemudian tanggungjawab menyempurnakan persoalan yang didatangkan oleh pembaca terletak bulat di bahu Azah. Setelah

surat-surat disiapkan, ketua editor cuma perlu menandatanganinya sahaja.

Ruangan wanita *Berita Harian* pada waktu itu diisi oleh seorang wartawan wanita Inggeris dengan tulisannya dalam akhbar *The Straits Times* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Turut dimuatkan juga ialah bahan-bahan terjemahan dari luar negara termasuk daripada Reuter dan agensi berita yang lain.

Pihak editor berasa isi ruangan wanita itu sangat tidak sesuai dengan selera pembaca Melayu yang diharap boleh menarik ramai pembaca membaca akhbar *Berita Harian*.

Ketua editor mengambil keputusan untuk meminta seorang penulis yang boleh menulis dalam bahasa Melayu bagi mengendalikan ruangan tersebut.

Melalui Azah, editor menanyai Ibu Azizah Ja'afar sekiranya beliau sanggup menjadi editor ruangan wanita *Berita Harian*. Ibu Azizah bersetuju kerana beliau sendiri memang berminat menulis persoalan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan untuk disampaikan kepada kaum wanita seluruhnya. Ibu Azizah menggunakan nama samaran Derma Negara untuk tulisan-tulisannya dalam ruangan yang dinamakannya "Dewan Wanita". Oleh sebab Ibu Azizah pada waktu yang sama menjadi Pengetua Taman Asuhan Wanita RIDA di Kuala Lumpur, maka beliau mengelolakan ruangan wanita dalam akhbar *Berita Harian* itu secara sambilan, seminggu sekali.

Lama-kelamaan Ibu Azizah berasa keberatan mengendalikan ruangan wanita berkenaan. Beliau menyarankan supaya anaknya, Azah mengambil alih tugasnya itu.

Azah yang memang berminat dalam bidang penulisan dan selama ibunya mengendalikan ruangan tersebut, beliau sendiri banyak terlibat terutama menyemak, membaca, mengemasakan atur huruf dan sebagainya, amat gembira menerima penyerahan tugas yang diidaminya itu.

Seperti ibunya dan juga penulis lain pada zaman itu, Azah juga menggunakan nama samaran apabila mengendalikan ruangan tersebut. Ratnamala ialah nama pilihannya. Nama yang indah itu mempunyai erti yang indah pula iaitu kalung permata. Seorang pembaca kemudian memberitahunnya erti Ratnamala yang lain ialah bunga tujuh kelopak yang setiap satu kelopak berlainan warnanya.

Awalnya ruangan yang dikelolakannya itu terbit pada setiap hari Isnin. Akan tetapi kerana Azah tidak dapat membaca pruf terakhir pada hari minggu, maka kadang-kadang berlaku banyak kesilapan yang menyakitkan hatinya.

Untuk mengatasi masalah kesalahan pruf itu, Azah meminta editor menukar hari penyiaran ruangan kelolaannya itu kepada hari Selasa, kerana pada hari Isnin dia berpeluang membaca pruf terakhir sebelum masuk ke mesin cetak. Editor bersetuju dengan permintaan tersebut dan Azah dapat menyemak halaman kesayangannya itu sepuas-puasnya.

Ganjaran bagi tugas barunya itu, Azah diberikan tambahan RM50 yang menjadikan gajinya genap RM500 tanpa sebarang clauん kenderaan, lebih masa dan sebarang bayaran tambahan.

Selama kira-kira 10 tahun Azah mengendalikan ruangan wanita yang dinamakan "Dewan Wanita" oleh ibunya dahulu, ganjaran yang diterimanya tidak pernah bertambah biar sesen rabit pun, biarpun beliau terpaksa mengisi setiap patah perkataan untuk semuka penuh halaman yang dikendalikannya yang jarang-jarang ada iklan dan tanpa sebarang sumbangan daripada penulis lain.

Siapa pun yang menghadapi keadaan ini pasti sekali berasa kecewa kerana setelah sekian lama bekerja gaji masih seperti pada awal kemasukan dahulu. Begitulah dengan Azah.

Tindakan pertama yang dilakukannya adalah menulis surat kepada majikan.

"Saya tulis dua kajang kertas surat," katanya sambil ketawa kecil mengenang kisah lama yang tentunya waktu itu pahit.

Dalam surat yang panjang lebar itu – surat bertaip rapi tentunya – beliau menyatakan, sekiranya beliau tidak diberikan kenaikan gaji, beliau akan berhenti kerja waktu itu juga.

Hasil daripada tindakannya yang tidak mengenal erti takut itu, beliau akhirnya dinaikkan gaji sebanyak RM250 lagi yang menjadikan jumlah pendapatannya RM750 sebulan. Kenaikan sebanyak itu memang dianggap besar untuk orang di *Berita Harian* pada zaman itu.

Memperjuangkan nasib kaum wanita seluruhnya menerusi tulisan-tulisannya merupakan suatu lagi matlamat sucinya yang bukan mudah untuk dilaksanakan dan dicapai. Setiap perjuangan memerlukan pengorbanan; inilah hakikat yang terpaksa beliau lalui.

Pada awalnya, beliau mendapat rangsangan kuat daripada ibunya sendiri untuk menghulur tangan ihsan terhadap anak bangsa.

Ibu Azizah sering membisikkan semangat perjuangan itu ke telinganya: "Kalau kau hendak menolong orang Melayu, tulislah banyak-banyak tentang zat makanan."

Pada kata-kata lembut yang tidak memaksa inilah bermulanya percama-

bahan semangat dalam jiwanya untuk berjuang secara tidak langsung menolong orang Melayu yang dianggap mundur dan lemah terutama oleh penjajah.

Dan, memang menjadi suatu kenyataan pada waktu itu buku tentang zat makanan yang sempurna untuk menjadi panduan kaum wanita, tentang kesihatan, menjaga anak, menjaga rumah tangga malah buku masakan pun amat payah didapati dalam bahasa Melayu.

Azah yang sedar tentang pentingnya kesihatan untuk kecerdikan dan kecerdasan anak peribumi itu, lantas menjadikan panduan dan pesanan ibunya sebagai satu daripada matlamat kerjayanya dalam bidang penulisan.

“Saya rasakan peranan saya sebagai seorang penulis untuk kaum wanita Melayu pada zaman itu adalah memberi pengetahuan tentang zat makanan dan sebagainya,” ujar beliau yang kemudiannya menjadikan penulisannya sebagai suatu yang tidak jemu-jemu dikemukakan sehingga matlamat itu bertukar menjadi suatu perjuangan yang tidak berhenti dikemukakannya melalui kesempatan yang amat sesuai itu.

Azah hanya akan menulis sesuatu yang berguna kepada pembaca. Tulisannya tentang zat makanan dan kesihatan untuk kaum wanita dijadikan siri yang bersambung setiap minggu. Beliau tidak jemu dan jelak memperkatakan tentang zat makanan. Memperkenalkan apa itu protein, apa itu karbohidrat dan apa itu kalsium.

Beliau memperkenalkan setiap satu perkara pada setiap minggu. Berikutnya dihuraikan pula dengan panjang lebar dan cukup jelas tentang khasiat vitamin, protein dan karbohidrat kepada tubuh manusia. Diberikan pula panduan di mana boleh diperoleh dan bagaimana memasak makanan supaya kandungan khasiatnya yang berharga itu tidak terbuang sia-sia.

Satu halaman akhbar cukup besar untuk diisi sendiri. Mencari bahan pula bukannya mudah. Zaman itu, iklan sedikit benar. Yang dapat membantu meringankan sedikit beban mengisi satu halaman akhbar tersebut cuma kartun Mat Jambul.

Otak mesti bergeliga, malah berpusing ligat memikir apakah bahan yang mesti diisikan setiap minggu ke dalam “Dewan Wanita” yang kian hari kian diminati ramai itu.

Setelah berfikir sejenak, Azah mendapat idea untuk mengisi ruangan kelolaannya itu dengan gambar berbagai-bagai sayuran dan ulam-ulaman, buah-buahan tempatan yang sungguh kaya dengan khasiat dan makanan tempatan yang selalu dipandang kecil oleh orang yang berfikiran condong ke Barat.

Semuanya itu timbul dalam benaknya setelah bahan penulisan tentang protein, vitamin dan karbohidrat habis disirikan.

Bagi mendapatkan bahannya Azah menghubungi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Setelah mendapat kerjasama yang sungguh menggalakkan, beliau pun memulakan siri memperkenalkan sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan tempatan yang kaya dengan pelbagai khasiat disertai dengan resipi serta cara memasak yang betul bagi setiap jenis sayuran atau makanan yang disiarkannya.

Pembaca yang tidak berpelajaran Inggeris, (kebanyakannya pada waktu itu memang tidak ramai kaum wanita diantar ke sekolah Inggeris) berasa sangat bertuah dengan pembaharuan dan pendidikan yang disuguhkan oleh Azah itu.

Perjuangannya itu mendapat sambutan yang menggalakkan. Di sana sini orang ramai khususnya kaum wanita yang membaca halaman "Dewan Wanita" mulai sedar bagaimana mereka harus memilih makanan, memasaknya dan menyediakannya untuk keluarga.

"Kalau kita masak sayur, sayuran itu jangan dimasak lama-lama sampai lecuh dan warnanya menjadi lebam. Biarkan sayuran itu masih hijau, angkat dan hidangkan," ujar Azah serius.

"Dan jika masakan itu berkuah, kita jangan masak dengan membubuh kuah terlalu banyak yang kemudian tidak dihirup atau tidak digaulkan ke nasi. Sekiranya memasak dengan kuah yang banyak, kuah itu akhirnya akan dicurah saja ke dalam longkang. Ini samalah seperti kita mencurahkan zat vitamin itu sendiri ke dalam longkang. Makanan yang kita makan khasiatnya tidak diperoleh oleh tubuh badan kita, tetapi longkang yang dapat," katanya lagi dengan dah sedikit berkerut.

Azah pernah mencadangkan melalui ruangannya itu supaya orang Melayu mengubah sedikit cara makan mereka. Sekiranya mereka memasak sayur yang berkuah, sama ada masakan sayur air mahupun sayur rampai, makanan tersebut elok dihidangkan di dalam mangkuk sup supaya dapat dihirup kuahnya sampai habis.

Oleh sebab beliau menganggap saranannya itu sebagai suatu perjuangan untuk memberikan kesedaran kepada orang Melayu tentang kesihatan dan dari mana mereka harus mendapatkannya supaya generasi seterusnya menjadi sihat tubuh badan dan sihat otaknya, maka Azah menuliskan subjek yang sama berulang-kali tanpa jemu dan jelak.

Demikian juga dengan makanan tempe yang pada zaman itu tidak

mendapat penghargaan daripada kebanyakan orang Melayu kerana dianggap makanan orang kampung atau orang miskin. Azah pernah berkempen supaya pembaca yang mahu memanfaatkan perbelanjaan murah dengan memperoleh khasiat yang banyak supaya menjadikan tempe sebagai suatu hidangan atau makanan kelaziman orang Melayu.

"Tempe ialah makanan yang dibuat daripada kacang soya dan berasal daripada masyarakat Jawa. Di negara kita ini, orang Melayu tulen memang tidak pandai makan tempe. Tetapi sebagai anak Johor, sebuah negeri yang ramai penduduk berketurunan Jawa, keluarga kami memang selalu makan tempe dan menganggap tempe itu sebagai suatu makanan yang sangat berkhasiat," ujar Azah dalam wawancaranya yang panjang itu.

Beliau berkempen habis-habisan supaya rakyat tidak kira siapa tetapi diutamakan bagi ibu-ibu yang kerap melahirkan anak dan kanak-kanak yang sedang membesar supaya menjadikan makanan tempe sebagai makanan kebiasaan mereka.

Khasiat yang ada dalam tempe amat banyak. Kacang soya dikatakan oleh pakar pengkaji makanan sebagai makanan yang boleh menggantikan daging dari segi kandungan khasiatnya.

Dan, bagi mereka yang memakan sayur sahaja selalunya menjadikan kacang soya sebagai pengganti daging.

Kempen Azah telah mendapat sambutan hangat daripada pembaca. Sejak itu orang ramai mulai mengenali khasiat tempe. Tidak kurang pula ada antara pembaca yang mengirimkan berbagai-bagai resipi tempe untuk dijadikan hidangan yang lazat. Daripada digoreng, hingga dibuat sambal, sampailah kepada jenis-jenis masakan seperti lodeh goreng, lodeh kuah dan sebagainya.

Pendeknya daripada resipi-resipi yang diterimanya nyata sekali begitu banyak jenis makanan atau masakan yang boleh dibuat daripada tempe yang enak rasanya.

Azah berpendapat pembaca yang mengirimkan resipi itu tentu orang yang betul-betul tahu tentang tempe dan peminat makanan tempe. Berkecimpungnya mereka daripada keluarga atau berjiran atau berdampingan dengan orang berketurunan Jawa.

Dalam banyak-banyak surat sambutan yang diterima, Azah tertarik hati dengan sepucuk surat dari utara yang mengatakan dia tidak pernah melihat tempe. Dia bertanya bagaimana rupa tempe...?

Bagi memperkenalkan tempe kepada orang yang belum pernah melihatnya, Azah menemui scorang kawan yang jirannya bekerja membuat

tempe. Beliau pergi ke rumah pembuat tempe itu, melakukan temu ramah dan mengambil gambar cara tempe dibuat peringkat demi peringkat. Bagaimana tempe diperam dan sedia untuk dijual?

Setelah berkempen supaya khasiat tempe dimanfaatkan oleh pembaca, beliau meneruskan kempen memperkenalkan ikan bilis yang banyak khasiat dan murah harganya.

"Ikan bilis ini juga selalu dianggap sebagai makanan orang miskin, tetapi sekarang sudah mahal harganya, seperti tempe juga dahulu setangkup tempe iaitu dua keping harganya cuma sepuluh sen, sekarang sekeping dua puluh atau tiga puluh sen mengikut saiz," tambah Azah lagi.

Untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan memakan ikan bilis yang kaya dengan protein itu, beliau menyiaran seberapa banyak resipi supaya dapat diikuti oleh pembaca. Begitu juga tauhu.

"Asalnya tauhu bukan makanan orang Melayu. Tetapi sekarang, orang Melayu bukan setakat pandai makan tauhu, membuat pun sudah pandai." Nyata sekali rona kesenangan membungai wajah wanita pejuang yang gigih ini.

Namun demikian, pada zaman beliau mengelolakan ruangan "Dewan Wanita" *Berita Harian* dahulu itu, tidak semua orang Melayu yang tahu khasiat tauhu. Untuk itu, beliau menjadikan kempen memakan tauhu dan menyiaran resipi tauhu sebagai kesinambungan perjuangannya menggalakkan rakyat berpendapatan rendah mendapat khasiat yang besar daripada makanan yang kecil belanjanya.

Resipi-resipi masakan tauhu selain daripada dikirimkan oleh pembaca, setengah-setengahnya diperolehnya daripada rakan-rakan kaum Cina. Banyak pula resipi yang disiarkan itu ciptaan ibunya sendiri.

"Sebagai orang yang kreatif dalam bidang masak-memasak, ibu mencipta berbagai-bagai jenis hidangan yang boleh dibuat daripada tauhu bagi faedah keluarga yang pendapatannya tidak besar," ujar Azah.

*Kokok ayam terbang ke bumi,
Sayap kembang lebat bulunya;
Pohon gaharu kayunya wangi,
Ditiup angin timbul baunya.*



8.1

Azah (kanan) bersama-sama empat orang wartawan daripada pelbagai akhbar di Singapura melawat Glen Rothes Colliery di Scotland, 1960. Di sebelah kiri Azah ialah Mr. Davidson, pegawai keselamatan lombong arang batu Rothes.

Lain2

KACHA
MENG
SUSU

PADA

Dewan Wanita

paikan salam pada wanita Malaysia'

Ayam

a2



PADA hari malam
di kota Samarai
kand yang tua dan
muda itu kami te-
namu dan Malaysia
di hadangkan sambut
ganteng di hotel ma-
kin hotel tempat
kami berjuzal

Bukit sole Samarai
Rambutan atau seya yang
menggantung di atas
gunung itu sedang me-
laju menuju Kawasan ka-
mi Pasir2 Katingan
dan Pulau dari Sungai
terik dari Sungai
rang laut berpasir
berpasir

Barisan
Makam
Makam

8.2

8.2

Antara tulisan Azah dalam halaman "Dewan Wanita" Berita Harian.

mahu chantek makanan

it yang penting



W.I. Azah bersama suaminya di dapur ketika berada di London.



• Sebuah hidangan yang dibuat oleh Azah.

PELAJARAN TA' MAJU KERANA KURANG EZAT

BILA BERPULANG ke tanah air, selalu ada yang bertanya mengapa kita tidak mampu membeli rumah yang mahal. Saya menjawab dengan senang-singgung bahawa ia bukan kerana kurang pendapatan, tetapi kerana kurangnya pengetahuan tentang pembelian rumah.

Barangkali anda pernah mendengar tentang maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti. Tapi apakah maklumat itu? Apakah ia benar-benar boleh membantu anda dalam mendapatkan rumah yang anda inginkan?

Barangkali anda pernah mendengar tentang maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti. Tapi apakah ia benar-benar boleh membantu anda dalam mendapatkan rumah yang anda inginkan?

oleh
Retnamala

perniagaan. Cukuplah untuk maklumat mengenai harga rumah. Boleh saja maklumat mengenai harga rumah ini tidak lengkap tanpa adanya maklumat tentang apa yang anda hendak membeli rumah itu. Entah sporadik dia berbicara, dia bukan orang yang membaca buku dan bukan orang yang berminat dengan maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti.

Maka sekarang

Pembahasan ini pasti bermakna kepada mereka yang memerlukan maklumat tentang pembelian rumah. Untuk maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti, ia mungkin tidak lengkap. Tetapi bagi anda yang ingin mendapatkan rumah yang anda inginkan, anda perlu tahu maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti.

Barangkali anda pernah mendengar tentang maklumat maklumat yang diberikan oleh ahli bank dan agensi properti.

Datang-

Visitor From Malaya

Mrs. Azah Aziz (would you form from her picture on the left that she has a twelve-year-old daughter?) takes her work home.

For the editor of a Malaysian newspaper country recipes are tried and photographed in her own kitchen.

After seeing Mrs. Azah's sleekly equipped Swedish Kitchen, though, she looked rufus and hurried at a nervous chat with her boss back home.

Shame-making

This colorful visitor told us that Mrs. Azah brought and enjoyed all over Malaya.

Language mag! No English is always taught as a mandatory school subject; in fact, we're advised, non-official "homework."

Hearing so many overseas visitors speak such beautiful English makes us continually ashamed of how much

we disgrace language. So much we goes ungrateful. And true.

8.3

Keratan akhbar tentang lawatan Azah di pejabat majalah *Woman* di London, 1961.

8.3

Perjuangan Wanita

*Pokok mangga tidak berbuah,
Pokoknya ada di tepi kota;
Ibu bekerja menuai di sawah,
Mencari beras untuk kita.*

AZAH dengan sikap semula jadinya yang tidak pernah merasakan “kebesaran” diri itu, memang senang sekali apabila mendengar ada wanita yang meraih kemenangan. Beliau menumpang gembira kiranya terdapat seorang wanita mencapai suatu kemajuan kerana dalam masyarakat kita amat sukar untuk memberi begitu banyak perhatian atau penghargaan kepada wanita yang mencapai kejayaan atau terhadap perjuangan wanita.

Motifnya tidak lain adalah untuk menarik perhatian masyarakat terhadap kemampuan kaum wanita kita hingga terdapat orang lelaki yang iri hati, tambah beliau.

Misalnya perjuangan menuntut gaji sama.

Waktu itu Azah di *Berita Harian*, perjuangan menuntut gaji sama ialah suatu perjuangan hebat yang diperjuangkan oleh kaum wanita, hingga tercapai.

Sebagai penulis yang berasa bertanggungjawab untuk sama-sama turut berjuang dengan menyiaran segala tulisan yang berkaitan, Azah menggunakan sepenuhnya kesempatan bertugas di akhbar itu demi kemenangan kaum sejenisnya.

Setiap kali ada persidangan atau rapat raksasa, Azah mesti hadir, biarpun beliau tidak pernah menjadi pemberita sebelumnya. Namun demikian tugas beliau selaku penulis rencana dapat memberikan kesan yang lebih mendalam

dan kesempatan untuk turut dalam perjuangan sengit itu secara lebih meluas.

Jikalau seseorang pemberita disuruh membuat liputan sesuatu berita, tetapi Azah melakukan tugas seluruhnya atas daya usaha sendiri untuk mendapat bahan tulisan di samping turut menyokong perjuangan kaum sejenisnya.

Keistimewaananya bekerja di akhbar memang banyak. Beliau hanya perlu memberitahu editor ke mana beliau hendak pergi.

"Kalau saya rasakan peristiwa itu menarik, saya akan pergi. Saya beritahu editor saya hendak pergi membuat liputan persidangan tersebut. Saya buat rancangan sendiri dan saya minta jurugambar; kalau dapat, dapatlah, kalau tidak saya bawa kamera sendiri," kata Azah sambil mengenangkan zaman kerjanya yang penuh cabaran dan peristiwa pahit manis yang tidak mudah untuk dilupakan itu.

Biarpun pada waktu itu di Straits Times, penulis tidak digalakkan mengambil gambar sendiri oleh pihak kesatuan sekerja – kerana mengambil alih tugas jurugambar dan boleh mengancam kerjaya mereka. Namun kerana terpaksa setelah puas meminta jurugambar, maka barulah beliau mengambil gambar sendiri.

Bagaimanapun dalam menjalankan tugasnya sebagai pengelola "Dewan Wanita" *Berita Harian* itu, Azah tidak pula sering benar keluar menemuramah atau membuat sebarang liputan. Ini disebabkan sebahagian besar bahan tulisannya berdasarkan buku-buku rujukan yang menjadikan beliau lebih banyak membaca daripada keluar berjumpa dan mewawancara orang.

Andainya beliau mahu menulis tentang kesihatan dan perlu bertanya kepada doktor, pun beliau tidak perlu keluar kerana ramai kawan-kawannya di Universiti Malaya pakar dalam bidang perubatan. Azah cuma mengangkat gagang telefon untuk meminta maklumat daripada mereka.

Para profesor yang berbagai-bagai bangsa, ada yang dari Amerika dan ada pula dari Eropah bukan setakat tidak keberatan memberikan kerjasamanya, malah begitu gembira untuk menyebarkan ilmu pengetahuan masing-masing kepada pembaca ruangan "Dewan Wanita" itu.

Bidang yang mendapat keutamaan dalam tulisan-tulisan Azah banyak sekali tentang wanita, kesihatan, makanan dan rumah tangga. Kemudiannya beliau yang memang meminati dan mengetahui banyak perkara dalam kehidupan ini tidak melupakan soal hiasan, seni dan pakaian.

Sekiranya terdapat sebarang pameran seni hiasan, Azah akan membuat liputan dan mengambil gambar sendiri. Namun demikian pertunjukan fesyen

pakaian moden sama sekali tidak mendapat tempat di hati beliau kerana Azah tidak bersetuju dengan perubahan terhadap pakaian tradisional. Apabila beliau menulis tentang pakaian, maka pakaian itu ialah pakaian tradisional yang berbagai-bagai corak dan gaya yang amat menarik dan cantik.

Mengetengahkan dan mempopularkan kembali pakaian tradisional yang pada suatu ketika dahulu hampir tenggelam di dalam longgokan pakaian fesyen baru akhirnya menjadi perjuangan Azah juga.

Tidak berhenti, tiada senoktah pun perasaan jemu dan jelak menguasai diri. Azah menulis dan terus menulis tentang keindahan, keunikian dan keagungan pakaian tradisional.

Tidak memadai dengan hanya menulis di akhbar yang gambarnya tidak berwarna, Azah kemudian menonjolkannya di majalah-majalah wanita. Sebagai kemuncak daripada kempennya memperkenalkan pakaian tradisional kepada masyarakat, yang ramai orang menganggap sebagai satu bidang perjuangannya itu, beliau mengadakan pertunjukan pakaian tradisional bersama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Pertunjukan tersebut dinamakan Malam Tradiosa, dan diadakan di sebuah hotel terkemuka pada 8 Januari 1974.

Pertunjukan ini berurutan hingga ke hari ini, dinamakan dengan pelbagai nama yang indah-indah, seperti Busananeka, Busana Juita, Busana Dewangga dan sebagainya.

Sewaktu Azah mengelolakan ruangan "Dewan Wanita" yang pembacanya wanita – hanya sebilangan kecil kaum lelaki mengaku turut membacanya - dia tidak lupa berkempen tentang pengurusan dapur terutamanya bagi wanita yang tinggal di luar kawasan bandar yang tidak punya air paip. Untuk mencuci pinggan manguk misalnya, bagi meringankan beban mereka mengangkut air, Azah mencadangkan supaya digunakan besen besar yang bujur, dibuatkan lubang kemudian dipasang paip turun ke tanah.

Dia juga mencadangkan cara sehari-harian untuk meringankan beban ibu-ibu yang bekerja sendiri di dapur supaya mereka tidak terlalu letih dan boleh bekerja dengan lebih cepat. Dengan demikian waktu yang selebihnya boleh digunakan untuk bermain dengan anak-anak atau membaca atau melibatkan diri dengan kerja lain yang lebih kreatif.

Kesedaran ini timbul bukan kerana beliau sendiri orang kampung, tetapi kerana beliau pernah melihat menerusi pengamatan terhadap keadaan khidupan wanita desa yang dirasakannya begitu berat.

Tepat sekali kata Kong Fu Zi, "Ramai orang melihat tetapi sedikit benar yang nampak." Akan tetapi berbeza dengan Azah yang melihat dan lantas

memberikan saranan supaya wanita desa yang tidak dapat mengelakkan diri daripada memikul beban berat itu dapat meringankan tangannya.

Radio Malaysia yang terpikat dengan tulisan-tulisan, "canang" berfaedah beliau, lantas meminta Azah memberi ceramah secara bersiri supaya orang yang tidak dapat membacā berpeluang pula mendengar kempen beliau itu menerusi siaran radio.

Skripnya yang beliau bacakan sendiri banyak menyentuh tentang ekonomi rumah tangga, koperasi, gerakan pengguna dan berbagai-bagi lagi bagi menarik minat kaum wanita supaya menyadari wujudnya semua gerakan tersebut, yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup wanita kampung.

Azah tidak keberatan mengakui yang beliau menggunakan sepenuh-penuhnya peluang kerjanya dalam bidang penulisan itu demi memperjuangkan nasib kaum wanita. Namun demikian, beliau tidak gembira dengan gelaran *Women's Libber* yang pernah ditujukan kepadanya.

"Saya tidak suka dengan gelaran itu kerana saya fikir apa yang saya cuba buat cuma untuk menggalakkan wanita kita menyedari bahawa mereka boleh mencapai satu taraf hidup yang lebih baik. Mereka mempunyai lebih banyak masa untuk bermain dengan anak, bermesra dengan kaum keluarga dan juga untuk melibatkan diri dengan kegiatan kreatif - yang saya rasakan penting - hatta menjahit sekalipun kerana saya berpendapat setiap wanita berhak mempunyai masa lapang bagi melaksanakan kegemaran masing-masing misalnya hobi menjahit, mengait, menghias rumah, menyertai kumpulan wanita, menyulam dan yang pandai bertenun pula bertenun serta membaca."

Azah berpendapat manusia wanita itu ialah manusia yang kreatif. Contohnya kaum wanita di Pantai Timur yang struktur kehidupannya berbeza daripada orang bandar, mempunyai tradisi berdaya seni.

Pada suatu masa dahulu, beribu-ribu wanita Pantai Timur bertenun di bawah rumah masing-masing. Setengah-setengahnya menenun di serambi. Mereka melakukan tugas menenun kain itu pada masa lapang yang dapat mereka cari biarpun sibuk dengan pelbagai urusan rumah tangga masing-masing.

Bagi mereka, menenun memanglah suatu daripada sumber pendapatan keluarga. Kebanyakan mereka yang bertenun ini ialah isteri-isteri orang Melayu yang suami masing-masing bekerja sebagai buruh, pengayuh beca, nelayan, petani dan sebagainya yang termasuk dalam golongan "bukan orang senang".

Kebanyakan mereka yang dianggap orang susah inilah yang berdaya kreatif; boleh mereka cipta corak songket yang sangat cantik. Wanita-wanita

kampung yang kreatif ini begitu menarik minat Azah. Beliau sering menantang harapan yang amat tinggi agar wanita-wanita kita tanpa mengira golongan menjadikan tradisi yang sangat baik ini sebagai contoh yang menguntungkan.

Melalui tulisan-tulisannya Azah tidak pernah berasa jemu untuk menarik minat wanita ke arah yang disarankannya itu.

Demikian pula dengan perjuangan gaji sama.

Persatuan yang paling giat berjuang menuntut gaji sama pada zaman itu ialah Kesatuan Guru-guru Wanita kerana mereka merupakan sebuah kumpulan yang sudah “bersatu” dan mempunyai persatuan yang besar dengan keahliannya yang ramai.

Guru-guru daripada semua jenis sekolah baik dari sekolah Inggeris, sekolah Melayu dan lain-lain bersatu tenaga membuat tuntutan yang adil.

Mereka juga sudah mempunyai sebuah Kesatuan Sekerja Guru-guru. Menerusi kesatuan yang kukuh dan teguh ini mereka bergiat mencapai hasrat dan harapan.

“Kebetulan pula mereka merupakan golongan yang paling didiskriminasikan dari segi gaji. Pernah berlaku seorang guru siswazah wanita yang menjadi pengetua sebuah sekolah, gajinya lebih kecil daripada guru lelaki yang bekerja di bawahnya. Tentu sekali tidak dapat diakui sebagai suatu yang adil kiranya dua orang yang bekerja, yang kerjanya lebih berat ataupun sama berat tetapi gajinya lebih kecil hanya disebabkan perbezaan jantina.

Inilah yang diperjuangkan oleh Kesatuan Guru-guru Wanita pada waktu itu.

Perjuangan menuntut gaji sama ini mendapat sokongan kuat daripada badan-badan wanita yang lain, termasuk Pergerakan Wanita UMNO dan juga Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO).

Bukan sekadar perjuangan guru-guru wanita yang menjadi mangsa diskriminasi kerana jantina itu sahaja yang disokongnya, malah Azah turut memperjuangkan – melalui tulisan-tulisannya – nasib kaum wanita yang bekerja merumput di ladang-ladang getah.

“Penoreh getah mendapat gaji sama antara lelaki dan wanita, tetapi kaum wanita yang merumput, membersihkan ladang getah tidak mendapat gaji sama, sedangkan tugasnya sama berat,” tegas Azah.

“Kalau isu seperti ini diperjuangkan memang sayalah yang menjadi tukang sokong dan tukang canang seratus peratus. Saya cuba memberikan sebesar-besarnya ruang di surat khabar, pada halaman yang saya kelolakan itu dengan gambarinya sekali,” sambung beliau lagi.

Tidak pula Azah menafikan kemungkinan itulah sebabnya maka beliau digelar *Women's Libber* biarpun beliau tetap tidak bersetuju dengan gelaran tersebut, kerana menurutnya *Women's Libber* mempunyai konotasi yang lain, misalnya orang Amerika begitu keterlaluan. Pejuang *Women's Libber* pernah berarak di jalan-jalan raya dan memberitahu orang ramai mereka tidak mahu memakai coli, lalu membakarnya di tengah khalayak ramai. Cara mereka itu bagi Azah ialah suatu cara yang bodoh. Mereka tidak perlu berbuat begitu untuk mendapatkan perhatian dan simpati.

"Kita mahu orang hormatkan kita. Apabila kita melakukan perkara semacam itu, ia menjadi tidak senonoh dan menjadi bahan ketawa, menjadi bahan jenaka di sana sini. Ini dengan sendirinya menjadi tidak begitu serius. Inilah sebabnya saya tidak suka disebut *Women's Libber*."

Hasil perjuangannya melalui tulisan dalam *Berita Harian* bagi meninggikan taraf kesihatan, pengetahuan dan budaya kaum wanita amnya ialah beliau menerima surat yang banyak daripada pembaca.

Berbanding dengan waktu-waktu sebelumnya, sudut masakan di ruangan wanita itu menjadi begitu popular berdasarkan surat yang paling banyak diterima.

Selain daripada sudut resipi, Azah mengadakan pula ruangan "soal jawab" yang terbuka kepada pembaca umum. Pembaca boleh mengemukakan berbagai-bagai perkara dan persoalan.

Hasilnya, beliau menerima soalan, kadang-kadang tentang rumah tangga, namun yang banyak adalah tentang percintaan dan penyakit.

Secara jujur Azah mengakui beliau tidak dapat menjawab dengan sempurna perkara yang begitu rupa biarpun pada awalnya beliau selalu juga mencuba menjawabnya.

Beliau bertanya kepada rakan-rakan yang bertugas sebagai doktor. Namun lama-kelamaan beliau merasakan tidak sewajarnya beliau menulis tentang penyakit.

Akhirnya Azah menghentikan ruangan soal jawab itu kerana di samping menghadapi masalah untuk menjawabnya, kebanyakan soalan yang dihantar kepada beliau pun hampir serupa sahaja isinya.

Sebagai peminat sastera dan berjiwa seni, Azah yang amat mengagumi pantun, meletakkan serangkap pantun yang amat indah dan mempesonakan di halaman kelolaannya pada setiap minggu.

Pantun yang disiarkan itu juga tidak kurang menarik minat pembaca.

Pantun yang disiarkan bukan pantun ciptaan beliau sendiri, tetapi diambil

daripada pantun-pantun lama yang sangat indah dan sangat bernas isinya.

Kerana minatnya terhadap pantun yang dianggapnya sebagai suatu khazanah lama yang bernilai itu, Azah akhirnya berusaha mengumpulkan pantun kanak-kanak.

Pengumpulan pantun tersebut dilakukan kerana tidak mahu pantun-pantun itu dilupakan dan tidak diajarkan semula kepada kanak-kanak masa kini. Kumpulan pertama berjudul *Adik Sayang* mengandungi 33 buah pantun, diterbitkannya pada tahun 1970.

Nilai-nilai serta pegangan hidup yang disampaikan menerusi pantun boleh digunakan sehingga hari ini dan pada masa-masa mendatang.

Sebagai seorang yang terlatih dalam beberapa bidang yang memerlukan ketelitian dan pemerhatian tajam, misalnya menerusi trengkas dan menaip, Azah sesungguhnya amat berhati-hati dalam setiap perkara yang dilakukannya.

Untuk memastikan tiada perkara tidak memuaskan hati akan berlaku apabila kumpulan pantunnya terbit, beliau sendiri memilih pelukis untuk membuat lukisan yang mengiringi pantun-pantunnya. Pelukis bertuah yang mendapat kepercayaan beliau ialah Zulkifli Buyong. Menurut Azah, Zulkifli Buyong merupakan seorang pelukis muda yang amat luar biasa bakatnya.

Beliau membincangkan, mengamati dan mentafsirkan setiap lukisannya yang disiapkan oleh Zulkifli sebelum diterima. Setelah lukisannya siap seperti yang beliau ingini barulah manuskrip dihantar kepada penerbit. Hal itu merupakan suatu cara yang luar biasa. Pada lazimnya seseorang penulis cuma menyiapkan manuskrip dan menghantarkannya kepada penerbit untuk dipertimbangkan.

Setelah disiapkan ilustrasi berwarna, Azah menghantar kumpulan pantunnya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi manuskrip beliau ditolak.

Selepas gagal mencuba nasib di Dewan Bahasa dan Pustaka, Azah menawarkan manuskripnya kepada beberapa penerbit lain. Mereka juga menolaknya dengan alasan-alasan tersendiri.

Kekecewaan pasti bersarang di hati, namun kemudiannya Azah berbincang dengan rakan-rakan wartawan dan sasterawan tentang penerbitan bukunya itu. Akhirnya beliau menerima saranan daripada scorang rakan supaya beliau menerbitkan sendiri.

Oleh sebab rangsangan untuk melihat hasil kumpulan pantunnya itu terbit bagi mengisi khazanah bacaan kanak-kanak, Azah menerima baik saranan tersebut.

Dengan bermodalkan wang pendaftaran perniagaan sejumlah RM50,

beliau dan Zeti pun memulakan tugas barunya yang mencabar, sebagai penerbit. Dan nama penerbitannya ialah Penerbitan Akaz.

Bermula dari saat itu dengan berbekalkan keyakinan yang unggul, beliau dan Zeti melakukan tugas sebagai penerbit, yang tidak pernah dimimpikan itu. Mereka pergi mencari pencetak dan menyerahkan manuskrip berserta ilustrasinya itu untuk dicetak dengan jumlah 5000 naskhah.

Selepas buku siap dicetak, mereka berusaha pula mencari pengedar. Setelah mendapat pengedar yang sanggup dengan potongan komisen 40 peratus, buku pantun bergambar warna itu pun diedarkan di pasaran. Orang ramai yang tertarik dengan buku tersebut tidak ragu-ragu membelinya untuk anak-anak kesayangan. Dalam masa dua tahun sahaja buku berkenaan habis dijual.

Apabila Azah berpindah kerja di Utusan Melayu pada tahun 1973, beliau menawarkan kiranya Utusan mahu menerbitkan semula buku pantunnya itu. Pihak Utusan menyambut baik tawaran tersebut lalu mencetaknya dengan jumlah 10 000 naskhah. Buku pantun cetakan kedua ini juga habis dijual dalam beberapa tahun kemudian.

Sesuai dengan judul pantun itu *Adik Sayang*, Azah memilih pantun-pantun yang memperkatakan atau membayangkan semangat kasih sayang yang dilahirkan terhadap seorang anak kecil dalam sebuah keluarga.

Dalam pendahuluan pendek yang ditulisnya pada bulan Jun tahun 1969 untuk buku *Adik Sayang*, Azah menegaskan bahawa dalam sastera rakyat kita terdapat banyak pantun yang memupuk semangat kasih sayang antara keluarga. Menurutnya sebilangan besar daripada pantun itu sudah hampir lenyap daripada masyarakat kita hari ini, kalau adapun orang yang masih mengingatinya ialah orang-orang tua sahaja.

"Tentulah kita tidak mahu mengatakan bahawa dengan lenyapnya pantun-pantun ini daripada masyarakat kita, maka lenyaplah juga tradisi memupuk semangat kasih sayang antara keluarga!" tulis Azah. "Ingin saya menganjurkan di sini supaya pantun-pantun yang membawa satu tradisi yang mulia dan murni ini diperkembangkan kembali, dipopularkan semula di kalangan masyarakat kita. Marilah kita nyanyikan pantun-pantun pusaka kita ini, yang mengajar manusia tentang semangat kasih sayang." Demikian beliau mengakhiri pendahuluan bagi bukunya itu.

Dalam suasana kita berusaha membentuk masyarakat penyayang dan membanteras perbuatan mendera atau menyeksa kanak-kanak yang kini seolah-olah berkembang dalam masyarakat hari ini, mungkin ada manfaatnya kita

renungkan pantun-pantun lama ini.

Sebagai seorang yang baru tiba dalam keluarganya, si kecil tentunya disayangi. Azah menyusun pantun-pantun tersebut sejak anak kecil itu mula diajar bermain dengan jari-jemari tangannya, "genggam gamit" kemudian "bertepuk amai-amai", seterusnya "ditimang tinggi-tinggi" dan juga diajar tentang alam semula jadi dengan pantun seperti "wa wa bulan".

Apabila anak itu belajar bertatih, pantun yang sesuai dengan perlakuan turut dimuatkan. Pantun-pantun yang jelas membayangkan kasih sayang keluarga, biasanya didendangkan oleh nenek atau kakak atau ibu, ayah, atau datuk kepada anak kecil yang comel itu.

Bagi Azah, melalui pantun-pantun tersebut terbayang suasana kekeluargaan yang amat erat dan indah dengan semangat kekeluargaan yang dipupuk.

Minat Azah hendak memperbanyakkan sastera kanak-kanak itu telah lahir lebih awal lagi, iaitu semenjak tahun 1967. Beliau berusaha mengajak beberapa orang sasterawan untuk mencipta puisi baru yang mudah untuk dikumpulkan dalam sebuah antologi untuk kanak-kanak.

Namun demikian, hasrat murninya terbengkalai kerana mencipta sesuatu terutamanya sajak untuk kanak-kanak tidak semudah yang disangkakan. Kebanyakan penyair yang beliau datangi merasakan tugas menulis puisi moden untuk kanak-kanak itu begitu berat. Mereka biasa menulis sajak untuk orang dewasa.

Sasterawan yang dianggap handal-handal belaka pada zaman itu seperti Usman Awang, Firdaus Abdullah, Kemala, Salmi Manja dan A. Samad Said berasa mereka tidak berpengalaman mencipta sajak yang mudah bagi bacaan kanak-kanak.

Oleh sebab Azah bukan seorang yang mudah putus asa – sesuai dengan semangat seorang pejuang, dia mengumpulkan juga sajak-sajak tersebut. Kali ini buku berkenaan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan judul *Puisi Kanak-kanak*. Jualannya tidak begitu laris dan buku itu tidak diterima sebagai buku sekolah walaupun ramai penyair handalan yang menyumbang. Dan yang lebih menarik secara tidak rasmi beliau menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memilih dan membincangkan sajak-sajak yang hendak dimuatkan dalam antologi tersebut. Antara ahli jawatankuasanya termasuklah Keris Mas dan Awang Had Salleh.

Selepas itu Azah mencuba pula mengumpulkan cerpen untuk kanak-kanak. Beliau meminta beberapa orang sasterawan seperti Keris Mas,

Malungun, Shahnon Ahmad dan A. Samad Said menuliskan cerpen kanak-kanak untuk dianalogikan. Bagaimanapun, hasilnya tidak begitu sesuai untuk kanak-kanak dan rancangan itu terpaksa dibatalkan.

*Burung puyuh terbang melintang,
Singgah hingga dipisemak lalang;
Melihat ibu sudah datang,
Hati cemas menjadi bilang.*



9.1

9.1

Rombongan PERTAMA bersama-sama Ibu Tien Subarto di Jakarta, 1979



9.2



9.3

Empat buah buku yang dihasilkan oleh Azah untuk kanak-kanak.

9.3

Bersama-sama Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam majlis jamuan wartawan di Istana Negara dalam awal tahun tujuh puluhan.

Bekerja di Utusan

*Bunga telepok kembang separak,
 Kembang tersusun di atas batang;
 Awan bertepuk mcga bersorak,
 Bulan terbit di pagar bintang.*

SESUATU pembaharuan yang belum pernah ditemui sebelumnya merupakan cabaran bagi Azah. Beliau gemarkan perkara yang dianggap mencabar dalam kerjayanya. Perpindahannya dari *Berita Harian* ke *Utusan Melayu* juga merupakan satu lagi cabaran yang menggembirakannya kerana beliau dapat bergerak dari suatu sudut ke sudut yang lain.

Setelah 16 tahun mengisi waktu dengan berbagai-bagai cerita dalam "Dewan Wanita" di *Berita Harian*, Azah didatangi rakan lamanya yang baru diangkat menjadi pengarang kumpulan di *Utusan Melayu* iaitu Mazlan Nordin (sekarang Datuk) mempelawanya beralih angin ke *Utusan*.

"Cik Azah tidak jemukah menulis tentang wanita saja selama 16 tahun? Marilah datang ke *Utusan* untuk berubah tempat dan berubah bidang kerjaya," kata Mazlan bersungguh-sungguh.

Mazlan menawarkan beliau tugas sebagai editor rencana kiranya pelawaannya bersahut.

Azah yang memang sudah mulai kepingin berubah rasa, tertarik hati dengan tawaran Mazlan. Tawaran itu merupakan suatu cabaran baru bagi beliau, kerana beliau akan menghadapi suatu bidang kerjaya dengan tanggungjawab yang lebih berat. Sekiranya beliau menyambut tawaran Mazlan itu bererti beliau bertugas menjaga dua akhbar sekali gus iaitu menyediakan

bahan untuk ruangan rencana di *Utusan Malaysia* dan juga di *Utusan Melayu* serta akhbar-akhbar mingguannya; *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Zaman*.

Oleh sebab cabaran yang dicari dan cabaran pula yang datang, maka pasti sekali Azah tidak menolak pelawaan yang ikhlas itu.

Mulai dari tarikh beliau bertugas di *Utusan Melayu*, setiap hari Azah mencari rencana yang sesuai untuk disiarkan di ruangan editorial iaitu halaman yang paling penting dalam sesebuah akhbar.

Tugas hariannya adalah membaca berpuluhan-puluhan buah rencana serta terjemahan yang diberikan oleh Mazlan sebagai ketua editor Kumpulan Utusan. Berbagai-bagai rencana daripada jenis berita luar negara yang sesuai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, hingga kepada rencana dan bahan dalam negeri.

Azah kemudiannya menyerahkan rencana-rencana tersebut kepada para penterjemah. Setelah siap diterjemahkan, beliau akan menyemak ayat demi ayat dan para demikian para sebelum disiarkan.

Memang tugas itu dirasakan berat, namun Azah begitu tertarik dengan tugas barunya dan beliau senang melakukannya.

Begitu pun, kerana Azah juga dijadikan penasihat atau perunding bagi majalah *Wanita*, maka bidang kewanitaan tidak ditinggalkan terus. Hal ini disebabkan beliau bukan sekadar menjadi penasihat, malah Azah menulis dari semasa ke semasa untuk majalah tersebut.

Di samping tugas-tugas tersebut, Azah diminta pula mengadakan ruangannya untuk siaran seminggu sekali yang harus diisi dengan tulisannya sendiri.

Maka bermulalah ruangan "Seminggu Berlalu" yang berupa catatan harian daripada diari yang agak personal. Ruangan ini ternyata bukan setakat diminati oleh pembaca biasa, malahan para pelajar sekolah menengah banyak sekali menulis surat kepada beliau mengenai ruangan tersebut. Mereka begitu berminat, lebih-lebih lagi apabila Azah menceritakan tentang keindahan alam di persekitaran rumah rehatnya di Morib.

Begitu juga apabila ke luar negeri, beliau menuliskan catatannya setiap hari dalam perjalanan yang menarik itu berserta gambarnya sekali supaya pengalaman pahit manisnya di negara orang dapat dikongsi bersama oleh para pembaca yang sering beliau sebutkan sebagai "pembaca budiman".

Ruangan "Seminggu Berlalu" mula-mula disiarkan setiap Ahad dalam *Mingguan Malaysia*, kemudian berpindah ke hari Sabtu, sementara dalam akhbar *Utusan Zaman* pula Azah juga diberikan sebuah ruangan yang

dinamakan "Azah Aziz Menulis..."

Bagi ruangan "Azah Aziz Menulis", beliau mengisi bahan-bahan umum. Kadang-kadang beliau menulis tentang wanita, kadang-kadang tentang kesenian, adat resam dan apa sahaja yang terlintas, termasuk membuat ulasan tentang sesuatu perkara yang sedang hangat diperkatakan dalam masyarakat kita.

Daripada penelitian yang dapat dilihat dengan jelas, ternyata Azah seorang yang mengetahui banyak perkara dan meminati banyak bidang seni. Namun demikian, bidang yang paling disenanginya ketika menulis adalah tentang wanita. Bidang tersebut sudah menjadi darah dagingnya selama 16 tahun yang juga merupakan tugas pertama yang dilakukan sebaik beliau memasuki dunia penulisan.

"Bila saya menjadi penulis, saya menulis tentang wanita. Jadi subjek itu yang sangat saya minati." Beliau mengaku dengan senang hati.

Dan sejak waktu kebelakangan ini beliau menyenangi tulisan tentang pakaian pula. Kalau diperhatikan bukunya yang berjudul *Selayang Kenangan*, kumpulan rencana beliau yang telah tersiar dalam akhbar dan majalah, rencana yang paling banyak dalam buku tersebut adalah tentang pakaian. Kemudian baru diikuti tentang wanita. Tulisan rencana lainnya hanya disentuh sedikit-sedikit sahaja. Dan bidang paling akhir yang diminatinya kini ialah kraftangan.

"Saya berasa senang kalau menulis tentang tiga subjek ini. Laju saja jalannya. Kalau tentang perkara lain itu, merangkak jugalah," ujar Azah dituruti ketawa yang menyenangkan siapa sahaja mendengarnya.

Cabarannya sentiasa dihadapinya sewaktu bertugas sebagai editor rencana di Kumpulan Utusan Melayu. Dan cabaran itu biasanya datang apabila beliau menulis satu daripada subjek kegemarannya iaitu tentang wanita.

Beliau sering mendapat surat layang ataupun yang menggunakan nama palsu. Mereka marah-marah serta benci membaca tulisan Azah.

Kehairanan terdetik juga di benak Azah kerana apabila beliau menulis tentang wanita – sama ada tentang kemajuan wanita ataupun memuji wanita – di *Berita Harian* selama 16 tahun, tiada satu pun surat layang yang marah-marah diterimanya.

Azah membuat andaian, bahawa ini menunjukkan pembaca *Berita Harian* itu merupakan suatu kumpulan yang berbeza daripada kumpulan pembaca *Utusan*.

Pembaca yang benci membaca tulisan tentang kemajuan atau yang memuji-muji kaum wanita itu marah-marah membaca tulisannya, yang

dikatakan asyik mencanangkan kehebatan wanita dengan pencapaian yang baik. Kritikan mereka itu kadangkala disertakan dengan kata-kata yang kesat dan kotor.

Bagaimanapun, segala kritikan itu tidak sedikit pun melemahkan semangat beliau yang gigih dan kuat itu. Azah terus menulis apa sahaja yang beliau ingin tulis tentang wanita.

Sebagai penulis yang tabah dan berani menghadapi cabaran dan kritikan, Azah tidak terkecuali daripada meminati tulisan penulis lain. Beliau tidak keberatan mengakui yang beliau meminati tulisan penulis yang jauh lebih muda daripadanya.

“Saya memang meminati ramai penulis yang baik-baik, sama ada wanita mahupun lelaki,” kata Azah dengan matanya yang berkerlipan dengan cahaya kejujuran.

Sewaktu Azah menjadi editor rencana di Utusan, beliau melakukan tugas memilih rencana orang lain di samping mempunyai dua ruangan yang mesti diisi dengan tulisannya sendiri. Ini bererti beliau menulis terus-menerus selama 20 tahun sejak bertugas dalam bidang kewartawanan biarpun sudah bertaraf editor.

Antara penulis yang diminatinya ialah Pak Sako yang pernah menjadi rakan sekertarinya semasa di Utusan. Apabila beliau bertugas di Utusan, satu daripada tugasnya adalah mengambil pojok yang ditulis oleh Pak Sako untuk ruangan “Di Simpang-simpang Jalan” dan “Itu, Ini dan Lain-lain”.

Azah sangat meminati Pak Sako kerana tulisan serta intisari fikirannya yang sungguh matang, serta mempunyai gaya yang sederhana iaitu tidak menggunakan atau tidak mencemarkan bahasa dengan menggunakan istilah-istilah asing. Pak Sako, menurut pandangan Azah tetap akan mencari perkataan Melayu yang sesuai untuk melahirkan sesuatu konsep.

Pak Sako juga ialah seorang penulis yang boleh melahirkan humor, membuat orang ketawa atau geli hati atau sinis. Ini merupakan suatu perkara yang sukar dilakukan dalam penulisan. Suatu lagi keistimewaan Pak Sako ialah kehandalannya mencipta pantun.

Pada pendapat Azah, Pak Sako ialah penulis pojok yang sukar ditandingi kerana gaya tulisannya yang menarik dengan kiasan bahasa dan perbendaharaan kata-kata yang kaya dengan pepatah dan petitih serta ungkapan-ungkapan yang penuh warna dan suasana. Pada hari ini ramai juga penulis yang beraspirasi menjadi penulis pojok, tetapi tidak ramai yang berjaya melahirkan tulisan yang mengandungi sifat-sifat pojok dalam erti katanya yang sebenar.

Dalam suatu wawancara Azah dengan Pak Sako tahun 1976, Azah bertanya, "Bolehkah Pak Sako terangkan apakah ramuan-ramuan yang patut ada dalam sesuatu tulisan pojok?"

Pak Sako menjawab, "Pojok dalam tulisan, kalau boleh dibandingkan, lebih kurang sama dengan 'rojak' pada makanan kita. Di dalamnya mesti ada pedas, masam, manis, ada cuka, ada petis, ada benda masak dan ada benda-benda mentah. Penulis pojok mestilah mempunyai pengetahuan yang cukup banyak dan mesti pandai memainkan kata-kata. Dia harus tahu undang-undang, boleh menyindir, berjenaka, tetapi syarat-syarat yang utama ialah si penulis mesti jujur dan berani."

Selain Pak Sako, Azah juga menyenangi tulisan lain-lain rakan sekerja di Utusan. Penulis-penulis tersebut merupakan rakan-rakan karib Azah dalam kerjayanya dalam bidang kewartawanan sehingga saat beliau meletakkan jawatan pada tahun 1978. Persaraannya itu adalah disebabkan Azah sudah berasa letih setelah 20 tahun menjadi orang surat khabar. Beliau ingin berchat seketika, sementara membuka lembaran baru dalam bidang lain yang ingin diteroka dan diceburi. Dia akan menghadapi cabaran baru yang entah bagaimana coraknya.

*Hari dan bulan berlalu
Itulah pengembara abadi
Di lorong waktu.*



10.1

Azah sedang mewawancara Pak Sako di pejabatnya di Utusan Melayu.

10.2

Selayang Kenangan merupakan koleksi rencana Azah Aziz dalam akhbar dan majalah dari tahun 1968 hingga 1989





10.3

10.3

Berseminar di East-West Center, Hawaii bersama-sama wartawan wanita Asia Pasifik dan Amerika, 1967.

Sastera Kanak-kanak

*Buah cempedak di luar pagar,
 Ambil galah tolong jolokkan;
 Saya budak baru belajar,
 Mana salah tolong tunjukkan.*

JIKALAU sewaktu sibuk dengan tugas sebagai wartawan merangkap editor di akhbar yang memakan banyak sekali waktu hariannya, Azah mampu mengumpul pantun, sajak serta berusaha mengumpul cerpen kanak-kanak, apatah lagi selepas beliau meninggalkan tugas hariannya yang maha mencabar itu.

Selepas berhenti dari Utusan, beliau bergiat dalam bidang sastera kanak-kanak secara lebih serius. Kali ini, pada tahun 1982 Azah berusaha mengumpul pantun kanak-kanak enam jilid sekali gus. Setiap jilid diberikan judul yang berlainan.

Jilid pertama berjudul *Adik Comel*, mengandungi pantun yang sangat mudah yang ditujukan kepada anak-anak kecil. Jilid kedua pula berjudul *Keluarga Kita*, di dalamnya mengandungi pantun yang berkaitan dengan datuk, nenek, ayah, ibu, kakak, abang dan sebagainya.

Jilid ketiga berjudul *Burung Kenek-kenek* dan *Oh Bangau*. Kumpulan ini mengandungi pantun yang sangat ringkas berisi nasihat orang tua-tua, misalnya:

*Burung kenek-kenek,
 Terbang cucur atap;
 Pesan datuk nenek,
 Hati kita mahu tetap.*

Pantun yang ringkas ini amat indah iramanya dan amat jelas amanatnya. Berbagai-bagai pesanan dan amanat yang terkandung di dalamnya. Antara lain ialah supaya rajin belajar dan jauhi sifat tamak haloba.

Pantun khusus tentang ibu dimuatkan dalam jilid keempat, yang mengandungi 20 buah pantun yang memperkatakan tentang peranan ibu dalam budaya kita, rumah tangga dan keluarga.

Terdapat pantun yang menyebut kadang-kadang "ibu balik petang membawa beras", ataupun "membawa balik wang upah menumbuk". Yang menarik, biar apa pun isinya, semua pantun tersebut dibayangkan dalam suasana kampung kerana yang mencipta pantun-pantun ini semuanya ialah orang kampung.

Pantun, bagi Azah ialah sastera rakyat, bukan sastera elit. Kalau kita hendak mengenal masyarakat desa Melayu, pelajarilah pantun. Semakin banyak seseorang membaca pantun semakin banyak dia tahu tentang kehidupan orang Melayu pada zaman dahulu.

Pantun tentang budi mengisi jilid kelima yang diberikan judul *Budi*. Sebanyak 20 buah pantun yang membayangkan betapa budi merupakan satu nilai yang sangat penting dalam kehidupan orang Melayu zaman dahulu.

Sementara jilid keenam diberikan judul *Pantun Melayu*. Dalam kumpulan ini beliau memilih pantun kegemaran beliau sendiri. Semua pantun yang dirasakan indah dikumpulkan dalam jilid terakhir itu. Kumpulan ini dimulakan dengan pantun:

*Terbang burung dari selatan,
Dipuput angin sangga bayu;
Bukalah surat dari lipatan,
Lihatlah pantun bahasa Melayu.*

"Memang saya pilih pantun yang cantik-cantik dan indah dengan harapan kanak-kanak gemar akan pantun seumpama itu. Walau bagaimanapun ada setengah-setengahnya untuk bacaan dewasa. Tidak rugi membacanya. Pantun-pantun itu kaya dengan pemikiran."

Selepas buku enam jilidnya terbit, beliau berusaha lagi menerbitkan pantun pada tahun 1984. Bezanya kali ini tidak dalam bentuk buku, tetapi dalam bentuk poster.

Setiap helai poster disertai oleh sebuah pantun dan dihiasi dengan lukisan berwarna oleh pelukis kegemarannya, Dzulkifli Buyong. Sekali lagi Azah

cuba mencari penerbit yang sudi menerbitkan poster pantunnya itu, malangnya tiada sebuah penerbit pun yang sanggup kerana biayanya yang agak tinggi, sedangkan pulangannya tidak dapat diramalkan. Tidak ada pasaran untuk poster pantun kanak-kanak scumpama itu. Itulah alasan yang diberikan oleh penerbit.

Sekali lagi wanita gigih yang tidak pernah mengenal erti putus asa ini kembali menerbitkan sendiri hasil usahanya. Penerbitan Akaz yang digunakan untuk menerbitkan *Adik Sayang* yang telah tamat pendaftarannya kembali diperbaharui.

Penerbitan Akaz dijatkan semula khusus untuk menerbitkan poster tersebut. Sebanyak 10 000 set dicetak. Setiap satu set mengandungi enam keping poster pantun berwarna-warni yang dimasukkan di dalam sebuah sampul plastik, dan dijual pada harga RM8 tiap set.

Setelah siap dicetak, sekali lagi Azah mencari pengedar untuk memasarkan posternya itu. Malangnya, pihak pengedar memberitahu beliau yang pasarannya sangat lembap. Sambutan yang diberikan tidak seghairah buku-bukunya yang lain. Namun demikian Azah percaya kelembapan pasaran posternya itu adalah kerana pengedar tidak begitu berminat membawa poster-poster tersebut ke sekolah-sekolah.

Keyakinannya di sekolah-sekolah pasti akan mendapat sambutan bukanlah andaian kosong belaka. Berdasarkan pengalaman beliau sendiri yang membawa posternya ke mana-mana apabila beliau menghadiri seminar taman didikan kanak-kanak, guru-guru yang melihat posternya akan membeli.

Kegagalan memasarkan poster yang memakan perbelanjaan cukup banyak itu menyebabkan Penerbitan Akaz dibubarkan buat kali kedua. Barangkali, meletakkan pantun di poster merupakan suatu pembaharuan yang belum sebegini mudah diterima oleh masyarakat. Azah amat berharap pada suatu hari nanti akan ada orang lain yang mengikut jejak pertamanya itu, menerbitkan pantun dalam bentuk poster demi memberi pengetahuan dan menarik minat anak-anak mengenal budaya bangsanya melalui sastera rakyat itu. Poster-poster yang bertimbun tersimpan di rumahnya akhirnya dihadiahkan kepada Perpustakaan Negara untuk diedarkan melalui perpustakaan bergerak.

Seperti kempen memakan tempe, tauhu dan ikan bilis yang segera mendapat sambutan; atau usahanya mempopularkan kembali pakaian tradisional yang segera pula menjadi ikutan, maka begitu jugalah dengan pantun.

Minat orang ramai terhadap pantun rupanya kian lama kian malap kerana dilanda kehangatan lagu-lagu pop yang mendapat tempat utama dalam siaran

radio serta televisyen. Namun sejak akhir-akhir ini masyarakat mula menunjukkan perubahan.

Kini, di sana-sini pantun menjadi suatu pertandingan. Daripada siaran radio yang dipancarkan secara tetap iaitu "Rancangan Berbalas Pantun", hingga-lah kepada acara-acara kecil di majlis perkahwinan membawa ke acara besar di hotel-hotel terkemuka, juruacara gemar sekali berpantun sebagai suatu cara menyeriakan majlis.

Akhbar *Berita Harian* yang dahulunya menjadi wadah Azah menyiaran pantun-pantunnya, kini menjadikan acara berbalas pantun peringkat nasional sebagai suatu kegiatan tahunannya yang dibuat secara besar-besaran dan disiarkan secara langsung oleh pihak RTM.

Bagi Azah sendiri, beliau meminati pantun dan berusaha mengekalkannya dengan mengumpul dan menerbitkannya. Begitu juga usahanya untuk menerbitkan buku kanak-kanak.

Dahulu para sasterawan tempatan kurang benar memberikan perhatian terhadap penulisan untuk kanak-kanak, berbanding dengan sastera untuk orang dewasa yang banyak sekali.

Di pesta buku yang diadakan di negara ini, akan kelihatan barisan buku kanak-kanak yang hebat, begitu cantik dengan warna-warni yang menarik. Apabila didekati, kebanyakan buku tersebut adalah dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan hal itulah maka timbul keinginan di hati Azah untuk menyaksikan buku sehebat dan secantik yang pernah dilihatnya itu dalam bahasa Melayu dan dapat diedarkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara. Bayangan riang tergambar di benaknya; alangkah gembiranya kanak-kanak kita andainya mendapat buku yang sebegitu cantik dan bermutu.

Inilah antara sebab Azah menanamkan azam yang kuat di hati merencanakan kewujudan buku-buku impiannya itu. Untuk ini, sewaktu bertugas di *Berita Harian* lagi beliau menulis rencana merayu penulis-penulis tanah air supaya mencuba menulis buku untuk kanak-kanak dengan menggunakan bahasa yang mudah dan ilustrasi yang cantik berwarna-warni.

Azah juga pernah mencadangkan menerusi tulisannya di halaman wanita yang ditanganinya, supaya para penulis menulis buku cereka sains yang bolch menggalak, mencabar dan mengasah akal kanak-kanak menjadi lebih pintar.

Malangnya, sewaktu saranan tersebut diutarakan dengan sesungguh hati tidak ada penerbit yang memberi perhatian. Demikian juga para penulis kebanyakannya berasa tidak berupaya menulis buku yang sesuai dibaca oleh anak-anak kecil.

Menulis untuk orang dewasa dan untuk kanak-kanak merupakan dua bidang yang berbeza. Sesiapa yang hendak menulis untuk kanak-kanak perlu menyesuaikan diri serta memahami alam kanak-kanak, supaya dapat melahirkan tulisan yang menarik bagi kanak-kanak.

Bagi Azah yang luas pengalaman dan jauh perjalanan, bukan hanya buku-buku Inggeris sahaja yang menarik minatnya, tetapi buku Jepun juga tidak kurang hebat dan menariknya.

Ini amat sesuai dengan sikap orang Jepun yang rajin menulis buku untuk kanak-kanak. Pameran buku kanak-kanak dalam bahasa Jepun memang hebat kerana orang Jepun memang kreatif dan pandai melukis.

Kedua-dua contoh di atas itulah yang merangsang Azah untuk melahirkan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu pula. Setelah lebih 30 tahun suaranya bergema, seruannya terpendam dan harapannya masih terus membara, akhirnya menjadi kenyataan juga.

Dalam tahun-tahun terakhir ini, buku untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu sudah banyak diterbitkan malah sudah banyak diadakan pertandingan menulis cerita kanak-kanak dengan menawarkan hadiah yang besar dan menggalakkan. Dan sudah pun lahir para penulis yang boleh menulis cerita kanak-kanak dengan baik sekali.

Memang pada asalnya minat Azah terhadap sastera kanak-kanak tidak hidup secara semula jadi dalam dirinya. Minat itu mulai bercambah, apabila beliau banyak membaca buku pantun lama untuk mencari pantun yang sesuai bagi ruangan wanita dalam *Berita Harian*.

Azah berpendapat pantun-pantun yang amat tinggi nilai seni dan sasteranya itu patut benar dikekalkan secara abadi seumpama abadinya *nursery rhyme* orang Inggeris seperti *Baa Baa Black Sheep*, *Jack and Jill* dan *Twinkle Twinkle Little Star*. Boleh dikatakan setiap anak kecil di England atau di mana sahaja yang belajar bahasa Inggeris tahu apa itu *nursery rhyme* serta rangkap-rangkapnya. Jadi kenapa kita yang kaya dengan sastera lama menerusi pantun-pantun lama yang tidak kurang indahnya, harus melupakannya?

Seperti perjuangannya yang lain, kali ini juga kejayaan menjelma beberapa tahun kemudian. Kian hari kian ramai penulis menceburkan diri dalam bidang penulisan karya kanak-kanak. Malah ada penulis buku kanak-kanak yang menerima penghargaan atau hadiah. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam hal ini amat besar dan ampuh sekali. Kemunculan penulis dan karya untuk kanak-kanak menerusi pertandingan juga begitu memberangsangkan.

Pendeknya Dewan Bahasa dan Pustaka bukan sekadar memberi

rangsangan, malah menjadi wadah utama perkembangan buku kanak-kanak. Langkahnya yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka turut dilakukan oleh penerbit-penerbit besar lain yang menerbitkan bukan setakat buku cerita tetapi juga ilmu pengetahuan serta terjemahan daripada bahasa Inggeris termasuk ensiklopedia kecil untuk kanak-kanak yang sangat menarik.

Bagi Azah, tiada yang lebih menggembirakan hidupnya selain menyaksikan cita-cita dan harapannya dilaksanakan dan bermanfaat kepada seluruh masyarakat.

*Apa ditebang di tengah lembah?
Tentulah kayu sahaya lintangkan;
Bunga sekuntum sudah tergubah,
Jikalau sudi tuan suntingkan.*

Budayawan

*Asal sutera menjadi benang,
 Asal benang menjadi kain;
 Yang lama mesti dikenang,
 Jangan hilang berganti lain.*

SEBELUM minat Azah beralih kepada bidang sastera kanak-kanak, beliau yang pernah menjadi salah seorang daripada tenaga pengasas PENA (Persatuan Penulis Nasional) ini berjinak-jinak pula dengan bidang budaya yang sudah lama dikenali dan dihayatinya.

Medan perjuangannya biasanya di arena penulisan. Penalah yang menjadi senjata perjuangannya itu. Dan ini jugalah yang dilakukannya ketika mengetengahkan dua cabang budaya tentang pakaian, (kini sudah menjadi subjek yang benar-benar erat di hatinya) dan kraftangan.

Setelah berjaya dalam perjuangannya yang lalu, apa pula cita-citanya? Azah segera menjawab, "Saya ingin menulis tentang pakaian dan kraftangan."

Menulis tentang pakaian bagi Azah bukan sekadar suatu hobi tetapi juga tanggungjawab yang mesti ditunaikan. Setakat ini beliau menulis tentang subjek pakaian hanya secara sambilan sekali-sekala.

Yang patut diketahui, tulisannya dalam kedua-dua bidang pilihan terbaru ini bukan hanya di media cetak sama ada akhbar, majalah atau buku tetapi juga untuk filem dokumentari. Beliau menulis skrip filem dokumentari dalam dua bahasa, Inggeris dan Melayu, sesuai dengan kebolehannya menguasai dengan baik kedua-dua bahasa tersebut. Azah sering menyebut beliau sukaikan cabaran, sukaikan pembaharuan dan sudah letih dengan bidang yang sudah

lama diceburi. Beliau ingin mengubah selera. Namun demikian, sebagai seorang wanita, jelas sekali Azah tidak dapat memisahkan terus dirinya daripada alam kewanitaannya yang menarik itu.

Sebab itulah, apabila setelah 20 tahun menulis tentang wanita, dia beredar kepada suatu bidang baru iaitu bidang penulisan sastera kanak-kanak, kemudian disusuli secara serius penglibatannya dalam bidang penelitian tentang pakaian dan kraftangan. Namun beliau masih juga sekali-sekala menyentuh tentang wanita, kaum sejenis yang amat dikenalnya itu. Beliau tidak keberatan menyahut permintaan sesuatu pihak untuk membuat skrip filem dokumentari khas untuk wanita dan skrip tersebut telah pun difilemkan dan ditayangkan di kaca televisyen untuk tatapan umum.

Biarpun bahasa dalam skrip untuk pertunjukan pakaian tradisional Busananeka begitu puitis atau sering disebut bahasa sastera, namun Azah tidak mahu mengaku dirinya seorang sasterawan.

"Yang saya tulis itu bukan sastera tetapi bacaan prosa biasa, cuma kalau filem disebut dokumentari," katanya dengan jujur.

Skrip pertunjukan Busananeka sebenarnya ialah sebuah skrip panjang yang keseluruhannya ditulis dalam bentuk gurindam sesuai dengan pertunjukan Busananeka itu sendiri, iaitu suatu pertunjukan pakaian tradisional.

Skrip pertama pertunjukan tersebut dibuat pada tahun 1979 dan pertunjukan diadakan di Universiti Malaya. Pada tahun 1990 sekali lagi Busananeka menggunakan skrip yang sama tetapi dipendekkan dan diubahsuai sedikit.

"Itulah satu-satunya hasil tulisan saya yang menggunakan kata-kata berirama, tetapi itu pun bukannya puisi moden, sajak atau sebagainya tetapi lebih merupakan gurindam lama milik mutlak orang-orang kita zaman dahulu," ujarnya lagi.

Dalam kehidupan sehariannya, Azah yang lebih sering kelihatan memakai kaftan ketika berada di rumah, juga tidak mahu mengaku dirinya sebagai wartawan biarpun selama lebih 20 tahun beliau bertugas di akhbar.

"Kerana saya tidak sebenarnya terlibat dengan warta dalam erti kata yang lebih tepat, sebab saya tidak pernah jadi pemberita."

Tulisannya dalam bentuk rencana, bukan berita. Sebab itulah Azah enggan mengakui dirinya sebagai wartawan.

Masanya untuk Azah berubah rasa dan merubah haluan penulisan pun tiba. Beliau tidak mahu lagi menulis untuk surat khabar yang sentiasa diburu

masa. Beliau hendak menulis bidang lain pula. Bidang sastera kanak-kanak yang seolah-olah sudah sebat dengan diri dan namanya, juga ditinggalkan.

Apabila Azah diminta menulis buku tentang kebudayaan kanak-kanak oleh Fajar Bakti (untuk KBSR), beliau memberitahu yang beliau ingin menulis tentang kraftangan – suatu lagi cabang seni – yang sudah lama beliau minati, iaitu sejak tahun 1962 apabila beliau menulis tentang labu dan buyung tanah liat yang diusahakan oleh wanita Perak dalam akhbar.

“Apabila saya diminta menulis buku tentang kebudayaan untuk kanak-kanak, saya kata saya boleh tulis tentang kraftangan tradisional bagi memperkenalkannya kepada anak-anak.”

Fajar Bakti bersetuju dengan cadangan tersebut. Dan Azah pun menulis buku tentang kebudayaan untuk kanak-kanak yang dimimpikannya. Setiap halaman dihiasi dengan ilustrasi berwarna.

Sebagai seorang berjiwa seni, Azah begitu senang menikmati kata-kata indah bersastera dan berirama itu, menamakan judul bukunya *Di Taman Seni*.

Malangnya, kesungguhannya untuk menerapkan pengetahuan tentang kebudayaan kepada kanak-kanak sekolah itu tidak diterima untuk KBSR.

Begitu pun ia diterbitkan juga kerana Fajar Bakti merasakan buku tersebut menarik dan ada nilainya. Setelah diterbitkan, buku *Di Taman Seni* dijual di pasaran biasa sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak di sekolah rendah dan menengah. Dalam buku tersebut terdapat huraian tentang kraftangan tradisional yang terdapat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai suatu rakaman daripada kraftangan tempatan.

Sebiji benih yang baik kalau jatuh ke laut menjadi pulau jatuh ke tanah menjadi gunung, begitu kata peribahasa orang Melayu. Dan inilah yang berlaku terhadap buku *Di Taman Seni*. Biarpun tidak terpilih untuk mengisi khazanah KBSR, buku itu diambil oleh Bank Dunia, dicetak semula bagi disebarluaskan ke sekolah-sekolah untuk bacaan para pelajar.

Demikian juga dengan Mobil sebuah syarikat minyak yang besar, yang memang menerbitkan siri buku tentang kesenian di setiap negeri yang menjadi “tuan rumah” bagi syarikatnya, telah meminta Tan Sri Mubin Sheppard menulis sebuah buku tentang kraftangan Malaysia.

Buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris berjudul *Living Crafts of Malaysia* yang sudah beberapa tahun diterbitkan oleh Mobil itu, mahu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pula.

Setelah mencari-cari di sekeliling siapa yang sesuai menterjemahkan buku berkenaan, akhirnya Tan Sri Mubin mencadangkan supaya tugas tersebut

diserahkan ke tangan Azah.

Azah yang memang amat meminati subjek kraftangan lantas sahaja bersetuju, malah beliau segera menanganinya. Beliau memberikan judul dalam bahasa Melayu sebagai *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*, dan diterbitkan pada tahun 1980.

Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia menceritakan kraftangan yang hebat di negara ini; misalnya tenunan songket, penciptaan keris, barang-barang perak, jebak puyuh atau perangkap dan sebagainya.

Jebak puyuh dibuat seperti sangkar, begitu indah sekali anyaman dan pembuatannya. Pertukangannya begitu hebat, halus dan indah. Ciri-ciri inilah yang meletakkan jebak puyuh sebagai suatu kraftangan yang sangat tinggi nilai serta mutu seninya.

Dan pada kehebatan, kehalusan dan kesenian kraftangan tersebutlah cinta Azah terpaut. Demikian pula dengan persembahan wayang kulit, ukiran patung wayang kulit, ukiran kayu dan sebagainya semuanya mempunyai nilai dan mutu seni yang tinggi.

Setiap perkara di atas merupakan hasil wawancara Tan Sri Mubin Sheppard dengan tokoh yang arif dalam bidang masing-masing. Misalnya, Latif Long, ahli ukir dari Kelantan; Hajah Ngah, penenun handal Terengganu yang sejak turun-temurun menjadi penenun istana di negeri Terengganu.

Seterusnya, kraftangan penganyam tikar yang handal dari Terengganu dan juga tukang besi yang mahir membuat keris dari Kelantan turut dimuatkan dalam buku tersebut. Pendeknya semua tokoh dalam buku tersebut merupakan orang yang mahir dalam bidang masing-masing. Ini termasuk wawancara dengan Hamzah, scorang dalang terkemuka dari Kelantan tentang patung wayang kulit. Beliaulah orang pertama menerima Anugerah Seni Negara pada tahun 1993.

Segala hal yang menarik tentang kehalusan dan kehebatan kraftangan yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh yang berkenaan telah benar-benar menarik perhatiannya. Sehubungan itu maka Azah tidak mahu digelar sasterawan mahupun wartawan; tetapi tidak keberatan digelar budayawan.

Namun demikian sesuai dengan perhatian dan kepakarannya, Azah dilantik menjadi Ahli Jemaah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia semenjak 1981. Pelantikan tersebut amat menggembirakan hati Azah, kerana dengan itu beliau mendapat peluang menggilap minatnya yang sudah memang cemerlang dalam bidang kraftangan.

Pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan pula sering memberikan

kerjasama kepada cadangan-cadangannya. Misalnya pameran kain sarung, yang diadakan pada bulan Disember 1990, ialah cadangan beliau.

Dalam pameran yang bertajuk "Abadinya Kain Sarung" itu yang diadakan di Kuala Lumpur, ditunjukkan bagaimana kain sarung berperanan dalam masyarakat sejak berzaman, dan bagaimana ia digunakan baik oleh golongan lelaki ataupun wanita sama ada di desa atau di istana. Turut dipamerkan ialah pakaian Hang Tuah yang dicipta oleh Azah berdasarkan tulisan yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* yang banyak memperkatakan tentang pakaian raja-raja dan pahlawan-pahlawan Melayu zaman silam termasuk Hang Tuah.

Pameran tersebut dirasmikan oleh DYMM Raja Permaisuri Agong. Dalam majlis perasmian itu juga telah diadakan pertunjukan pakaian yang menonjolkan penggunaan kain sarung oleh peragawati. Para peragawati memperagakan pakaian tradisional bersama-sama menggunakan kain sarung daripada jenis songket, kain tenunan, batik biasa, pelekat dan apa sahaja jenis kain yang biasa digunakan oleh orang Melayu sebagai kain sarung.

Pada tahun sebelumnya, Perbadanan Kemajuan Kraftangan dengan kerjasama Azah telah mengadakan pameran yang dinamakan "Pakaian Klasik Malaysia". Dalam pameran tersebut ditunjukkan pakaian diraja Melayu daripada kain songket dan sutera.

Tidak ketinggalan dalam pameran yang indah itu ditunjukkan juga jenis-jenis songket semasa yang ditenun di Terengganu dan Kelantan.

Sebelum mengadakan pameran pakaian di Perbadanan Kraftangan Malaysia ini, Azah pernah mengadakan pertunjukan pakaian tradisional. Pertama kali beliau mengadakan pertunjukan pakaian secara kecil-kecilan di Hotel Hilton Kuala Lumpur bagi mengutip derma untuk PERTAMA (Persatuan Wartawan Wanita Malaysia) yang diketuainya pada waktu itu. Ramai tetamu yang hadir dalam majlis kecil tetapi meriah itu tertarik hati dengan pertunjukan itu. Azah sendiri menulis skrip untuk pertunjukan tersebut.

Kata pujangga, perjalanan seribu batu bermula daripada langkah pertama. Pertunjukan pertama secara kecil-kecilan itu telah disusuli pula oleh pertunjukan kedua, yang diakui oleh Azah sebagai suatu pertunjukan terbesar yang pernah dibuatnya.

Pertunjukan yang dinamakan Busananeka itu diadakan sempena 25 tahun penubuhan Jabatan Pengajaran Melayu di Universiti Malaya, ialah anjuran Profesor Ismail Hussein dari Jabatan Pengajaran Melayu. Sementara Azah bersama-sama penyair Firdaus Abdullah menulis skriptnya dan disunting oleh Umar Junus.

Keseluruhan skrip ditulis dalam bentuk gurindam dan pantun menghuraikan dengan terperinci setiap pakaian yang diperagakan dalam pertunjukan tersebut oleh lebih 100 orang siswa-siswi Universiti Malaya.

Bahagian pertama, memperagakan pakaian rakyat desa atau orang kampung. Bahagian kedua pula, memperagakan pakaian diraja dalam istana, pembesar, serta kerabat diraja dan isteri masing-masing.

Ketika mengadakan pertunjukan Busananeka itu sebenarnya Azah tidak mempunyai koleksi pakaian yang besar. Namun demikian, Ketua Pengarah Muzium Negara, Dato' Shahrum Yub begitu murah hati meminjamkan pakaian koleksi Muzium Negara, dan orang-orang perseorangan dari Pulau Pinang dan Johor yang sudi meminjamkan pakaian bagi melengkapkan pakaian setiap negeri.

Ramai penonton yang menyaksikan Busananeka terpukau dan melahirkan rasa gembira kerana tidak pernah menyangka akan kepelbagai dan keunikian pakaian tradisional Melayu.

Pada waktu itu juga berlangsungnya Persidangan Pengajian Melayu yang dihadiri oleh para sarjana Pengajian Melayu dari seluruh dunia. Mereka yang melihat persembahan tersebut berasa kagum dengan kehebatan pakaian Melayu, yang gambarannya selama ini hanya melalui pembacaan sastera Melayu lama. Tentu sahaja pengalaman ini menjadi peristiwa yang amat menarik kepada mereka.

Profesor Ismail Hussein yang pada masa itu menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya telah menulis dalam buku cenderamata BUSANANEKA, antara lain: "bagi Azah ini ialah satu pengucapan daripada kecintaan dan perjuangannya yang amat lama – iaitu usahanya yang tidak pernah putus untuk meningkatkan pengertian dan penghargaan masyarakat terhadap keindahan seni pakaian dan perhiasan tradisi kita ... kesan perjuangannya itu memang telah amat ketara bukan sahaja di halaman akhbar dan majalah serta pada hiasan kalender, tetapi juga dalam penghidupan sosial sehari-hari. Persembahan BUSANANEKA merupakan kemuncak perjuangan dan pengalamannya itu dan digabungkan pula dengan kecintaannya yang lain, iaitu puisi Melayu lama, pantun dan gurindam dan puisi panjang yang diciptanya bersama dengan penyair Firdaus Abdullah untuk malam itu merupakan satu khazanah sastera yang tersendiri...."

Oleh sebab begitu tertawan dengan pertunjukan Busananeka, maka pada tahun 1990 Universiti Malaya sekali lagi telah mementaskan Busananeka. Universiti Malaya meminta Azah menguruskan pertunjukan pakaian

tradisional Melayu bersempena Pesta Kesenian Rakyat Universiti-universiti ASEAN atau AUFAF (ASEAN Universities Folk Arts Festival) yang berlangsung di Kuala Lumpur dengan dihadiri juga oleh delegasi dari Jepun, Rusia dan Turki serta negara-negara ASEAN.

Mengenali dan menghayati budaya sendiri tidak cukup dengan hanya memamerkan pakaian songket, kain tenunan atau batik, tetapi juga harus tahu hingga ke akar umbinya, termasuk cara memakainya.

Kata Azah, "Kalau generasi hari ini tidak tahu cara mengikat kain dan memakai pakaian tradisional, kita tidak akan dapat mengajar anak-anak pada masa akan datang. Dan dengan itu bererti habis pupuslah pakaian kebanggaan bangsa kita itu. Hilang dan dilupakan."

"Kalau adapun, hanya tinggal tersadai dalam almari kaca di muzium sebagai peninggalan zaman untuk ditonton oleh pelawat," ujar beliau lagi dengan wajah kecewa.

Jikalau ini benar-benar berlaku, ia merupakan suatu tragedi. Hilangnya minat masyarakat Melayu terhadap pakaian tradisional melibatkan terhapusnya minat masyarakat Melayu terhadap kegiatan kraftangan, tenunan dan potongan pakaian yang berfungsi sebagai hiasan kepala dan hiasan badan yang selalu menjadi pelengkap kepada pakaian itu. Ini bererti budaya Melayu menjadi bertambah miskin dan orang Melayu akan kehilangan tamadunnya.

Oleh sebab minatnya yang amat mendalam dalam bidang kraftangan dan pakaian tradisional, Azah membelanjakan wang yang banyak bukan setakat untuk mencari bahan-bahan perhiasan untuk disesuaikan dengan pakaian yang akan diperagakan dalam pertunjukan, tetapi untuk membeli bahan-bahan rujukan.

Pada suatu ketika dahulu beliau sering berulang-alik ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan. Namun kini, beliau lebih gemar membeli buku-buku yang berkaitan dengan kraftangan dan mengisi deretan buku yang mewarnai setiap dinding bilik hingga ke tangga rumahnya.

Pembelian buku-buku tersebut memang memudahkan beliau merujuk subjek yang diminatinya kerana beliau tidak perlu memulangkannya ke perpustakaan. Ini bukan pula bererti beliau terus melupakan perpustakaan.

Azah yang banyak berjalan di merata dunia gemar membeli buku-buku tekstil, tidak kira di mana juga buku itu ditemuinya biar berapa pun harganya.

Buku-buku berkenaan kebanyakannya berukuran besar, dihiasi dengan ilustrasi berwarna yang cantik. Hasil pembacaannya Azah mendapat banyak persamaan dalam proses membuat tekstil dan penenunan kain di dunia.

Misalnya kain yang dibuat dengan menggunakan teknik ikat bukan sahaja dibuat di rantau ini, malah di India yang terkenal dengan kain cindainya.

Buku yang dibeli di Indonesia dan India amat banyaknya, dan lazimnya tentang pelbagai jenis kain tenunan tangan.

Inilah Azah yang sebenar. Apabila memperjuangkan sesuatu, beliau memperjuangkannya hingga berjaya biar apa pun rintangan menggandal di hadapan. Dan apabila melakukan sesuatu akan dilakukannya dengan teliti dan bersungguh-sungguh. Baginya biar beliau berasa puas hati dahulu sebelum memuaskan hati orang lain.

Minat dan kegigihannya dalam pertunjukan pakaian tradisional bukan sekadar mendapat tepukan bergemuruh dalam majlis yang paling sederhana di Pasar Budaya hingga yang paling besar di Istana Negara ketika meraikan tetamu kerajaan yang datang dari merata negara di dunia, malah mendapat perhatian wajar daripada beberapa pihak.

Setiap tahun Azah senang diundang untuk memberi ceramah serta kursus tentang pakaian di INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk isteri duta-duta besar yang akan pergi ke luar negara serta isteri para menteri yang baru memegang jawatan menteri.

Mereka diwajibkan mengambil kursus yang diatur dan disusun oleh INTAN, yang meliputi banyak subjek termasuk sejarah, politik, kerajaan, pemerintahan negara, pentadbiran dan sebagainya tentang Malaysia supaya apabila mereka bertugas di luar negara, mereka dapat memberikan jawapan yang tepat tentang Malaysia apabila ditanya.

Salah satu subjek yang diterapkan ke dalam pengetahuan isteri para diplomat dan menteri ini adalah tentang pakaian tradisional. Peranan Azah begitu penting bagi membantu mereka, kerana jika hendak dicari seorang yang benar-benar arif serta dalam pengetahuannya dan lama penglibatannya dalam memperkenalkan pakaian tradisional kepada masyarakat tidaklah ada sebarang orang yang setara dengannya.

Azah menggunakan slaid semasa menyampaikan ceramahnya tentang pakaian tradisional. Latihan amali tentang cara mengikat kain, cara memakai baju cekak musang baldu ataupun baju songket dan bagaimana pakaian yang sesuai untuk sesuatu majlis turut diterapkan dalam sesi ceramahnya.

Bukan hanya INTAN yang mengenal "intan" tradisional ini. Beberapa institusi lain turut menghargai usaha dan kemampuan beliau, termasuk pihak TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia) yang berpangkalan di Kinrara.

Pihak TUDM telah meminta Azah memberikan ceramah sebanyak tiga

kali setahun. Jadi sebanyak tiga kali dalam setahun beliau memenuhi jemputan TUDM bagi memberikan ceramah kepada para isteri pegawai TUDM.

Biarpun pihak TUDM menganjurkan kursus secara sambilan dan kebanyakannya peserta kursus terdiri daripada kalangan orang muda-muda, iaitu isteri para pegawai TUDM, namun Azah tetap senang mencerahkan ilmu pengetahuannya.

Selain TUDM, KEMENTAH (Kementerian Pertahanan) juga menunjukkan minat yang sama, menjemput beliau memberikan ceramah. Begitu juga kumpulan wanita yang lain tidak ketinggalan menjemput Azah mencerahkan ilmunya menerusi ceramah, termasuk YWCA yang ahlinya terdiri daripada berbilang kaum.

Tidak ketinggalan turut menghargai usaha beliau mengundangnya memberikan ceramah ialah kumpulan-kumpulan Puspanita, Persatuan Wanita Universiti malah Japan Society and Asian Culture Group, juga pernah menjemput Azah memberi ceramah tentang pakaian tradisional.

"Mereka meminta saya memberikan ceramah tentang pakaian tradisional kita. Dan mereka begitu bersungguh-sungguh hendak tahu tentang pakaian kita. Saya memberi penerangan kepada mereka sama seperti orang lain dengan membawa pakaian, kain songket dan menunjukkan slaid."

Jemputan-jemputan itu sering menjadikan Azah sibuk, kerana hampir setiap bulan ada sahaja undangan yang diterima. Ini belum lagi permintaan-permintaan rasmi pertunjukan pakaian tradisional bagi menyeronakan majlis yang dihadiri oleh tetamu negara.

Oleh sebab itu tidak hairanlah kiranya wanita gigih yang berdarah seni ini dilantik oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan sejak tahun 1978 dan pada tahun 1979 pula, beliau dilantik sebagai Kurator Kehormat Muzium Negara.

Ibarat lagu dan irama yang tidak mungkin dipisahkan atau pantai dan laut yang saling bergandingan, maka begitulah pakaian tradisional dan Azah. Sebut pakaian tradisional, orang tidak akan dapat melupakan nama Azah Aziz, orang yang mula-mula mengetengahkan pakaian ini hingga ke hotel bertaraf antarabangsa dan ke dalam istana.

Bercakap tentang kain dan pakaian tradisional, sebulan pun belum pasti habis. Terlalu banyak yang Azah tahu tentangnya dan setiap suatu dapat diterangkan dengan teliti dan terperinci bagi seorang pelukis yang melarikkan hujung penanya hingga ke titik dan garisan paling seni untuk melengkapkan hasil usahanya.

Misalnya, apabila Azah menjelaskan tentang pameran pakaian tradisional koleksi beliau, Azah menunjukkan betapa cantiknya pakaian Melayu. "Yang ini lelaki nelayan di Pantai Timur. Lelaki nelayan memakai kain batik di bahu dengan baju dan seluarnya. Memang orang Melayu tradisi kalau bekerja sebagai nelayan bajunya berwarna biru, warna laut."

Sebagai petani pula menurut Azah bajunya berwarna coklat mengikut warna tanah. Kemudian kain batik atau pelekat diikat di pinggang.

Begitu kaya pengetahuan Azah tentang kain dan pakaian tradisi, namun antara sekian banyak kain yang paling indah pada pandangannya ialah kain limar.

Kain limar itu sudah bercorak tetapi dibubuh pula bunga songket daripada benang emas. Apabila digabungkan limar dan songket, maka jadilah sehelai kain yang amat cantik, iaitu sebuah karya seni yang indah dipandang dan indah dipakai.

*Kain ini kain sutera,
Kalau mandi disesah jangan;
Pakaian ini pakaian lama,
Kalau sayang diubah jangan.*



12.1

12.1

Membentulkan kerongsang yang dipakai dengan baju kebaya labuh.



12.2

12.2

Bersama-sama model-model jelita Shashah (kiri) dan Khairun Sofia.

12.3

Dari masa ke masa, Azah mengadakan pertunjukan pakaian tradisional tempatan dalam majlis-majlis yang meraikan tetamu asing. Model Eda dengan kebaya dari kain kelubung.





12.4

Berceramah tentang tekstil Melayu.

Menjadi Pelukis

*Berapa tinggi pucuk pinang,
 Tinggilah lagi pucuk meranti;
 Berapa tinggi Gunung Ledang,
 Tinggilah lagi harapan hati.*

TIDAK ramai antara kita yang tahu, bahawa Azah bukan setakat meminati berbagai-bagai bidang seni termasuk seni lukis, bahkan beliau sebenarnya pernah mencuba menjadi pelukis. Waktu itu beliau tinggal di Singapura. Suaminya, Ungku Aziz mengajar di Universiti Malaya di Singapura sebelum universiti itu berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1961.

“Saya mengambil kursus lukisan,” ujar Azah dalam senyum manis dan lenggok manjanya. “Ini suatu perkara yang orang sekarang tidak tahu. Tapi bidang seni lukis memang saya minati,” tambah beliau dengan senyuman yang bertambah manis, panjang dan menarik.

Dengan segala kejujuran dan kesederhanaannya, Azah mengakui setelah bertungkus-lumus mencuba mencalitkan karya seninya menerusi kanvas, berus dan cat warna, ternyata beliau tidak mempunyai bakat istimewa dalam bidang lukisan.

Beliau terangsang ke arah seni lukis itu apabila jirannya di Eng Neo Avenue, isteri kepada seorang profesor dari Amerika berketurunan Mexico, mendorongnya. Wanita Mexico tersebut merupakan rakan karib Azah. Mereka sering berbincang tentang minat masing-masing dalam bidang seni.

Pada suatu hari kedua-dua sahabat itu terbaca iklan dalam akhbar tentang kelas melukis yang diadakan dua kali seminggu di British Council pada waktu petang.

Setelah sepakat untuk mendalami pengetahuan dan kemahiran dalam seni lukis, kedua-dua wanita tersebut pergi ke British Council lalu mendaftarkan diri sebagai peserta kursus.

Mulai saat itu Azah pun menunaikan tanggungjawabnya sebagai peserta kursus dengan membeli segala alat kelengkapan melukis seperti yang disarankan oleh gurunya seorang askar British. Selain berkhidmat sebagai tentera Inggeris, guru muda itu juga seorang pelukis. Beliau bertugas sebagai pelukis bagi tempoh dua tahun, di Singapura.

Selama berada di Singapura, askar tersebut mengendalikan kelas lukisan tersebut. Dan selama itu pulalah Azah serta rakannya mempelajari selok-belok seni lukis dengan penuh keazaman dan ketekunan.

Guru berkenaan mengajar peserta kursus melukis menggunakan arang. Awalnya Azah mempelajari cara membuat lembaga manusia, kemudian melukis wajah orang.

Bagi melaksanakan tugas sebagai pengajar secara lebih berkesan, guru tersebut berusaha mendapatkan model untuk para peserta kursus. Antara model yang digunakan dalam kertas lukisan ialah orang tua, anak muda atau wanita jelita. Model tersebut duduk di hadapan pelukis yang sedang belajar itu.

Azah bersama-sama rakan-rakannya beramai-ramai melukis bentuk model yang disediakan. Guru berjalan keliling memerhatikan hasil kreatif para pelajarnya sambil menegur dan menunjukkan kesilapan para pelajarnya. Azah diajar melukis secara hitam putih sahaja dahulu, sebelum belajar menggunakan warna dan kanvas.

Azah yang memang kaki membaca dan gemar menambah ilmu menerusi pembacaan, merasakan beliau harus mengetahui lebih banyak selok-belok lukisan menerusi buku. Nah, sekali lagi beliau berulang-alik ke perpustakaan bagi meminjam buku tentang seni lukis.

Sejak itu Azah mula tahu tentang segala selok-belok seni lukis dan mempelajarinya dengan penuh rasa keazaman dan ketulusan hati. Dinding putih bersih di rumahnya dihiasi dengan hasil seni lukis pelukis-pelukis ternama dunia. Selain itu, tulisan khat yang begitu tinggi nilai seninya juga merupakan hasil seni yang amat dicintainya.

*Gunung Serayu sayup dipandang,
Nampak dari Selat Melaka;
Hilang mutu emas ditimbang,
Kalan intan disangka kaca.*



13.1

13.1

Pelukis terkenal Indonesia,
Basoeki Abdullah sedang
melukis, Singapura, 1958.

Puisi dan Lagu

*"Cuma seimbus angin dari angkasa
 Daun-daun menunduk ketika diusapnya
 Cuma seimbus angin berkabus duka di matanya
 Apalah dibuatnya kepada hujan?"*

- terjemahan daripada lagu *What Have They Done To The Rain?*

SEBAGAI seorang yang berdarah seni, apa-apa sahaja bentuk kesenian mendapat tempat di hatinya. Pantun, salah satu seni sastera memang sudah mendapat tempat utama dalam kamar seninya. Namun sajak pula tidak ketinggalan mendapat perhatiannya juga.

Pantun, menurut Azah boleh memperkatakan sesuatu perkara dengan lebih mendalam, iaitu fikiran yang bernas diungkapkan dengan kata-kata yang sederhana dan indah. Sajak baginya mempunyai berbagai-bagai cara penyampaian; ada yang pelik-pelik yang orang lain tidak mudah faham kecuali orang-orang yang sama sepemikiran dengannya.

Sajak pada pendapat Azah, merupakan puisi elitis, sedangkan pantun ialah sastera rakyat. Itulah bezanya.

Apabila Azah pergi ke Amerika pada tahun 1967, Perang Vietnam sedang hangat diperkatakan, dan ramai orang Amerika sendiri yang tidak menyenangi perang tersebut. Antara golongan yang amat membenci Perang Vietnam ialah segolongan anak muda Amerika.

Sebagai menunjukkan protes mereka terhadap campur tangan Amerika dalam peperangan tersebut, anak-anak muda di sana menjadi suatu golongan yang "anti-establishment". Ada yang menjadi hipi dan ada yang menggelar

diri mereka sebagai *flower children*. Kesan daripada Perang Vietnam itu juga lahir sebilangan penyanyi dan pencipta lagu protes seperti Bob Dylan, Joan Baez dan lain-lain.

Dalam lawatannya ke Amerika ketika sentimen anti-Perang Vietnam memuncak, Azah bertemu seorang profesor yang duduk makan tengah hari di sebelah beliau di Universiti Ohio. Profesor itu juga daripada golongan muda.

Mengambil kesempatan daripada pertemuan yang bermakna itu Azah bertanya kepada profesor tersebut. "Apa yang patut diperhatikan di negeri ini yang menarik untuk pengetahuan dan pengalaman seorang pelawat dari Asia?"

Profesor muda itu menjawab dalam secebis nota yang ditulis sambil makan "Beli rekod Joan Baez dan Bob Dylan."

Tidak disangka hal itu begitu menarik minat Azah. Angkatan muda Amerika pada ketika itu sedang mencari satu pegangan baru dan ada yang kembali pada zaman silam dan meminati semula lagu-lagu rakyat (*folk songs*) mereka.

Antaranya termasuklah lagu-lagu rakyat rintihan orang kulit hitam (*blues*), lagu petani Amerika yang berjuang untuk memajukan negara mereka. Segala peristiwa lama itu dibangkitkan semula dalam lagu seperti yang dinyanyikan oleh Woody Guthrie, Pete Seeger dan lain-lain.

John Baez pula gemar mencipta lagu-lagu protes terhadap perang dan mengadakan konsert di sana sini sehingga mengakibatkan beliau ditahan dan terpaksa meringkuk di dalam penjara. Tetapi ini tidak mematahkan semangatnya; sebaliknya beliau membawa gitarnya ke dalam penjara dan terus menyanyikan lagu-lagu protesnya.

Dirangsang oleh keinsafan apabila mendengar lagu-lagu senandung rakyat yang bergema di negara besar dan maju itu, Azah pun menerapkan ilhamnya menjadi sebuah kenyataan, apabila pulang ke tanah air.

Beliau mengajak beberapa rakan sasterawan yang berada di dalam PENA seperti Kemala dan A. Samad Said (sekadar menyebut dua nama) mengadakan Malam Senandung Rakyat.

Pada Malam Senandung Rakyat itu, sebanyak 33 buah lagu rakyat (*folk songs*) dengan sajak-sajak protes seniman Amerika yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dideklamasikan.

Pada umumnya beliau memilih lagu-lagu antiperang dan lagu-lagu patriotik.

Menerusi kata pengantarnya untuk kumpulan sajak yang dimuatkan dalam buku cenderamata Malam Senandung Rakyat yang diusahakan oleh Perkumpulan Penyair PENA, Azah menulis tentang senandung rakyat di

Amerika. Antara yang beliau tulis pada halaman empat antologi tersebut ialah:

"Di Amerika akhir-akhir ini tugas menulis lirik lagu-lagu moden telah diambil alih oleh para penyair; tugas ini tidak lagi terserah bulat-bulat kepada penulis-penulis lagu yang setengah matang dengan lirik-liriknya yang khayal dan dangkal.

Dengan berlakunya ini maka lahirlah lagu-lagu yang mengandungi seni kata yang bernes dan bermutu. Dan dengan ini juga, telah terbukti bahawa sudah pun ada pasaran untuk 'keintelektualan'; masyarakat Amerika sekarang mahu mendengar lagu-lagu yang memperkatakan perkara-perkara yang lebih serius. Mereka sudah bosan dengan lagu-lagu bercorak *escapist* yang penuh khayalan dan impian yang telah dihidangkan kepada mereka selama ini.

Penulisan lirik-lirik yang bermutu ini lahir daripada pemuda-pemuda baru Amerika; dari *rock generation*, yang mahukan muzik mereka memperkatakan tentang pengertian hidup asasi dan tidak dipenuhi dengan khayalan impian meleset. Mereka mahukan lagu-lagu yang memperkatakan kebenaran, keindahan dan lain-lain nilai yang dicintai manusia. Dalam bidang ini juga, maka lahirlah lagu-lagu protes (antiperang, antimuklear dll.), lagu-lagu damai dan lagu-lagu yang mengandungi kritik-kritik sosial.

Antara penyanyi dan penggubah muda yang mempelopori angkatan baru ini, yang sekarang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat Amerika ialah Bob Dylan, Joan Baez, Simon dan Garfunkel (dua sekawan), Judy Collins dan ramai lagi.

Di England, angkatan seumpama ini dipelopori oleh penyanyi-penyanyi Beatles – John Lennon dan Paul McCartney dan lain-lain penyanyi muda."

Pada halaman lapan pula Azah menyentuh sedikit tentang senandung rakyat di negara tumpah darahnya:

"Di Malaysia, akhir-akhir ini telah timbul rasa tidak puas hati terhadap lagu-lagu popular serta lagu-lagu moden yang diperdengarkan. Rasa tidak puas hati ini sudah selalu juga disuarakan dalam akhbar dan majalah tempatan. Mereka yang bersungut itu mengatakan kita patut meninggikan taraf lagu-lagu yang diperdengarkan di radio dan televisyen, malah juga lagu-lagu yang diperdengarkan oleh kugiran anak-anak muda kita. Lagu-

lagu yang biasa diperdengarkan sekarang kebanyakannya mempunyai lirik yang meleset, dangkal dan khayal. Lagu-lagu moden kita, semakin lama semakin menuju ke arah khayalan yang meleset sekali.”

Beliau berpendapat jika liriknya ditulis oleh para penyair yang berjiwa seni, mutu lagu akan dapat ditingkatkan. Beliau mencadangkan supaya para penyair menulis lirik lagu untuk mengelakkan ahli kugiran (kumpulan gitar rancak) membuat lagu yang cetek tentang cinta.

Di Amerika, para inteleknya menceburkan diri dalam bidang penulisan lirik untuk dijadikan lagu.

Pada Malam Senandung Rakyat itu, Azah membawa rekod yang dibelinya di Amerika. Lagu-lagu itulah yang diperdengarkan kepada hadirin yang kebanyakannya terdiri daripada para sasterawan, terutama ahli-ahli PENA sendiri.

Antara lagu yang diperdengarkan pada malam itu termasuklah “*Where Have All the Flowers Gone?*”, “*We Shall Overcome*”, “*Blowing in the Wind*”, “*Masters of War*” dan lagu patriotik “*This Land is Your Land*.”

Lirik lagu yang terkumpul dalam antologi Malam Senandung Rakyat itu pula telah dikutip dan dipilih oleh Azah daripada rekod, buku dan ada juga yang diberikan oleh kawan-kawan dari Amerika. Azah sendiri turut menterjemahkan lirik-lirik tersebut ke dalam bahasa Melayu di samping rakannya A. Samad Said.

“Apa Dibuatnya kepada Hujan?” ialah lirik yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris yang berbunyi “*What Have They Done to the Rain?*” Lirik dan lagunya digubah oleh seorang wanita, Malvina Reynolds.

APA DIBUATNYA KEPADA HUJAN?

*Cuma hujan gerimis di sana sini turunnya,
Terangkat kepala rumput mendengarkan suaranya,
Hujan gerimis hanya, hujan gerimis hanya,
Apalah dibuatnya kepada hujan?*

*Cuma si anak kecil berdiri di tengah hujan,
Yang bertahun-tahun mesra berderai,
Dan rumput musnah, si anak pun hilang,
Dan hujan merintik juga seperti air mata biba,
Dan apalah dibuatnya kepada hujan?*

*Cuma sebembus angin dari angkasa,
Daun-daunan tunduk ketika diusapnya,
Cuma sebembus angin berkabut duka di matanya,
Apalah dibuatnya kepada hujan?*

*Cuma si anak kecil berdiri di tengah hujan,
Yang bertahun-tahun mesra berderai,
Dan rumput musnah, si anak pun hilang,
Dan hujan merintik juga seperti air mata biba,
Dan apalah dibuatnya kepada hujan?
Dan apalah dibuatnya kepada hujan?*

Suara yang dilaungkan dengan lantang oleh Azah sejak tahun 1968 agar para penyair melibatkan diri dalam penulisan lirik lagu hanya seperti laungan scorang insan yang berdiri di bahu gunung lalu melaung nyaring. Laungannya itu disambut oleh puncak-puncak bukit dan gunung-gunung serta hutan belantara di sekitar, bersahut-sahutan, bergema dan bergelombang, namun tidak menyebabkan gugurnya sehelai daun biar dari ranting yang rapuh pun.

Namun, seperti perjuangannya yang sudah-sudah, lambat-laun biar dalam jarak masa 10 atau 15 tahun, akan menjadi kenyataan. Inilah yang berlaku sekarang. Sudah ramai penyair dan intelektual muncul melibatkan diri dalam arena lagu dan penulisan lirik. Yang paling menonjol sudah pasti sahaja Habsah Hassan.

Yang lain, yang turun ke tengah gelanggang menyampaikan lagu-lagu puisi ialah Zubir Ali dan Dr. Wan Zawawi. Penyanyi profesional yang sering menggarap puisi menjadi lirik lagu nyanyiannya ialah Ramli Sarip dan M. Nasir, Kopratas dan penggubah lagu, Manan Ngah juga berbuat demikian.

Masa yang berlalu begitu lama tentu sahaja sudah mengakis habis nama Azah daripada ingatan orang ramai tentang seruananya meminta penyair menulis lirik lagu. Namun bagi Azah, kebanggaan di hati tidak perlu digemburkan kepada sesiapa.

Masa yang telah lama berlalu bukan kayu pengukur untuknya berasa kecewa. Biarpun orang sudah melupakan seruananya, malah anak-anak muda tidak tahu pun mengapa beliau harus berbangga menyaksikan penglibatan penyair dalam penulisan lirik lagu, namun bagi Azah, setiap kejayaan ialah miliknya dan hanya dia sendiri sahajalah yang lebih arif tentang perasaan hatinya.

Menyebut tentang haiku, Azah boleh dianggap orang pertama di Malaysia mengetengahkan puisi Jepun itu ke alam persuratan Melayu.

Begitulah lazimnya bagi seorang seniman. Apa sahaja yang berbentuk dan bercorak seni pantas menyerap dalam jiwa serta diminati dan dihayati sepenuh hati. Seperti pantun, Azah mendekati haiku bukan sekadar seperti pembaca biasa. Beliau menulis tentang keindahan dan kenikmatan puisi Jepun ini dalam media massa, dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu terutama dalam ruangan yang dikendalikannya untuk didekatkan dengan pembaca dan pencita seni sastera di negaranya.

Hasil daripada penglibatannya dalam haiku, Azah telah diundang menjadi pengadil pertandingan haiku untuk murid-murid sekolah rendah di Lembah Kelang, anjuran Japan Airlines (JAL) mulai tahun 1990 hingga 1994. Undangan ini pasti sahaja merupakan suatu pengiktirafan dan penghargaan yang tinggi nilainya daripada tuan rumah haiku kepada Azah Aziz: Kartika di Langit Seni.

*Daun sebelai
Dubai melayang-layang
Di angin lalu.*



14.1

14.1

Azah dan Prof. Muhammad Haji Salleh menjadi pengadil pertandingan haiku anjuran Japan Airlines (JAL).

Anak Patung

*Kalan tuan naik ke bukit,
 Singgah di bawah pohon terap;
 Tuan umpama benang emas songket,
 Terang cabaya merelap-relap.*

PADA zaman kanak-kanaknya, Azah gemar bermain anak patung dan dihadiahkan sebuah rumah (pondok-pondok) bagi menempatkan anak-anak patungnya. Kegemaran sewaktu masih kanak-kanak biasanya berakhir bersama berlalunya zaman kanak-kanak, tetapi ini tidak berlaku pada Azah.

Biar bagaimanapun, ini tidak pula bererti beliau bermain anak-anak patung biarpun usia sudah menjangkau dewasa. Azah sebenarnya berminat membuat pakaian anak-anak patung.

Hobi membuat pakaian anak patung ini juga bermula sejak dari zaman kanak-kanaknya. Ibunya memulakan segala-galanya. Beliau membeli anak-anak patung plastik di Jalan Petaling, lalu memakaikannya dengan pakaian Melayu. Ibu Azizah mahu menunjukkan kepada anak kesayangannya itu cara membuat pakaian tradisional – awalnya hanya sebagai hobi – dan kebetulan pula beliau juga seorang yang kreatif serta berkemahiran dalam bidang jahitan.

Ibu Azizah membuat beberapa pakaian tradisional yang sangat cantik termasuk baju Pahang, baju kurung Teluk Belanga, baju kurung cekak musang dan baju belah yang digemari oleh orang Johor.

Azah tidak sahaja memerhatikan pakaian yang dijahit dan dikenakan ibunya ke badan patung-patung yang comel kecil itu, malah beliau turut membuatnya, sebagai suatu keseronokan mengisi waktu luang.

Kegemaran itu kembali hidup dan berkembang apabila Dato' Shahrum Yub berusaha mengadakan suatu Pameran Antarabangsa Anak Patung (*World Festival of Dolls*) di Muzium Negara pada tahun 1978.

Dato' Shahrum menghubungi semua kedutaan asing yang terdapat di Malaysia dan meminta setiap kedutaan menyumbangkan anak patung yang ada di negara mereka untuk pameran besar-besaran itu.

Dalam keghairahan menjemput negara luar menunjukkan anak-anak patung mereka, tiba-tiba Dato' Shahrum menyedari Malaysia sendiri tiada anak patung yang boleh dipamerkan.

Ketika menghadapi kemelut yang tidak dijangkakan itulah, Dato' Shahrum mendapat tahu yang Azah ada memiliki anak patung yang berpakaian tradisional. Beliau segera meminta kerjasama Azah membuatkan pakaian tradisional untuk anak-anak patung agar dapat dipamerkan bersama-sama anak-anak patung antarabangsa yang lain.

Seperti biasa, wanita yang budiman itu tidak mudah menghamparkan harapan orang lain, apatah lagi beliau tahu tiada siapa lagi yang biasa membuat pakaian tradisional untuk anak-anak patung seperti yang diminta. Beliau bersetuju memenuhi permintaan Dato' Shahrum, dan berjanji akan memakaikan 35 buah anak patung wanita dengan pakaian tradisional kerana hanya anak-anak patung wanita sahaja yang ada dijual.

Pada waktu yang sama kebetulan Azah hendak ke India. Beliau terpaksa bertungkus-lumus siang malam untuk menyiapkan baju anak-anak patung yang sudah dijanjikan, siap dengan hiasan seperti kalung, kerongsang dan sebagainya yang dibuat daripada manik.

Dengan sikap unggulnya mahu menonjolkan pakaian tradisional serta krafangan Melayu ke tengah masyarakat dan ke mata antarabangsa, Azah menggunakan seberapa banyak kain songket yang mempunyai corak kecil untuk dijadikan pakaian anak-anak patungnya.

Bagi menyesuaikan saiz tubuh anak-anak patung dengan corak pakaianinya, beliau terpaksa mencari songket bercorak kecil yang dibeli daripada tukang jahit yang biasa membuat pakaian pengantin.

Bukan mudah tugas tersebut. Beliau terpaksa mengecek ke sana ke sini bagi tujuan membeli cebisan-cebisan kain saki-baki daripada tukang jahit, mahupun tukang tenun sendiri.

Itulah titik permulaan usaha Azah dalam membuat pakaian anak patung. Minat dan sambutan orang ramai terhadap usaha beliau serta pameran tersebut tidak kurang hebatnya.

Hasil daripada pameran tersebut beberapa pihak cuba mempromosikan anak patung berpakaian tradisional hasil ciptaan Azah itu. Sayang sedikit, sehingga kini usaha murni itu belum berjaya. Sering berlaku kegendalaan kerana tiada orang yang sanggup membuat badan anak patung dengan sempurna, terutamanya untuk membuat anak patung berwajah Asia.

Anak-anak patung yang dibeli di Jalan Petaling ialah buatan Hong Kong. Warna kulit, mata, rambut dan keseluruhannya memperlihatkan wajah wanita Barat. Wajah dan warna wanita Barat pasti sahaja tidak begitu sesuai dengan rupa dan gaya pakaian Melayu.

Azah yang memang terkenal bersungguh-sungguh dalam segala perkara yang dilakukan, cuba mendapatkan anak-anak patung yang sesuai seperti yang dihajati. Beliau menemui beberapa pengusaha kilang plastik di sini. Malangnya pengusaha kilang yang membuat anak-anak patung yang berkenaan berkata, mereka tidak akan mendapat sebarang keuntungan kiranya pembuatannya tidak mencapai jumlah 50 000 buah anak patung.

"Jadi, tidak siapa yang sanggup menempah sehingga 50 000 buah anak-anak patung. Maka rancangan tersebut terpaksa dibatalkan," jelas Azah dengan wajah ralat.

Beberapa ikhtiar telah diusahakan oleh pihak-pihak lain yang ingin melihat perusahaan ini berkembang, termasuk menjemput pakar membuat anak patung daripada kain stoking yang diisi dengan kekabu – dari India. Malah, ada usaha menghantar orang ke Bangkok, Thailand, berkursus selama tiga bulan untuk belajar membuat anak patung, namun semuanya tidak memperlihatkan hasil yang diharapkan. Sehingga hari ini tiada perusahaan mengeluarkan anak patung secara besar-besaran.

Azah menaruh keyakinan yang tinggi bahawa pembuatan dan penjualan anak patung berpakaian tradisional memang mempunyai potensi besar. Azah sering dihubungi atau didatangi oleh orang asing yang mahu membeli anak patung berpakaian Melayu, sama ada untuk koleksi peribadi, ataupun untuk muzium-muzium antarabangsa. Pasarannya memang ada. Yang tiada cuma orang yang sanggup membuatnya secara besar-besaran bagi tujuan komersial.

Setelah segala usaha dilakukan, namun kegagalan juga yang ditemui,

Akhirnya Azah mengalih perhatian kepada membuat pakaian untuk orang dewasa pula!

*Tinggi melampai pohon beringin,
Beringin ada di tengah kota;
Hendak berpesan kepada angin,
Angin tidak pandai berkata.*



15.1



15.2



116

15.3



15.4

15.1 15.2 15.3 15.4 15.5

Anak patung berpakaian tradisional
yang dijahit oleh Azah Aziz.



15.5

Persatuan

*Baju baharu kain bertekat,
Baju belah pakaian kerongsang;
Bersatu padu kenal seikat,
Kalau berpecah dimakan orang.*

SAYA bukan orang persatuan," kata Azah tegas. Inilah kesimpulan dan hakikat yang terpaksa dinyatakan setelah sekian lama menjadi Ketua Satu Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) dan menaja beberapa buah pertubuhan atau persatuan sukarela dan badan penulis seperti PENA.

Kejujuran sering menjadi keutamaan dalam hidupnya. Kerana itulah Azah tidak teragak-agak atau terpaksa menerangkan dengan bahasa "beralas" yang berlapis-lapis dan berbelit-belit apabila ditanya tentang peranannya dalam pertubuhan atau persatuan wanita.

Kata Azah, beliau tidak begitu berminat untuk bergiat dalam persatuan wanita, biarpun dalam kehidupannya beliau berdampingan rapat dengan persatuan wanita.

Sejarah mencatatkan, apabila UMNO ditubuhkan oleh ayah saudaranya, Dato' Onn, Ibu Azizah selaku adik pengasas UMNO itu telah masuk dan bergiat cergas dalam UMNO di Johor apabila Kaum Ibu UMNO ditubuhkan.

Ibunya mengajak Azah menyertai pertubuhan politik yang terbesar, terulung dan terunggul dan kukuh malah ahlinya bertambah ramai tahun demi tahun hingga kini.

Azah mengikuti jejak langkah ibunya. Dalam usia 18 tahun beliau mengisi

borang menjadi ahli UMNO, biarpun dia tidak cergas mengambil bahagian seperti ibunya.

Begitulah ketika berlangsungnya persidangan UMNO di Pulau Pinang, beliau turut menghadirinya. Waktu itulah beliau berpeluang bertemu beberapa orang pemimpin wanita seperti Puteh Mariah (sekarang Puan Sri). Beliau sungguh kagum dengan perjuangan Puteh Mariah, seorang ibu yang begitu gigih berjuang.

Dato' Onn pula sering datang ke rumahnya untuk berbincang dengan ibunya tentang politik tanah air hingga berjam-jam lamanya. Azah tidak melepaskan peluang mendengar perbualan tokoh politik dua beradik itu.

Sambil mendengar, Azah begitu mengagumi ayah saudaranya yang sering menyatakan impiannya mahu melihat bangsanya maju. Ini diberikan sambutan yang cukup memberangsangkan oleh ibunya yang semangat kebangsaannya selalu membawa.

Oleh sebab biasa mendengar perbincangan politik yang hangat membawa itu Azah tertarik untuk mengetahui dan mengamati keadaan politik serta perjuangan politik di negaranya. Tetapi tidak lebih daripada itu.

"Entah mengapa saya sendiri tidak berminat untuk bergerak cergas dalam politik." Azah memandang hujung lututnya sekilas sebelum menyambung perbualan rancak yang diselang-seli dengan ketawa.

Apabila bertugas di alam persuratkhabaran, Azah berasa beliau memang tidak wajar memasuki politik kerana orang surat khabar seharusnya berkecuali, tidak memihak ke mana-mana supaya tulisannya nanti tidak berat sebelah, mudah-mudahan.

Apabila Dato' Onn dan ibunya meninggalkan UMNO, parti politik semakin jauh daripada kehidupan Azah. Keahlian beliau gugur dengan sendirinya apabila beliau mengikut suami berpindah ke Singapura dan tinggal di Singapura. Ketika itu semua soal politik sudah jauh daripada dunia kehidupannya, demikian pula soal persatuan.

Begitu pun, apabila Azah berpindah ke Kuala Lumpur kerana suaminya Ungku Aziz bertugas di Universiti Malaya di Kuala Lumpur pada tahun 1961, beberapa orang di Universiti Malaya berura-ura hendak menubuhkan Persatuan Wanita Universiti Malaya.

Azah dipelawa menyertainya kerana pada zaman itu orang yang berpangkat di universiti tersebut semuanya pegawai dagang – bukan setakat dari Eropah tetapi juga dari Sri Lanka, India, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan banyak lagi negara lain.

"Mereka ingin menubuhkan sebuah persatuan wanita untuk universiti," jelas Azah.

Salah satu daripada tujuan persatuan tersebut adalah untuk membantu isteri pegawai-pegawai dagang yang datang ke sini kerana mereka berdagang di negara asing dan tidak tahu banyak perkara tentang kehidupan di sini.

Persetujuan diberikan oleh Azah apabila beliau diminta membantu menubuhkan persatuan tersebut. Bersama-sama Azah merangka perlembagaan pertubuhan tersebut ialah seorang isteri pensyarah di Universiti Melaya yang bertugas sebagai pustakawan. Kini beliau sudah berpindah ke Hong Kong. Seorang lagi ialah isteri seorang profesor dari Sri Lanka.

Itulah tugas pertama Azah dalam penglibatannya secara langsung dengan persatuan atau pertubuhan sukarela wanita.

Berikutnya, pada tahun 1967 Azah diajak mengasaskan Persatuan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI). Bahkan beliau turut sama menciptakan nama PERTIWI. Biarpun beliau mengatakan beliau bukan pelopor penubuhan tersebut, Azah turut menggubal konsep penubuhan Persatuan Tindakan Wanita Islam itu, bersama-sama beberapa rakananya yang lain seperti Zaleha Bahar Rasip, bala Allahyarham Tan Sri Abdul Jalil Hassan; Rogayah Rashid, (sekarang bergelar Puan Sri, isteri Tan Sri Prof. Ismail Hussin) juga adik kepada Salmi Manja, serta Puan Habibah Baharuddin (sekarang Datin) dan Puan Rahmah A. Hamid (sekarang Puan Sri).

Namun begitu, seperti kata pepatah, sekeras-keras batu jika dititis air setiap saat akhirnya akan leruk juga, maka begitulah yang terjadi kepada Azah. Beliau menjadi aktif di dalam PERTIWI yang pada waktu itu di bawah pimpinan Puan Sri Zaleha Bahar Rasip dengan memegang jawatan ketua dua. Dan pada saat-saat akhir beliau hendak keluar daripada PERTIWI, Zakiah Hanum, (sekarang Datuk, bekas Ketua Pengarah Arkib Negara) tampil memimpin PERTIWI.

Selaras keluar daripada PERTIWI, pada tahun 1971 Azah menubuhkan Persatuan Wartawan Wanita Malaysia atau PERTAMA.

Sebagai langkah awal dalam usaha menubuhkan PERTAMA, Azah berunding terlebih dahulu dengan beberapa orang wartawan wanita daripada beberapa buah akhbar berlainan bahasa. Antaranya termasuk akhbar berbahasa Melayu, akhbar berbahasa Inggeris dan akhbar berbahasa Cina.

Dalam pertemuan yang diadakan di rumah beliau sendiri, wartawan wanita berkenaan bersetuju menubuhkan sebuah persatuan wartawan wanita memandangkan jumlah wanita yang terlibat dalam media massa agak ramai

dan kian meningkat.

Keahlian persatuan ini terbuka bukan setakat kepada wartawan wanita yang bertugas di media cetak, tetapi meliputi media elektronik juga kerana jumlah wartawan yang paling ramai pada zaman itu ialah yang bertugas di radio. Ada yang menjadi pemberita, penerbit rancangan, pengulas dan berbagai-bagi lagi tugas yang pada keseluruhannya melakukan tugas kewartawanan.

Pada suatu petang ketika hujan lebat, PERTAMA pun ditubuhkan dengan rasminya, di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka. Azah sendiri dilantik memimpin persatuan tersebut dengan jawatannya sebagai Ketua Satu PERTAMA, yang dipegang selama tujuh tahun iaitu dari 1971 hingga 1978.

"Banyak juga masa yang terkorban untuk PERTAMA," ujar Azah sambil merenung nostalgia manisnya dengan persatuan wanita yang telah dilahirkannya itu.

Ketika memimpin PERTAMA berbagai-bagi kegiatan telah dilakukan. Selain mengadakan lawatan di dalam negeri dan luar negara, ceramah oleh tokoh-tokoh terkenal turut diadakan dari semasa ke semasa.

Salah satu lawatan ke luar negara yang berkesan bagi Azah ialah rombongan pertama PERTAMA ke Indonesia, yang disertai oleh 30 orang wartawan wanita yang bertugas dengan akhbar, radio dan juga perhubungan awam pada tahun 1972.

Mereka yang bertugas dalam bidang perhubungan awam memang dibolehkan menjadi ahli PERTAMA kerana mereka menulis dan menerbitkan pelbagai makalah.

Di Indonesia, sambutan begitu hangat diberikan kepada rombongan itu oleh pihak pemerintah. Mereka diberikan layanan yang sungguh istimewa iaitu dirai, dijamu, dibawa melawat ke beberapa tempat bersejarah dan mendapat peluang bertemu wartawan wanita Indonesia.

Selain Jakarta, Azah dan anggota rombongan lainnya dibawa melawat ke beberapa daerah seperti Bandung, Jogja, Puncak serta Bali.

Kemuncak lawatan tersebut ialah pertemuan PERTAMA dengan Presiden Suharto dan isteri yang menerima lawatan PERTAMA dengan begitu mesra dan diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai dengan bapa presiden. Sebelum berpisah Presiden Suharto menghadiahikan setiap orang buku tentang beliau yang berjudul *The Smiling General*.

Ibu Tien Suharto meraikan rombongan PERTAMA dengan satu jamuan teh petang di Istana Merdeka. Segalanya ini merupakan pengalaman

yang sukar dilupakan.

Azah berhenti daripada menjadi Ketua Satu PERTAMA pada tahun 1978, setelah bersara dari Utusan Melayu. Seseorang ahli PERTAMA akan tamat keahliannya apabila tidak lagi bertugas dengan mana-mana pihak akhbar atau media yang lain. Perlembagaan PERTAMA dahulu digubal dengan mencantohi satu fasal dalam perlembagaan NUJ (National Union of Journalists) yang menyatakan hanya orang yang bekerja dengan akhbar atau radio atau media massa lain secara penuh masa sahaja boleh menjadi ahli.

Ini bererti orang yang bekerja secara sambilan tidak boleh menjadi ahli penuh PERTAMA, tetapi mereka hanya boleh menjadi ahli bersekutu. Walau bagaimanapun, mereka boleh menyertai segala kegiatan PERTAMA, tetapi tidak boleh mengundi dan memegang jawatan dalam persatuan.

Inilah satu cara untuk mengawal bukan wartawan tulen menjadi ahli penuh. Oleh itu apabila Azah berhenti dari Utusan, maka terlucutlah haknya untuk menjadi ahli PERTAMA. Beliau cuma boleh menjadi ahli bersekutu. Hal ini telah beliau terangkan kepada ahli-ahli lain. Beliau telah memujuk beberapa ahli yang telah lama berjasa dalam PERTAMA supaya mengambil alih tugas beliau.

Namun demikian tiada seorang pun yang mahu menjadi Ketua Satu PERTAMA. Namun Azah melihat beberapa orang yang sudah lama menjadi ahli memang boleh memegang jawatan Ketua Satu. Akhirnya jawatan tersebut diserahkan kepada Rahmah Osman (Sekarang Datuk Paduka). Dan beliaulah yang memimpin PERTAMA selepas Azah.

Bagaimanapun, kemudian Azah dilantik sebagai penasihat PERTAMA. Sebagai penasihat, menurut Azah, peranan beliau agak pasif dan beliau tidak lagi terlibat dalam kebanyakan kegiatan PERTAMA.

*Kuat tarik kerana kuda,
Kuat ikat kerana tali;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali.*



6.1

16.1

Rombongan PERTAMA bersama-sama Presiden Suharto di Bina Graha, 1972.



6.2

16.2

Bersama-sama Ibu Tien Suharto di Istana Merdeka, Jakarta, 1972.



16.3

16.3

Pada majlis ulang tahun ke-23 PERTAMA di bawah naungan Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Julai 1994.

Masak-memasak

*"Tersedia jamuan di Dewan Seri
Hidangan Melayu tiada terperi..."*

SALAH satu kegemaran Azah yang tidak diketahui umum adalah membeli buku masakan ke mana sahaja beliau berkunjung. Hingga kini beliau mempunyai koleksi lebih 200 naskhah buku masakan, yang turut membarisi deretan buku yang tersusun di dalam almari buku yang dipasang di dinding rumahnya di Seksyen 17 Petaling Jaya itu.

Masakan Jepun memang mendapat tempat dalam kehidupan beliau. Satu daripada masakan Jepun yang digemarinya ialah *sukiyaki*.

Bukan setakat sedap pada rasanya, tetapi *sukiyaki* juga mempunyai suatu seni masakan yang sungguh mempesona. Mengikut adat orang Jepun, untuk menikmatinya, *sukiyaki* hendaklah dimasak di atas dapur dan dimakan sebaik sahaja diangkat. Tukang masak dan tetamu ataupun keluarga duduk beramai-ramai mengelilingi dapur dengan sebuah kuali atau periuk kecil diletakkan di atas tungku dapur gas atau elektrik.

Sambil memasak mereka berbual-bual dan apabila *sukiyaki* masak, mereka makan di situ juga. Periuk atau kuali yang sedia terletak di atas tungku tidak dibiar kosong. Masakan yang sudah diambil segera digantikan atau ditambah lagi dengan sayuran, daging atau bahan separuh masak lain yang dimasak dengan kicap dan dibubuh gula. Orang Jepun memang gemar menikmati makanan yang manis sedikit untuk dimakan dengan nasi.

Sejenis lagi makanan Jepun yang menjadi kegemaran Azah ialah *miso yiru*,

sejenis sup yang menggunakan tauku lumat cara Jepun. Tauku ini berbeza daripada tauku Cina.

Selain masakan Jepun, Azah memang pandai memasak masakan Turki yang mempunyai pertalian rapat dengan keturunan neneknya yang berasal dari Turki. Ibunya, Azizah sering memasak sejenis makanan Turki yang menggunakan antara tujuh hingga sembilan macam sayuran yang dimasak dengan daging.

Setiap jenis sayur itu dipotong dan digoreng dahulu; misalnya kacang buncis, kacang bendi, tomato, terung, bunga kubis – digoreng satu per satu sekadar layu sahaja. Kemudian daging yang sudah dipotong nipis-nipis ditumis dengan tomato serta bawang dan dimasak hingga empuk dagingnya. Selain itu bawang besar yang agak banyak digoreng hingga garing untuk menjadikan masakan tersebut sedap dan wangi.

Apabila semua sayur sudah digoreng dan daging yang sudah dimasak dengan rencahnya itu empuk, masakan tersebut dilapis-lapiskan – di antara sayur, daging, dan bawang goreng di dalam sebuah bekas yang tahan panas ketuhar. Begitulah seterusnya dibuat berlapis-lapis di antara sayur, daging dan bawang. Akhir sekali masukkan sedikit kuahnya dan dibakar dalam ketuhar sampai masak.

Oleh sebab daging serta sayurnya sudah separuh masak, maka proses membakar tidak perlu lama. Cukup sekadar menjadikan campuran daging dan sayur itu mesra. Hidangan daging dan sayuran ini sangat digemari oleh keluarga Azah.

Azah bukan sekadar mengetahui berbagai-bagi jenis masakan moden antarabangsa, malah amat meminati dan pandai serta suka memasak masakan tradisional termasuk kuih-muih tradisional Melayu.

Segalanya bermula daripada ibunya Allahyarham Ibu Azizah Ja'afar. Ibunya seorang yang pandai dan gemar memasak, beliau suka mencipta masakan baru berdasarkan masakan lama. Beliau bukan sahaja memelihara, malah meningkatkan beberapa jenis makanan atau sajian Melayu asli yang kian dilupakan oleh masyarakat sekarang.

Umpamanya orang Melayu Johor sering menjadikan kuih pengangan kacau sebagai suatu manisan yang sangat digemari, dihidangkan pada musim-musim perayaan terutamanya hari raya dan untuk majlis-majlis per-kahwinan.

Keluarga Azah sendiri selaku anak Johor tulen mempunyai beberapa jenis kuih pengangan kacau yang sering dibuat menjelang hari raya. Antaranya pengangan kacau labu. Labu yang telah direbus dan dilecek kemudian dibubuh

telur dalam jumlah yang banyak diikuti gula dan santan dan diramas dengan daun pandan untuk mendapatkan keharuman.

Setiap satu banchuan cair penganan kacau dikacau berjam-jam mungkin empat, lima atau enam jam seperti orang mengacau dodol. Kemudian, apabila menjadi berbuku, dituangkan ke dalam loyang dan seterusnya ditetal di pinggan untuk dihidang.

Penganan kacau jenis ini ada berbagai-bagai. Seperti yang baru disebutkan tadi ialah penganan labu. Namun begitu, penganan labu ini diberikan nama yang indah sesuai dengan rasanya yang lazat iaitu "puspa ningrat" yang berasal daripada bahasa Sanskrit bererti "bunga negara".

Sejenis penganan kacau yang dibuat daripada keledek pula diberikan nama "anta kesuma". Ada juga penganan kacau diberi nama "mega wangsa". Nama-nama makanan yang indah ini pasti sekali melambangkan betapa seni dan kayanya pengetahuan penciptanya dengan kekayaan perbendaharaan kata yang puitis. Menurut ibunya, penganan-penganan kacau ini berasal dari zaman Temenggung Ibrahim Johor.

Biarpun perkataan daripada bahasa Sanskrit diambil untuk menamakan juadah lazat kegemaran keluarganya, namun nama dalam bahasa Melayu tidak juga disisihkan. Umpamanya agar-agar bersakar.

Kuih agar-agar bersakar ini dibuat daripada agar-agar yang dimasak dengan gula dan diwarnakan. Selepas beku, agar-agar ini dipotong kecil-kecil lalu dijemur seminggu atau lebih sehingga bersakar, atau naik gulanya. Inilah sebabnya dinamakan "agar-agar bersakar". Untuk kuih ini ada pula pantun yang dapat dikaitkan dengannya:

*Kain baldu kain Makasar,
Halus tidak dapat ditenun;
Laut madu sungai bersakar,
Haus tidak dapat diminum.*

Memang agar-agar bersakar ini kelihatan begitu cantik dan menyelerakan apabila disajikan. Gulanya yang memutih bagaikan kristal meliputi agar-agar yang sudah beku berwarna hijau atau merah yang kelihatan samar-samar di celah selaput gula yang berkarang.

Scjenis lagi kuih yang sering disebut orang Kelantan sebagai "emas scjempit" dipercayai berasal dari Thailand – dinamakan oleh orang Johor – tonjit. Kuih tersebut dibuat daripada kuning telur yang dipukul hingga sebati,

kemudian dituang sesudu-sesudu ke dalam air gula mendidih perlahan-lahan dan apabila sudah masak dicubit dengan tiga jari menjadi "sejemput".

Sejenis lagi juadah yang dibuat daripada kuning telur, dikirai ke dalam air gula supaya berurat halus-halus. Orang Kelantan menyebutnya "jala emas". Begitu juga di negeri-negeri lain. Namun, orang Johor menamakannya "rumput syurga".

Azah dengan kegemarannya bergurindam berpadu dengan minatnya mengadakan pertunjukan pakaian tradisional dan kemampuan mencipta nama yang indah-indah serta kebolehan memasak telah menggubah sebuah gurindam untuk pertunjukan Busananeka yang memperkatakan tentang hidangan dan suasana indah dalam satu majlis jamuan diraja pada zaman silam.

Baru-baru ini gurindam tersebut telah diolahnya semula kerana didorong oleh keinginannya melihat makanan Melayu dihidangkan secara indah, beradat dan bergaya dalam majlis-majlis jamuan istimewa.

Alkisah!

*Menurut yang empunya ceritera
Tersebut kisah suatu temasya
Pada suatu malam syahdu
Berlangsung majlis cara Melayu
Jamuan beradat menurut sejarah
Zaman gemilang di bumi bertuah*

*Tersedia jamuan di Dewan Seri
Hidangan Melayu tiada terperi
Nasi Pelangi tujuh warna
Diiringi lauk tujuh rasa
Ulam rampai berukir bunga
Juadah dan halwa memikat selera
Hidangan Nikmat tujuh bangsa
Puspa Ningrat, Anta Kesuma
Tiga dengan Gubahan Halwa
Empat dengan Agar-agar Bersakar
Lima dengan Mega Wangsa
Enam dengan Emas Sejemput
Tujuh dengan Rumput Syurga*

*Manis rasanya buah-buahan dusun
 Diolah, digubah, di dulang tersusun
 Sambil tetamu menikmati jamuan
 Irama merdu mengalun perlahan
 Senandung biduan menyampai madah
 Lagu lama irama nan indah*

*Selesai lagu melimbailah penari
 Tarian bernama Impian Pelangi
 Selendang dipakai berwarna-warni
 Nipis melayang, berseri-seri*

*Sesudah makan tetamu budiman
 Dibawa cerek, pembasuh tangan
 Lalu memakai minyak diraksi
 Harum baunya ambar kesturi*

*Kedengaran pula lagu Melayu
 Lagu dikarang biduan dahulu
 Biduan berdendang suaranya merdu
 bagaikan bunyi buluh perindu*

*Tepak sirih diedar pula
 Makanlah sirih tetamu yang mulia
 Sirih tersusun di dalam cerana
 Lengkap dengan rempah ramuannya*

*Terhibur semalam tetamu bestari
 Tampillah penari sekali lagi
 Pesona Songket nama tarian
 Songket dipuja pusaka berzaman
 Tarian disusul lagu nan merdu
 Lagu tinggalan para datu*

*Telah dinisihari di majlis cemerlang
 Berakhir sudah jamuan gemilang
 Bulan mengambang bertambah terang
 Bintang timur mengarak siang
 Siang mengejar malam
 Malam mengejar siang ...*

Sebagai anak Johor, Azah tidak pernah melupakan kampung halamannya. Johor yang berjiran dengan Singapura dan dihuni oleh pelbagai kaum tetap menjadi kebanggaannya. Beliau sentiasa melihat keistimewaan yang terhasil daripada penduduk berbilang kaum itu, terutama dari segi makanan.

Makanan orang Melayu menurut beliau banyak dipengaruhi oleh kaum lain. Misalnya kari, kurma dan nasi minyak berasal dari India. Masakan orang Melayu tulen tidak menggunakan rempah seperti jintan, ketumbar, cengkeh, pelaga dan sebagainya. Rempah-ratus ini diperkenalkan kepada orang Melayu oleh orang India sejak orang India melabuhkan sauh kapalnya di Selat Melaka.

Pengaruh daripada kaum Cina pula ialah penggunaan kicap, tauhu, tauku dan masakan bubur. Kaum Cina sangat suka masakan jenis bubur. Orang Melayu Johor begitu gemar makan bubur kanji yang disebut *kouji* oleh kaum Cina sebagai sarapan.

Bubur kanji begitu mudah. Beras dijerang dengan banyak air dan dimasak hingga menjadi bubur, kemudian dimakan dengan jeruk-jeruk, ikan kering dan sebagainya. Namun begitu orang Melayu menokok tambah lauknya, misalnya dibuatkan pelbagai jenis sambal yang pedas masam dan manis untuk menjadi lauk bubur. Antara yang sangat digemari ialah sambal udang kering dan kacang goreng yang ditumbuk dengan cili merah, dibubuh gula dan garam dan diperah limau nipis.

Oleh sebab begitu hampir dengan Singapura – hanya dipisahkan oleh Selat Tebrau dan disambungkan pula oleh Tambak Johor – maka pelbagai pengaruh Eropah yang wujud di Singapura dahulu menyerapi selera makan orang Johor. Misalnya kegemaran makan berbagai-bagai jenis makaroni, spaghetti dan sebagainya. Makanan ini mula diketahui oleh orang Melayu Johor daripada di tempat lain.

Semua pengaruh di atas bagi Azah begitu menarik kerana dapat memperkaya budaya Melayu itu sendiri.

Azah hairan mengapa manisan selepas makan disebut sebagai pencuci mulut, kerana mencuci mulut merupakan suatu kerja yang tidak begitu santun. "Orang tidak mencuci mulut di hadapan orang lain, jadi mengapa kita gunakan pencuci mulut untuk hidangan yang manis?"

Terdapat perkataan yang khusus untuk menggantikan perkataan pencuci mulut. Perkataan "hidangan nikmat" boleh didapati dalam hikayat-hikayat lama. Malah Azah pernah terbaca perkataan "tambul" dalam *Hikayat Hang Tuah* yang bererti hidangan ringan atau dalam bahasa Inggeris *light refreshments* atau *snacks*.

Dalam sekian banyak jenis masakan antarabangsa yang dipelajari dan diketahui cara memasaknya, namun masakan cara Melayu yang dibumbui serai, lengkuas, daun kunyit serta ulam-ulaman masih menjadi keutamaan dan makanan kegemaran Azah.

*Pisau raut panjang sekerat,
Buat meraut rotan saga;
Ikan di lant asam di darat,
Dalam belanga berjumpa juga.*



17.1

17.1

Dalam majlis pelancaran buku *Celebrity Chef*, Kuala Lumpur 1992, Azah turut menyumbangkan resipi dalam buku tersebut.



17.2

Belajar memasak di Konvensyen
Baba dan Nyonya di Pulau Pinang,
1991.

Perjalanan

*Banyak membaca,
Tambah pengetahuan;
Jauh berjalan,
Banyak pengalaman.*

JAUH berjalan luas pengalamannya, lama hidup banyak dirasa, begitu kata peribahasa kita yang mempunyai erti sungguh luas dan mendalam. Azah, tokoh kita yang tidak asing lagi itu, memulakan perjalanan ke luar negara sejak usia remajanya.

Negara-negara pertama dilawatinya adalah di rantau Asia Tenggara. Beliau mengembara bersama-sama suaminya, dengan meninggalkan Zeti yang masih kecil di bawah jagaan Ibu Azizah.

Perjalananannya ke sana melalui jalan laut dengan menaiki sebuah kapal Perancis. Pengalaman menaiki kapal memang mahal harganya. "Sangat menarik bagi saya yang masih muda pada waktu itu," ujar Azah dengan matanya bersinar, mengenang kembali keindahan zaman mudanya dahulu.

Kapal tersebut bertolak dari Singapura dan singgah di tiga buah pelabuhan dalam perjalananannya mengelilingi rantau Asia Tenggara. Kota pertama yang disinggahi ialah Saigon (sekarang kota Ho Chi Minh), Hong Kong, Manila kemudian balik ke Singapura tempat kapal itu mula-mula bertolak.

Keadaan di Hong Kong pada pemerhatian Azah, tidak banyak menawarkan kelainan mahupun keistimewaan. Tetapi Saigon yang pada waktu itu di bawah jajahan Perancis begitu memukau Azah.

Kota Saigon sungguh menarik. Keadaan kehidupan masyarakat di sana

juga menarik minat Azah. Ramai penduduk di kota Saigon pandai berbahasa Perancis. Apatah lagi yang bekerja di hotel tempat Azah dan suaminya menginap. Hidangannya makanan Perancis belaka.

Selepas Saigon, perjalanan ibu muda itu diteruskan ke Manila, mengikut arus gelombang dan hantaran jentera yang menderu lembut disalut kebiruan air.

Sebagaimana perjalanan ke Saigon, Filipina juga baru pertama kali dijelajahnya. Sebagai tempat yang baru dilihat, Filipina tidak kurang menariknya, biarpun Saigon masih tetap mengatasinya kerana kelainannya yang istimewa itu.

Akhir sekali kapal yang besar itu kembali ke Singapura setelah membuat perjalanan selama dua minggu. "Itulah suatu percutian yang sangat nikmat," jelas Azah.

Dalam perjalanan yang panjang berentetan itu, terutama jika gelombang besar dan kapal bergoyang atau turun naik menjunam gelombang lautan luas biasanya Azah tidak berdaya menahan mabuk.

Beliau memilih naik kapal jika hanya untuk perjalanan di Asia Tenggara yang lautnya tidak sebegitu besar, biarpun mungkin terpaksa meredah juga perairan Laut Cina Selatan, namun beliau bersyukur kerana tidak menempuh lautan yang terlalu bergelora.

Pengalaman mabuk laut merupakan suatu nostalgia yang tidak mudah dilupakan, biarpun hanya pening-pening lalat dan tidak muntah-muntah, namun Azah tetap terlantar di kabin.

"Tidak bolch bangun dan tiada selera makan. Rugi rasanya kerana makanan di dalam kapal Perancis sedap-sedap. Kuihnya cantik sekali."

Azah dan suaminya memilih perjalanan laut bukan kerana tiada kapal terbang pada zaman itu, sebaliknya kerana seronok belayar dengan kapal besar mengharungi samudera luas.

Baginya mengutip pengalaman di laut luas ialah suatu yang mahal nilainya. Di dalam kapal besar itu tidak ubah seperti sebuah hotel. Terdapat kolam mandi bagi penumpang yang gemar berenang. Bagi peminat wayang ditayangkan wayang gambar menjelang malam. Yang meminati muzik boleh mendengar muzik klasik, sementara ulat buku boleh pergi ke perpustakaan bila-bila masa sahaja.

Berbanding dengan naik kapal terbang, penumpang cuma dapat makan, minum, tidur dan membaca atau menonton wayang gambar sahaja. Sekiranya ingin mendapatkan keseronokan dalam perjalanan, maka kapal laut

menyediakan dan menawarkan kesempurnaan dan kepuasan.

Bagi Azah yang tidak dapat menikmati bulan madunnya ketika lepas kahwin kerana kebetulan zaman itu zaman susah akibat dunia dilanda kemusnahan Perang Dunia Kedua, perjalananinya meredah lautan boleh dianggap seperti bulan madu kedua.

Dan, semenjak itu Azah sering mengembara bersama-sama suami. Kebetulan tugas Azah pada waktu itu sering memberinya kesempatan melawat luar negara.

Peluang mengunjungi negara asing kian rancak apabila Ungku Aziz dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya. Perjalananya tidak untuk melancong dan berseronok semata-mata, sebaliknya mengikut suami ke persidangan naib canselor sedunia. Sekali di Montreal, Kanada, di Scotland dan berikutnya di Moscow.

Dalam persidangan tersebut hampir 1000 naib canselor hadir. Daripada jumlah hampir 1000 itu seramai lebih kurang 700 orang membawa isteri masing-masing.

Di Moscow, sekali lagi Azah terpukau semasa beliau dan rakan-rakannya sampai untuk mendaftar. Sederet pemuda dan pemudi yang bertugas di tempat pendaftaran itu ternyata tahu berbahasa Melayu, Indonesia, Arab, Cina, Jepun, Urdu dan sebagainya. Mereka merupakan siswazah dari fakulti bahasa antarabangsa, Universiti Moscow. Para pemuda yang tampan dan pemudi yang cantik jelita itulah yang menjaga serta menjadi pemandu pelancong kepada isteri perwakilan. Ketika mengenangkan sambutan dan layanan yang diperoleh itu, sudah tentu sahaja kehebatan persidangan tersebut tidak sebegitu mudah dapat dihakis daripada diinding ingatan.

Perjalanan Azah amat panjang jika disenaraikan. Selepas itu beliau berkunjung pula ke negara-negara Scandinavia, Finland, Norway, Sweden dan Denmark. Pendek kata serata bumi Eropah Utara itu dipijaknya.

Perjalannnya ke sana diibaratkan seperti kata peribahasa Melayu sekali berkayuh dua tiga pulau dilangkau.

Beliau pada asalnya dalam perjalanan ke England untuk bercuti dengan suami. Dalam perjalanan tersebut beliau singgah di Mesir, bumi piramid yang masyhur. Sebagai seorang yang meminati barang antik, tentu sahaja Azah gemar menyaksikan khazanah purba untuk menambahkan pengetahuan.

Setelah bertugas sebagai wartawan, perjalanan yang dilakukannya tidak lagi atas dasar mengikut suami, tetapi atas nama kerjayanya.

Sebagai wartawan, Azah mendapat jemputan dari Amerika Syarikat bagi

menghadiri Persidangan Wartawan Asia Pasifik tahun 1967. Pemergiannya ke sana adalah sebagai wakil Malaysia.

Persidangan awalnya di Hawaii, selama seminggu. Seterusnya beliau serta para perwakilan dibawa ke San Francisco. Dari San Francisco beliau bersama-sama para perwakilan lainnya dibawa pula merentas benua Amerika itu dari Pantai Baratnya ke Pantai Timur, hingga ke ibu kotanya Washington D.C.

Perjalanan tersebut bagi Azah lebih bersifat pengembalaan, yang membawanya menyaksikan cara kehidupan di Amerika. Tujuan orang Amerika pun memang untuk memperkenalkan cara hidup mereka kepada orang asing, terutama kepada para wartawan. Pengembalaan tersebut menawarkan pengalaman yang berbeza daripada perjalannya yang lalu-lalu. Beliau akan menaiki kapal terbang untuk pergi ke tempat yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan lain.

Jika tidak, beliau dibawa menaiki bas, kereta api atau bot. Menaiki bot menyusuri Sungai Mississippi yang masyhur merupakan perjalanan yang menarik dan menyegarkan.

Perjalanan berkereta juga ternyata dapat menambah kepelbagaiannya pengalaman pengembalaan yang boleh dianggap panjang juga itu. Di hujung pengembalaannya tiba-tah Azah buat pertama kalinya ke kota raya New York, sebuah kota pencakar langit yang dipenuhi belantara konkrit.

Perjalanan itu belum juga tamat rupanya. Beliau dibawa pula ke Washington D.C. sebagai titik terakhir pengembalaannya di Amerika Syarikat.

Dalam selitan pengembalaannya itu, Azah serta rakan-rakannya mendengar taklimat daripada orang-orang kanan dari Jabatan Negara di Washington tentang situasi negara mereka ketika menghadapi Perang Vietnam yang sedang hangat berlaku ketika itu.

Anehnya, hampir semua orang Amerika yang Azah temui rata-rata tidak begitu senang dengan penglibatan negara mereka dalam perperangan di Vietnam itu.

Malah ke mana sahaja beliau pergi, kiranya bertemu orang Amerika, beliau akan ditanya tentang pandangannya terhadap penglibatan Amerika dalam peperangan di Vietnam itu.

Azah bersama-sama rakan-rakannya termasuk yang datang dari Jepun sering menyatakan kebencian terhadap perperangan dan berpendapat bahawa Amerika seharusnya tidak melibatkan diri dalam perperangan tersebut. Ia tiada kena-mengena dengan Amerika. Mengapakah Amerika yang terletak di barat dunia harus datang mengebom Vietnam yang jauh terpencil di Asia – di

kawasan timur dunia?

Perbuatan Amerika itu memang wajar dikutuk. Masyarakat Amerika sendiri pada waktu itu sudah menentang penglibatan negaranya itu. Tunjuk-tunjuk perasaan tidak berhenti diadakan di sana sini.

Pada zaman itulah lahir golongan yang digelar "hipi". Apabila Azah pergi ke San Francisco, pusat kegiatan anak-anak muda hipi ketika itu, beliau mendapat tahu bahawa masyarakat di sana bukan semua bersetuju dengan cara hidup hipi itu. Angkatan hipi ini berambut panjang, berpakaian serbah-serbih dan jarang mandi!

Namun demikian, di sebalik rambut panjang dan pakaian tidak semenggah yang menyakitkan mata memandarig itu, masih ada yang menjadi daya tarikan kepada Azah, yang meminati berbagai-bagai jenis seni ini. Daya tarikan itu terletak pada gerakan protes yang dipelopori oleh seniman zaman itu, seperti penyanyi Joan Baez, Bob Dylan dan beberapa orang lagi yang mencipta lagu-lagu protes.

Mereka menentang tindak-tanduk pemerintah Amerika mencampuri peperangan di negara lain. Dan pada waktu yang sama mereka seolah-olah kembali ke pangkal jalan, meminati semula lagu-lagu rakyat masyarakat Amerika dan sekali gus membentuk suatu generasi seniman baru. Seni kata yang bertemakan percintaan asyik maksyuk sudah sirna dan jika lau adapun sekadar penghias hari sahaja.

Bermula daripada perjalanananya yang pertama hingga kini, langkah-langkah beliau ke luar negara seperti masih belum menemui titik terakhirnya. Setiap tahun, sekurang-kurangnya sekali dua beliau akan berkunjung ke negara orang.

Jikalau tidak berjalan ke negara orang, beliau akan berjalan di negara sendiri. Dalam kehidupan berjalan merupakan suatu kemestian. Sementara perjalanan yang paling dinikmati dan mengasyikkan beliau adalah berjalan di tepi pantai tanpa mengira waktu. Kadang-kadang pada waktu tengah hari pun beliau boleh berjalan di tepi pantai berpasir lumat. Azah akan menyusuri tepian pantai dengan berbaju kaftan dan berkaki ayam sambil menghirup hembusan pawana dari laut, dan menyebarkan haruman flora dari darat bagi menambah menyerikan lagi keindahan petang yang redup dan dingin itu.

Perjalanan ke luar negara pula memberi beliau peluang mengutip segala macam pengalaman serta resipi baru. Perjalanananya di pesisir pantai yang berpasir lumat dan bersih diindahkan pula dengan irama deru ombak mencecah pantai dan geselan dedaun kelapa dihembus bayu memberikan beliau peluang

mengutip segala macam khazanah alam yang terbenam di gigi air.

Segala yang dikutip itu dianggap seni belaka, termasuk pelbagai macam akar yang terdampar di pantai. Akar, kayu, berbagai-bagai jenis siput atau karangan laut, malah sauh dan rangka perahu yang terdampar dibawa arus ke pantai, dibawa balik ke rumahnya di Pantai Morib atau dibawa ke Kuala Lumpur untuk disimpan di rumah pula. Ada juga yang diletakkan di kebun atau setengah-setengah yang cantik bentuknya akan dihadiahkan kepada kawan-kawan.

Berada di tepian pantai bagi Azah bukan sekadar suatu hobi. Apabila memandang alam keliling yang maha luas, beliau dapat menghayati kebesaran dan kekuasaan Ilahi, lalu merasakan dirinya begitu kecil, "tidak ubah sebutir habuk yang terdampar di pantai zaman".

*Semalam-malaman
Kudengar deru angin
Di pantai sunyi.*



8.

8.1
ah
lik
ita
am8.2
ers
in T
elav8.3
erg
Ta
ust



2

sentiasa berbaju kurung
ke luar negeri, di tangga Pi-
Di Spania, Kota Rom, tahun
puluhan.

2

ama-sama wanita Uzbekistan
Tan Sri Aishah Ghani ketika
wat USSR, 1968.

3

ambar dengan beruang koala
ronga Park Zoo, Sydney,
ralia, tahun enam puluhan.





18.4

18.4

Azah ke London bersama wartawan Singapura, 1961.



18.5


18.5

Zaharah Nawawi mewawancara Azah di rumahnya di tepi Pantai Morib selepas mandi laut.



18.6

Mengiringi suami ketika
menerima Anugerah
Fukuoka, Jepun, 1993



Biodata Pengarang



ZAHARAH NAWAWI, anak kelahiran Batu Pahat Johor. Berpendidikan setakat darjah enam sekolah Melayu (secara formal). Meningkatkan ilmu pengetahuan serta kelulusan akademik dengan usaha sendiri sehingga melanjutkan pelajaran dalam bidang seni foto di Tokyo, Jepun (1966–1968) dengan perbelanjaan sendiri.

Cita-cita zaman kecilnya untuk menjadi penulis sudah menjadi kenyataan. Zaharah menulis dalam bidang cerpen, novel serta puisi. Zaharah sering memenangi hadiah dalam peraduan yang dimasukinya. Ganjaran terbesar yang diraihnya ialah S.E.A. Write Award di Bangkok pada 26 September 1996.

Zaharah telah menghasilkan empat buah kumpulan cerpen per-sendirian, tujuh buah novel dewasa, dan dua buah novel kanak-kanak. *Anugerah* (1995) karya Zaharah merupakan novel Melayu yang paling tebal turut memberikan beberapa anugerah pula kepada beliau. Antaranya, S.E.A. Write Award dan Anugerah Majlis Buku Kebangsaan 1996 sebagai novel terbaik kategori dewasa.

AZAH AZIZ: Kartika di Langit Seni ialah buku biografi pertama Zaharah Nawawi. Buku ini merakamkan biografi seorang budayawan negara semasa zaman kanak-kanak hingga tahun 1993. Kehidupan Azah Aziz ketika zaman kanak-kanak dan remaja wajar diamati oleh golongan remaja kerana ia mengisahkan kegigihan Azah dalam mengharungi liku-liku hidup yang mencabar setelah ayah beliau meninggal dunia. Sikap positif dan keyakinan pada diri yang ditunjukkan oleh Azah dapat dijadikan teladan oleh para remaja agar berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita.